

PENERIMAAN PENDENGAR TERHADAP PENCERAMAH DARI
LUAR NEGARA: KAJIAN DI MASJID
AL-FALAH USJ 9, SELANGOR

NOR SHAHIDA BINTI SHAHREL

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

**PENERIMAAN PENDENGAR TERHADAP PENCERAMAH
DARI LUAR NEGARA: KAJIAN DI MASJID
AL-FALAH USJ 9, SELANGOR**

NOR SHAHIDA BINTI SHAHREL

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

PENERIMAAN PENDENGAR TERHADAP PENCERAMAH DARI LUAR NEGARA: KAJIAN DI MASJID AL-FALAH USJ 9, SELANGOR

ABSTRAK

Kajian membincangkan tentang penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara di Masjid Al-Falah USJ 9 (MAF USJ 9), Selangor. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji konsep ceramah agama dan bentuk-bentuk penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9, mengenalpasti pelaksanaan aktiviti ceramah agama melibatkan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 serta menganalisis penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9. Metode kajian menggunakan kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Sebanyak 240 set soal selidik telah diedarkan kepada responden yang pernah mengikuti ceramah agama penceramah dari luar negara di MAF USJ 9. Manakala, temu bual dijalankan dengan Imam Satu MAF USJ 9 bagi mengetahui latar belakang masjid, pelaksanaan aktiviti ceramah agama serta sambutan masyarakat terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara. Kajian mendapati terdapat enam aspek penting penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara, antaranya ialah peranan dan sumbangan masjid, penceramah dari luar negara, daya tarikan penceramah dari luar negara, isi ceramah agama penceramah dari luar negara, kefahaman ceramah agama dan pengaruh ceramah agama penceramah dari luar negara. Hasil kajian mendapati kehadiran penceramah luar negara di MAF USJ 9 dalam menyampaikan ceramah agama dapat diterima baik. Ini menunjukkan aspek penerimaan pendengar memainkan peranan dalam menarik lebih masyarakat untuk turut hadir mengikuti ceramah yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

**PENERIMAAN PENDENGAR TERHADAP PENCERAMAH DARI LUAR
NEGARA: KAJIAN DI MASJID AL-FALAH USJ 9, SELANGOR**

ABSTRACT

This research discussed on audience's acceptance towards the foreign preachers at Masjid Al-Falah USJ 9 (MAF USJ 9), Selangor. The purpose of this study is to review the concept of Islamic public lectures and the types of audience acceptance towards foreign preachers at MAF USJ 9, to identify the implementation of Islamic public lectures activities which involve foreign preachers at MAF USJ 9 plus to analysis the audience acceptances towards foreign preachers at MAF USJ 9. The method that been used for the research are the methodologies of library findings and field research. 240 sets of survey questions had been circulated to respondents who used to follow the Islamic public lectures which were conducted by foreign preachers at MAF USJ 9. Meanwhile, interview session was conducted with Imam 1 MAF USJ 9 (Islamic priest of MAF USJ 9) for obtaining the background of the mosque information, the way of public lectures has been conducted as well as the level of public's acceptance towards the foreign preachers at MAF USJ 9, Selangor. The research findings found that six aspects have been identified to influent audience's acceptance aspects towards the foreign preachers, namely, the roles and contributions of mosque, foreign preachers' attributes, the charismatic and the content of the lectures, the understanding of the Islamic public lectures as well as the credibility of the foreign preachers. The result shows that the presence of foreign preachers in giving Islamic public lectures at MAF USJ 9 are being well accepted. This is because, the audience acceptances play important roles in order to attract other people to join the Islamic public lectures at MAF USJ 9 that being conducted by foreign preachers.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNYA memberi kesempatan kepada pengkaji untuk menyiapkan disertasi ini. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, para sahabat, tabi' t̄abi'in dan Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah SWT.

Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Abdullah bin Yusof dan Dr. Asyiqin binti Ab Halim selaku penyelia yang banyak memberi bimbingan, nasihat, teguran dan tunjuk ajar sehingga terhasilnya disertasi ini. Jutaan terima kasih kepada pensyarah di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, iaitu Dr Faisal bin Abd Hamid, Dr Hj. Aizan Ali@Mat Ali dan Dr Hayati binti Hj Hamzah yang memberi tunjuk ajar, nasihat dan komentar kepada pengkaji. Begitu juga kepada pensyarah-pensyarah yang telah mengajar sewaktu pengkaji mengambil subjek kursus yang ditawarkan. Ucapan terima kasih kepada Pn. Suzana binti Muhamad Zain selaku pembantu tadbir di jabatan di atas pertolongan yang diberi sepanjang pengkaji menyiapkan kajian ini.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada ahli jawatan kuasa Masjid al-Falah USJ 9, Selangor, di atas kerjasama yang diberikan kepada pengkaji dalam mendapatkan maklumat mengenai latar belakang MAF USJ 9 serta maklumat aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid. Tidak dilupakan individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung memberi bantuan, maklumat dan kerjasama dalam penyediaan bahan untuk menyiapkan tugas ini.

Setinggi penghargaan yang tidak terhingga buat ayahanda dan ibunda yang tercinta Hj. Shahrel bin Hj. Hasan dan Hjh. Norabibah binti Hj Yaakob, serta keluarga yang tersayang (Mohd Shabri, Norazirawati, Nor Liza, Baharuddin, Normazwina, Apandi, Mohd Hairi, Siti Nurakma dan Mohd Zami Ruddin) atas segala iringan doa, sokongan dan semangat yang dihulurkan membolehkan diri ini untuk terus melangkah menghadapi cabaran dan rintangan dalam usaha menyelesaikan kajian ini dengan penuh sabar. Buat sahabat-sahabat, terima kasih saya ucapkan atas bantuan dan sokongan sepanjang perjalanan memenuhi program sarjana ini. Sumbangan kalian amat saya hargai dan hanya kepada Allah SWT yang dapat membalasnya. Semoga kita semua sentiasa berada dalam rahmat Allah SWT.

**NOR SHAHIDA BINTI SHAHREL
IGB 140016
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur**

**228 Felda Jengka 13,
26400 Bandar Jengka,
Pahang.**

Februari 2018

SENARAI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
SENARAI KANDUNGAN	viii
JADUAL TRANSLITERASI	xii
SENARAI KEPENDEKAN.....	xiv
SENARAI JADUAL.....	xvi
SENARAI CARTA.....	xviii
BAB PERTAMA: PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian.....	3
1.3 Persoalan Kajian.....	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian.....	6
1.6 Definisi Tajuk.....	8
1.6.1 Penerimaan Pendengar.....	8
1.6.2 Penceramah dari Luar Negara.....	9
1.6.3 Masjid al-Falah (MAF) USJ 9	10
1.7 Skop dan Batasan Kajian.....	10
1.8 Ulasan Kajian Lepas.....	11

1.8.1 Pendekatan Masjid.....	12
1.8.2 Penerimaan Masyarakat.....	17
1.9 Metodologi Kajian.....	22
1.9.1 Sumber Data	22
1.9.2 Analisis Sumber Data	24
BAB KEDUA: KONSEP CERAMAH AGAMA DAN PENERIMAAN TERHADAP PENCERAMAH LUAR NEGARA.....	26
2.1 Pengenalan.....	26
2.2 Konsep Ceramah Agama.....	27
2.3 Pendekatan Ceramah Agama.....	31
2.4 Bentuk Ceramah Agama.....	34
2.5 Aspek Penerimaan Pendengar Terhadap Penceramah dari Luar Negara	38
2.5.1 Peranan dan Sumbangan Masjid.....	38
2.5.2 Penceramah dari Luar Negara.....	41
2.5.3 Daya Tarikan Penceramah dari Luar Negara.....	43
2.5.4 Isi Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara.....	48
2.5.5 Kefahaman Ceramah Agama	53
2.5.6 Pengaruh Ceramah Agama	56
2.6 Kesimpulan.....	59
BAB TIGA: PERLAKSANAAN AKTIVITI CERAMAH AGAMA MASJID AL- FALAH USJ 9, SELANGOR.....	61
3.1 Pengenalan.....	61
3.2 Peranan Masjid	62

3.3 Masjid al-Falah (MAF) USJ 9.....	63
3.3.1 Sejarah Masjid al-Falah (MAF) USJ 9.....	63
3.3.2 Surau di Bawah Pengelolaan MAF USJ 9.....	66
3.3.3 Sejarah UEP Subang Jaya (USJ).....	66
3.4 Pengurusan Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9.....	68
3.4.1 Peruntukan Kewangan di MAF USJ 9.....	68
3.4.2 Prosedur Pengambilan Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9.....	69
3.5 Aktiviti Ceramah Agama Penceramah Luar Negara di MAF USJ 9.....	70
3.5.1 Aktiviti Ceramah Agama Secara Bulanan di MAF USJ 9.....	71
3.5.2 Aktiviti Ceramah Agama Secara Tahunan di MAF USJ 9.....	71
3.5.3 Ceramah Khas Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9.....	73
3.6 Sambutan Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9.....	75
3.7 Kepentingan MAF USJ 9 dalam Pembangunan Masyarakat Sekitar.....	77
3.8 Kesimpulan.....	79

**BAB EMPAT: ANALISIS PENERIMAAN PENDENGAR TERHADAP CERAMAH
AGAMA PENCERAMAH DARI LUAR NEGARA.....80**

4.1 Pengenalan.....	80
4.2 Reka Bentuk Kajian.....	80
4.3 Kajian Rintis.....	81
4.3.1 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.....	82
4.4 Sampel Kajian.....	84
4.5 Instrumen Kajian.....	86
4.6 Dapatan Kajian.....	88
4.6.1 Maklumat Demografi Responden (Bahagian A).....	88

4.6.2. Penyertaan Responden dalam Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9 (Bahagian B).....	98
4.6.3 Penerimaan Pendengar Mengenai Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9 (Bahagian C).....	106
4.7 Ujian Korelasi.....	124
4.8 Kesimpulan.....	128
BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN.....	129
5.1 Pendahuluan	129
5.2 Rumusan.....	129
5.2.1 Masjid al-Falah (MAF) USJ 9	129
5.2.2 Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9	130
5.2 Cadangan.....	132
BIBLIOGRAFI.....	135
LAMPIRAN.....	145

JADUAL TRANSLITERASI

Transliterasi yang digunakan ialah berdasarkan kepada Daftar Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur sebagaimana terdapat dalam buku Panduan Penulisan tesis/disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Edisi ketiga (2012).

a. Konsonan

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1.	أ	' (a,i,u)	الْقِرَاءَةُ	<i>al-Qira'ah</i>
2.	ب	b	بَعَثَ	<i>ba'atha</i>
3.	ت	t	تَابَ	<i>tāba</i>
4.	ث	th	ثَوَابَ	<i>thawāba</i>
5.	ج	j	جَعَلَ	<i>ja'ala</i>
6.	ح	h	حَلَبَ	<i>halaba</i>
7.	خ	kh	خَطَبَ	<i>khataba</i>
8.	د	d	دَفَعَ	<i>dafa'a</i>
9.	ذ	dh	ذَهَبَ	<i>dhahaba</i>
10.	ر	r	رَجَعَ	<i>raja'a</i>
11.	ز	z	زَرَ	<i>zara'a</i>
12.	س	s	سَمِعَ	<i>sami'a</i>
13.	ش	sh	شَفَعَ	<i>shafa'a</i>
14.	ص	ṣ	صَعَدَ	<i>sa'ada</i>
15.	ض	ḍ	ضَلَلَ	<i>dalala</i>
16.	ط	ṭ	طَلَعَ	<i>tala'a</i>
17.	ظ	ẓ	ظَفَرَ	<i>zafara</i>
18.	ع	' (a,i,u)	عَلَيْهِ	<i>'alayh</i>
19.	غ	gh	غَفَرَ	<i>ghafara</i>

20.	ف	f	فَلَحَ	<i>falaha</i>
21.	ق	q	قَلَمَ	<i>qalama</i>
22.	ك	k	كَتَبَ	<i>kataba</i>
23.	ل	l	لَعِبَ	<i>la 'iba</i>
24.	م	m	مَنَعَ	<i>mana 'a</i>
25.	ن	n	نَالَ	<i>nala</i>
26.	و	w	وَعَدَ	<i>wa 'ada</i>
27.	ه	h	هَدَمَ	<i>hadama</i>
28.	ي	y	يَعْلَمُ	<i>ya 'lamu</i>

b. Vokal Panjang

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1.	أ	ā	قَالَ	<i>qāla</i>
2.	أَوْ	ū	مُوسَى	<i>mūsā</i>
3.	إِي	ī	إِيمَان	<i>īmān</i>

c. Vokal Pendek

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1.	----(فتحة)	a	نَصَرَ	<i>naşara</i>
2.	----(كسرة)	i	نَاصِرَ	<i>nāşira</i>
3.	----(ضمة)	u	يُنْصِرُ	<i>yanşuru</i>

d. Diftong

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1.	أَوْ	aw	أَوَّابَ	<i>awwāba</i>
2.	أَيَّ	ay	أَيَّامَ	<i>ayyāmana</i>
3.	إِيَّ	iy	إِيَّكَ	<i>iyyāka</i>

SENARAI KEPENDEKAN

MAF USJ 9	Masjid al-Falah USJ 9
USJ	UEP Subang Jaya
AS	Amerika Syarikat
NGO	National Group Organisation
bil.	Bilangan
Sdn Bhd	Sendirian Berhad
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
MUDI	Indeks Pembangunan Ummah Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
PERMIM	Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
KDN	Kementerian Dalam Negeri
MPSJ	Majlis Pebandaran Subang Jaya
RMK	Radio Malaysia Kedah
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
MBSJ	Majlis Bandaraya Shah Alam
MBPJ	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
MPK	Majlis Perbandaran Klang
SPSS	Statistical Package ForThe Sosial Sciences
KAGAT	Ko Agama Angkatan Tentera
IPTM	Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

SARMAF	Sekolah Agama Rakyat Masjid al-Falah
KAFA (I) MAF	KAFA Intergriti Masjid al-Falah
N	Sampel Kajian
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
Dr	Doktor
Hj	Haji
Hjh	Hajah
ed.	Editor
ed.	Edisi
et.al.	dan Pengarang-Pengarang Lain
jil.	Jilid
SWT	Subhānahu wa ta ‘ālā
SAW	Sallallāhu ‘alaihi wasallam
t.tp	Tanpa Tempat
t.p	Tanpa Penerbit
t.t	Tanpa Tarikh
terj	Terjemah
Vol.	Volume
no.	Nombor

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1: Senarai Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9	73
Jadual 4.1: Item Ujian Rintis.....	83
Jadual 4.2: Penentuan saiz sampel, Krejcie, R.V dan Morgan, D.W. (1997)	85
Jadual 4.3: Bentuk Soal Selidik yang Dibina.....	88
Jadual 4.4: Maklumat Jantina Responden.....	89
Jadual 4.5: Kumpulan Umur Responden	90
Jadual 4.6: Status Perkahwinan Rasponden	91
Jadual 4.7: Pekerjaan Responden.....	91
Jadual 4.8: Pendapatan Kasar Bulanan Responden.....	92
Jadual 4.9: Tahap Pendidikan Responden.....	92
Jadual 4.10: Tahap Pendidikan Agama Responden	93
Jadual 4.11: Kemahiran Berbahasa Inggeris.....	94
Jadual 4.12: Kemahiran Berbahasa Arab	96
Jadual 4.13: Tempat Kediaman Responden	97
Jadual 4.14: Maklumat Berkenaan Penceramah dari Luar Negara di MAF	102
Jadual 4.15: Penceramah dari Luar Negara yang dikenali di MAF	99
Jadual 4.16: Sebab-sebab mengikuti ceramah agama penceramah dari luar negara.....	102
Jadual 4.17: Masalah Ketika Ceramah Agama Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara	103
Jadual 4.18: Peranan dan Sumbangan MAF USJ 9	107
Jadual 4.19: Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9	110
Jadual 4.20: Daya Tarikan Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9	113

Jadual 4.21: Isi Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara MAF USJ 9	116
Jadual 4.22: Kefahaman Mengenai Agama Islam Selepas Mendengar Ceramah Agama yang Disampaikan Penceramah dari Luar Negara di MAF	119
Jadual 4.23: Isi Ceramah Agama Mempengaruhi kehidupan Sehari-hari Pendengar	121
Jadual 4.24: Skala Kekuatan Nilai Pekali Korelasi.....	124
Jadual 4.25: Hubungan Antara Peranan dan Sumbangan MAF USJ 9 dengan Kehadiran dan Tarikan Penceramah dari Luar Negara	125
Jadual 4.26: Hubungan Antara Isi Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9 dengan Kefahaman Ceramah Agama dan Pengaruh Ceramah Agama	127

University of Malaya

SENARAI CARTA

Carta Pai 4.1: Berminat Mengikuti Ceramah Agama oleh Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9	100
Carta Lajur 4.1: Kekerapan Mengikuti Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9	101

University of Malaya

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menyampaikan ajaran agama Islam melalui ceramah agama adalah dituntut dalam Islam. Setiap umat Islam adalah diwajibkan untuk mempelajari agama Islam. Hal ini kerana untuk memakmurkan alam semesta dengan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran, seseorang umat Islam itu memerlukan ilmu pengetahuan yang jelas mengenai Islam. Ceramah agama sangat penting diadakan sebagai wasilah dalam menyampaikan ajaran Islam. Ceramah agama dengan topik yang terpilih mengupas isu-isu yang tertentu mampu menyumbang kepada pencerahan ilmu. Malah, kepentingannya kepada masyarakat Islam dapat menyalurkan penghayatan Islam dalam diri masyarakat itu sendiri.

Kehadiran penceramah dari luar negara dalam menyampaikan ceramah agama sering mendapat tempat dalam masyarakat di Malaysia. Contohnya kehadiran Habib Ali Zainal Abidin Abu Bakar al-Hamid dalam menyampaikan ceramahnya mendapat sambutan yang menggalakkan,¹ Ismail Musa Menk atau dikenali sebagai Mufti Menk tokoh berasal dari Zimbabwe pula mempunyai pengikut yang ramai di negara ini, Suhaib Webb merupakan seorang pendakwah dari Amerika Syarikat (AS) yang terkenal dengan program tafsir al-Quran berjudul “Reflection” terbitan TV al-Hijrah,² pendakwah dari India, iaitu Zakir Naik merupakan individu berpengaruh di Malaysia terutamanya dalam bidang perbandingan agama³ dan Nauman Ali Khan dengan ceramah yang disampaikan telah menarik hampir

¹ Norhidayyu Zainal, “Taman Syurga: Habib Ali Zaenal Semakin Dikenali,” *Sinar Online*, 8 Mei 2015, Dicapai pada 18 September 2016.

² Aedi Asri, “Kenali 3 Pendakwah Asing Popular dalam Kalangan Umat Islam Bandar”, dicapai 14 Oktober 2017, www.freemalaysiatoday.com.

³ “Hampir 30,000 Dengar Ceramah Dr Zakir Di Terengganu,” *Malaysiakini*, 11 April 2016, Dicapai pada 18 September 2016.

4,000 pengunjung termasuk golongan belia, beliau dengan penyampaian yang tersendiri dan bersifat kontemporari memberi kesan kepada masyarakat terutama golongan belia terhadap ilmu yang disampaikan.⁴

Kebanyakan penceramah yang dibawa masuk melibatkan usaha dari pelbagai pihak seperti badan bukan kerajaan atau *National Group Organisation* (NGO) contohnya Dakwah Conner, Karang Kraf dan lain-lain badan bukan kerajaan atau melibatkan orang perseorangan yang berperanan dalam menjemput penceramah profesional dari luar negara.⁵ Usaha-usaha dalam membawa penceramah dari luar negara di Malaysia merupakan satu cara bagi mempelbagaikan bentuk ceramah agama kepada masyarakat Islam di negara ini. Kehadiran penceramah dari luar negara yang profesional dari sudut ilmu agama serta mempunyai pengalaman yang banyak dalam menyampaikan dakwah dapat melonjakkan usaha ke arah meningkatkan pembangunan dan perubahan sosial negara seimbang yang menjadi falsafah dalam konsep Islam Hadhari.⁶

Oleh itu, institusi masjid sebagai pusat penyebaran Islam melalui ceramah agama dapat membentuk *world view* Islam dalam masyarakat. Perbincangan mengenai ajaran Islam dari aspek akidah, ibadah dan akhlak yang merangkumi fardhu ain dan fardhu kifayah bertujuan meningkatkan kefahaman agama Islam yang jelas.⁷ Diskusi ilmunan atau diistilahkan sebagai *intellectual discourse* yang berperanan dalam membentuk masyarakat berilmu pengetahuan

⁴ Haikal Raman, "Ustaz Nauman Pukau 4000 Tetamu," *Kosmo*, 14 Julai 2015.

⁵ Siti Faridah Zainuddin (Pengurus Tadbir, Masjid Tun Abdul Aziz, Petaling Jaya) dalam temu bual dengan pengkaji, 17 April 2017.

⁶ Azyyati Mohd Nazim *et al.*, "Peranan NGO Islam dalam Merealisasikan Pendekatan Islam Hadhari di Malaysia" *Jurnal Hadhari* 6 (2014), 1.

⁷ Hassan Langgulung, "Masalah-masalah Pelajar Sekolah Menengah" *Jurnal Pendidikan* (1977), 5.

tentang Islam melalui institusi masjid sangat diperlukan dalam masyarakat bagi memastikan masyarakat terus subur dengan perkembangan ilmu.⁸

1.2 Latar Belakang Permasalahan Kajian

Ceramah agama merupakan satu bentuk dakwah Islam yang terus menjadi warisan kepada perkembangan Islam dalam dunia masyarakat Islam. Perkembangan Islam menerusi ceramah agama diadakan bertujuan bagi mengukuhkan Islam dalam diri umat Islam, malah menjadi warisan dakwah dalam menyalurkan sumbangan ilmu kepada masyarakat Islam. Aktiviti ceramah agama diteruskan lagi sebagai warisan dakwah apabila pelaksanaannya⁹ diadakan di masjid-masjid. Institusi masjid melalui peranannya sebagai pusat ilmu telah menjadikan ceramah agama sebagai aktiviti penting dalam memberikan pencerahan agama Islam kepada masyarakat Islam. Bentuk penyampaiannya yang dianggap lebih santai serta tidak membawa kepada perbahasan yang kritis berbanding kuliah atau pengajian berbentuk formal menjadikan ceramah agama sering mendapat tempat dalam masyarakat Islam.

Aplikasi ceramah agama di masjid telah menjadikan masjid berperanan luas bukan sahaja sebagai tempat ibadah, malah sebagai tempat pertemuan antara para cendekiawan alim dengan masyarakat setempat. Masjid al-Falah (MAF) USJ 9 adalah antara masjid di negeri Selangor yang sering membuka ruang bagi masyarakat untuk mengenali golongan penceramah ini dengan lebih dekat. Kehadiran penceramah dari luar negara dalam menyampaikan ceramah agama bukan sahaja dapat diterima baik, malah sambutanannya dalam masyarakat di negeri Selangor adalah menggalakkan. Sebagai contoh, penceramah yang

⁸ Alias Azhar & Solahuddin Ismail, "Pembangunan Masyarakat Berilmu Melalui Institusi Masjid: Ke Arah Pembinaan Modul Program Tafaqquh Bersifat Semasa", *Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Ke-3*, vol. 1 (Sintok: Sains Sosial dan Kemanusiaan, UUM, 2013), 932.

⁹ Menurut Kamus Dewan perkataan "pelaksanaan" membawa maksud perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan (tugas dsb), berbeza dengan perkataan "perlaksanaan" bermaksud hasil daripada melaksanakan (mengerjakan, menyelesaikan) sesuatu rancangan (tugas dsb). Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 871, entri "pelaksanaan."

hadir dari Timur Tengah seperti Makkah, Madinah, Palestin, Yaman serta dari negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan lain-lain telah menjadikan MAF USJ 9 antara masjid yang menyumbangkan perkembangan ilmu kepada masyarakat Muslim.

Aktiviti keagamaan di MAF USJ 9 melihatkan bahawa kegiatan ceramah agama di masjid adalah rentetan daripada sejarah perkembangan Islam dalam menjadikan institusi masjid sebagai pusat perkembangan ilmu. Bagi mewujudkan masjid sebagai pusat utama dalam masyarakat Islam, pihak pengurusan MAF USJ 9 sering memainkan peranan penting dalam menyumbangkan aktiviti keagamaan. Ceramah agama yang diadakan dengan kehadiran penceramah dari luar negara merupakan salah satu pendekatan MAF USJ 9 dalam menarik lebih ramai masyarakat ke majlis ilmu. Malah, usaha MAF USJ 9 dalam memberi kefahaman ilmu dilihat apabila datangnya penceramah dari luar negara yang berbahasa Arab, pihak pengurusan MAF USJ 9 akan menyediakan penterjemah bagi memudahkan masyarakat yang hadir memahami setiap isi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah.¹⁰

Kehadiran penceramah dari luar negara telah membentuk satu interaksi ilmu di masjid. Kedatangan penceramah dengan perbezaan bahasa, budaya dan latar belakang pendidikan memberi kesan terhadap sosiologi dakwah dalam diri masyarakat Islam. Ilmu yang disampaikan dengan metode penyampaian penceramah yang pelbagai menjadi salah satu faktor mempengaruhi pengetahuan agama Islam dalam diri masyarakat setempat. Penceramah yang hadir dengan budaya yang berbeza telah membawa kepada wujudnya perhubungan sosial masyarakat di masjid serta menjadikan masjid tumpuan utama dalam membentuk budaya ilmu dalam diri masyarakat Islam. Keutamaan institusi masjid sangat

¹⁰ Zuwairi Mohd Yusof (Imam Satu MAF USJ 9), dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Mac 2016.

penting dalam menyampaikan mesej Islam, ini kerana masjid merupakan tempat yang strategik untuk melaksanakan aktiviti dakwah.¹¹

Oleh itu, kajian penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara dilihat sangat penting bagi kelangsungan dakwah Islam. Kehadiran penceramah dari luar negara melalui aktiviti ceramah agama merupakan satu usaha pihak masjid dalam mempelbagaikan ceramah agama kepada masyarakat Islam. Keberkesanan ilmu yang disampaikan kepada pendengar bergantung kepada usaha masjid dan kemampuan penceramah dalam menyampaikan penerangan dengan cara yang jelas, logik dan berhikmah agar apa yang disampaikan dapat diterima dan diamalkan.¹² Dalam memastikan masyarakat menerima baik penceramah dari luar negara, kajian terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 perlu dijalankan memandangkan penceramah yang hadir adalah mereka yang berbeza dari sudut latar belakang negara, bahasa, budaya, ilmu pengetahuan serta pengalaman kerana ini memberi kesan kepada penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9, maka timbul beberapa persoalan kajian yang menurut pengkaji wajar untuk dikaji. Antara persoalan kajiannya ialah seperti berikut:

1. Apakah konsep ceramah agama dan bentuk penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9?

¹¹ Yusmini Md. Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman, "Kajian Tentang Maklum Balas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-Masjid Negeri di Semenanjung Malaysia," *Jurnal Usuluddin*, 20 (2004), 202.

¹² Rahimi Md. Saad, "Pendekatan dan Pengisian Pengajaran dalam Menjadikan Masjid Pusat Kecemerlangan Ilmu" dalam *Islam Hadhari Kekuatan Masjid dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, ed. Abd. Hamid Othman (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007), 196.

2. Bagaimanakah pelaksanaan aktiviti ceramah agama di MAF USJ 9 yang melibatkan penceramah dari luar negara?
3. Bagaimanakah penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada persoalan kajian yang telah dinyatakan, maka objektif bagi kajian ini adalah:

1. Mengkaji konsep ceramah agama dan bentuk penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.
2. Mengenal pasti pelaksanaan aktiviti ceramah agama yang melibatkan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.
3. Menganalisis penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian dalam bidang kajian yang dikaji adalah satu sumbangan penyelidikan yang dapat dilaksanakan dalam sesebuah kajian. Dalam kajian ini, sumbangan penyelidikan dilihat dapat menonjolkan konsep ceramah agama di masjid sebagai satu konsep utama dalam membentuk budaya ilmu dalam masyarakat Islam. Melalui pemerhatian pengkaji, ceramah agama yang diadakan di masjid terdiri daripada tiga pendekatan utama kepada masyarakat Islam. Pertama, ceramah agama sebagai satu bentuk komunikasi Islam¹³. Kedua, ceramah

¹³ Komunikasi Islam merujuk pada proses menyampaikan maklumat tentang Islam kepada masyarakat bagi mengenali Islam dengan lebih dekat dan jelas berasaskan al-Quran dan as-Sunnah supaya menerima Islam sebagai agama yang dianggap mulia dan sempurna di samping menyeru kepada keselamatan dan kesejahteraan umat, iaitu sebagai satu sistem rabbani yang datang daripada Allah SWT untuk manusia sejagat demi kebahagiaan manusia di dunia dan akhirat, sekiranya mereka beriman dan beramal dengannya.

agama sebagai satu bentuk komunikasi dakwah¹⁴ dan ketiga, ceramah agama sebagai satu bentuk ilmu pengetahuan bagi masyarakat Islam. Oleh itu, kehadiran penceramah dari luar negara dalam menyampaikan ceramah agama di masjid perlu diambil kira sama ada ceramah agama tersebut memberi kesan baik kepada masyarakat dalam memahami Islam ataupun tidak.

Kajian ini juga penting sebagai satu sumbangan penyelidikan kepada institusi masjid di negeri Selangor khususnya di MAF USJ 9 dalam mengkaji perkembangan ilmu melalui aktiviti ceramah agama yang melibatkan penceramah dari luar negara. Selain itu, kajian ini dapat memberi panduan kepada masjid-masjid di Malaysia, khususnya di sekitar negeri Selangor dalam menjemput penceramah dari luar negara bagi menyampaikan ceramah agama di masjid. Dalam hal ini, pihak masjid perlu menekankan dua aspek penting, antaranya ialah kredibiliti dari sudut ilmu yang disampaikan penceramah serta kemahiran yang dimiliki oleh seorang penceramah dalam menyampaikan ceramah agama.

Kajian ini juga dapat mengenengahkan penceramah dari luar negara di masjid yang berperanan dalam menyampaikan pengetahuan Islam kepada masyarakat Islam setempat. Di samping itu, kajian juga dapat mengenengahkan MAF USJ 9 sebagai sebuah masjid yang berperanan aktif dalam mengaturkan aktiviti-aktiviti ceramah agama dalam kalangan masyarakat setempat, dengan melibatkan penceramah dari luar negara. Hasil daripada kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti sejauhmana penerimaan pendengar terhadap penceramah

Lihat Omar Zakaria@Omar Samae, "Penggunaan Kitab dalam Komunikasi Dakwah: Kajian Kes Terhadap Pengajian Agama di Masjid dan Surau di Selangor dan Negeri Sembilan" (Tesis kedoktoran, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 209.

¹⁴ Komunikasi dakwah ialah sebahagian daripada komunikasi Islam, malah lebih khusus dengan menyeru kepada agama, termaksudlah kepada orang Islam dan yang bukan Islam. Bagi orang Islam komunikasi ini adalah untuk mempertingkatkan kualiti keislamannya. Manakala, komunikasi dengan orang bukan Islam bertujuan mengajak mereka menganut agama Islam. *Ibid*, h. 209.

dari luar negara di masjid dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat Islam khususnya di MAF USJ 9.

1.6 Definisi Tajuk

1.6.1 Penerimaan Pendengar

Penerimaan merujuk kepada perbuatan yang menerima atau sambutan.¹⁵ Penerimaan juga membawa maksud sikap terhadap atau anggapan terhadap ataupun tanggapan kepada sesuatu perkara.¹⁶ Penerimaan bermaksud sebagai proses, cara atau perbuatan menerima. Boleh juga membawa maksud sebagai penyambutan kepada tetamu. Sebagai contoh, sambutan rakyat Jawa Timur atas kedatangan presiden sangat memuaskan. Penerimaan juga bermaksud sebagai perlakuan atau sikap kepada seseorang. Sebagai contoh, sikap rakyat kepada pemerintah kurang menggembirakan.¹⁷ Selain itu, penerimaan juga bermaksud sebagai anggapan atau pendapat kepada sesuatu perkara yang terjadi. Penerimaan boleh diertikan juga sebagai menghargai, mengakui, mengizinkan, membenarkan, melibatkan, memilih dan menyertai sesuatu rancangan, program, kaedah atau institusi.¹⁸

Menurut Maslow, penerimaan adalah perbuatan manusia yang menghargai sifat-sifat istimewa individu sebagai manusia unik yang berbeza dengan individu lain dari segi sikap, pengetahuan dan kemahiran.¹⁹ Selain itu, penerimaan adalah satu tindakan, respon atau reaksi terhadap persetujuan dan membenarkan apa yang diterima tersebut sama ada ia bersifat

¹⁵ Adli Hj. Yacob & Khuzaihan Zakaria, *Kamus Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Crescent News, 2008), 818, entri "Penerimaan"; Eko Endarmoko, *Tesaurus Bahasa Indonesia* (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2007), 664, entri "Penerimaan."

¹⁶ *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 1670, entri "penerimaan."

¹⁷ Kamus Bahasa Indonesia Online, entri "Penerimaan", www.KamusBahasaIndonesia.org

¹⁸ Kamus Dewan, Ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), entri "penerimaan", 1432-1433.

¹⁹ Nur Azuki Yusuff, "Institusi Berorientasikan Islam di Bawah Permodelan Kelantan Berhad: Analisis Penerimaan Masyarakat Majmuk Kota Bharu, Kelantan" (Tesis Kedoktoran, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 64-68.

kebendaan, kepercayaan, arahan dan sebagainya.²⁰ Maklum balas yang merujuk kepada kesan masyarakat dalam menerima sesuatu semasa proses rancangan sedang disiarkan juga merupakan satu penerimaan. Namun, faktor tidak menerima juga mungkin terjadi berdasarkan kepada pandangan atau tanggapan seseorang pada sesuatu perkara tersebut.

Dalam kamus komunikasi massa, maklum balas bermaksud sebagai hasil tindak balas daripada khalayak terhadap maklumat yang disampaikan. Kebiasaanya, tindak balas tersebut diperolehi pada peringkat akhir dalam proses komunikasi.²¹ Penerimaan pendengar dalam kajian ini bermaksud penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara yang menyampaikan ceramah agama di MAF USJ 9.

1.6.2 Penceramah dari Luar Negara

Penceramah dari luar negara merujuk kepada individu yang beragama Islam yang datang ke negara ini untuk mengadakan slot ceramah agama. Kebiasaanya, kehadiran mereka adalah untuk menyampaikan ceramah agama sempena sambutan hari kebesaran dalam bulan-bulan Islam atau ceramah-ceramah agama yang berbentuk umum, bertujuan untuk memberi penjelasan atau kefahaman yang menjelaskan berkaitan Islam kepada masyarakat Islam di Malaysia. Lazimnya penceramah yang hadir telah mendapat kelulusan pas lawatan ikhtisan daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Mereka hadir ke Malaysia melalui organisasi-organisasi tertentu atau orang perseorangan bagi menyampai ceramah agama berkenaan dengan topik yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.²² Manakala, penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 merujuk kepada penceramah yang datang adalah

²⁰ *Ibid*, h. 64-68.

²¹ *Kamus Komunikasi Massa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), entri “maklum balas”, 129-130.

²² Zuwairi Mohd Yusof (Imam Satu MAF USJ 9), dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Mac 2016; Siti Faridah Zainuddin (Pengurus Tadbir Masjid Tun Abdul Aziz, Petaling Jaya) dalam temu bual dengan pengkaji, 17 April 2017.

yang berbeza dari sudut budaya, bahasa dan negara untuk mengadakan slot ceramah agama dengan topik ceramah agama yang telah ditetapkan oleh pihak MAF USJ 9.

1.6.3 Masjid al-Falah (MAF) USJ 9

Masjid al-Falah adalah masjid yang terletak di USJ 9, Selangor. Masjid ini terkenal dengan aktiviti ceramah agama yang melibatkan penceramah dari dalam dan luar negara.²³ MAF USJ 9 merupakan sebuah masjid yang terletak di pusat bandar UEP Subang Jaya (USJ) dan sering menjadi tumpuan masyarakat Islam di sekitar negeri Selangor untuk mendengar ceramah agama antaranya yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara. Menurut Zuwairi Mohd Yusof, usaha dari pihak masjid ini adalah untuk mendekatkan masyarakat dengan golongan ulama.²⁴ Masjid ini merupakan sebagai lokasi utama kajian dijalankan. Maklumat lanjut mengenai MAF USJ 9 akan diterangkan pada bab yang ketiga.

1.7 Skop dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, fokus kajian tertumpu kepada penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9. Aktiviti ceramah agama di masjid merupakan pendekatan utama bagi menyalurkan ilmu pengetahuan Islam kepada masyarakat setempat. Pendekatan MAF USJ 9 dalam menjemput penceramah dari luar negara adalah satu usaha mempelbagaikan ceramah agama bagi masyarakat di sekitar negeri Selangor khususnya di Subang Jaya.

Batasan kajian ini melibatkan responden yang pernah mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9, seramai 240 orang responden yang akan diambil secara rawak bertujuan. Skop kajian ini hanya membincangkan mengenai penceramah luar negara dari aspek penceramah sendiri, daya tarikan, isi penyampaian,

²³ Mesyuarat Agong Tahunan 2014/2015 MAF USJ 9, 1.

²⁴ Zuwairi Mohd Yusof (Imam Satu MAF USJ 9), dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Mac 2016.

kefahaman ceramah dan pengaruh ceramah terhadap responden serta peranan dan sumbangan MAF USJ 9 dalam mengatur aktiviti ceramah agama yang melibatkan penceramah dari luar negara. Tempoh kajian yang dijalankan ini adalah dari tahun 2015 hingga 2016 sahaja. Hal ini adalah kerana pengkaji mendapati pada sekitar tahun tersebut jemputan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 adalah ramai serta menerima sambutan yang menggalakkan dari masyarakat Subang Jaya.

Analisis dijalankan bagi memperolehi maklumat dalam mengenal pasti penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara serta membantu kepada penambahbaikan MAF USJ 9 dalam memastikan ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara dapat diterima dengan baik oleh pendengar.

1.8 Ulasan Kajian Lepas

Kajian mengenai institusi masjid telah banyak dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam pelbagai aspek, seperti peranan masjid dalam menyumbang ekonomi masyarakat Islam,²⁵ peranan masjid dalam bidang pendidikan²⁶ dan aktiviti sosial.²⁷ Melihat kepada

²⁵ Haris Maalea, "Peranan Dana Masjid dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Pattani, Selatan Thailand" (Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).

²⁶ Fakhru Adabi Abdul Kadir, "Kelas Agama di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat: Kajian Tentang Persepsi Masyarakat dan Keberkesanannya" (Tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006); Sarkiah Shaari, Masjid Negara: Suatu Kajian Tentang Usaha-Usahanya dalam Pendidikan Kanak-Kanak (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005); Muhammad Fadly Ismail, "Pengajian al-Quran dalam Kalangan Golongan Kelas Menengah: Tumpuan Kajian di Masjid-Masjid Terpilih di Kuantan" (Disertasi Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011); Fatimah Salleh, "Pendidikan Islam di Kalangan Wanita di Shah Alam: Kajian di Masjid-Masjid" (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003); Aladin Hj. Mamat, "Penghayatan Islam di Kalangan India Muslim di Masjid India" (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003); Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, "Pengajian Takmir Masjid di Terengganu: Sambutan Masyarakat Islam," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Jil. 1 (2008), 7-21.

²⁷ Marian Abd. Majid & Marlon Pontino Guleng, "Masjid dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia" *Jurnal Hadhari* 8, no.1 (2016), 31-48; Azia Arifin, "Peranan Masjid dalam Pembentukan Peribadi: Suatu Kajian di Daerah Gombak" (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008); Zulkifli Ali, "Perkembangan Institusi Masjid di Negeri Pahang: Suatu Kajian di Daerah Kuantan" (Disertasi Sarjana,

sejarah awal Islam, peranan masjid cukup besar dalam pembangunan masyarakat. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji mengaitkan penceramah dari luar negara dengan institusi masjid sebagai salah satu usaha mempelbagaikan penyampaian ceramah agama. Bagi ulasan kajian lepas, pengkaji membahagikan kepada dua tema, iaitu pendekatan masjid dan penerimaan masyarakat.

1.8.1 Pendekatan Masjid

Institusi masjid memainkan peranan penting dalam perkembangan ilmu pengetahuan Islam. Pembangunan masyarakat memerlukan peranan masjid dalam membentuk pandangan masyarakat Islam terhadap cara hidup yang berpandukan kepada agama Islam. Berdasarkan amalan pendekatan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan, Indeks Pembangunan Ummah Malaysia (MUDI) telah menggariskan salah satu daripada dasar pembangunan rohani adalah melalui masjid.²⁸ Sistem pengajian di masjid dilihat sangat penting dalam usaha mendidik masyarakat untuk menjadi insan cemerlang dan bertaqwa. Dalam menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan insan terutamanya dalam membangunkan masyarakat Islam kontemporari, masjid perlu mempertimbangkan dari sudut peranannya sebagai pusat keilmuan dan kegiatan keIslaman.²⁹

Merujuk kepada kajian yang dibuat oleh Yusmini Md. Yusoff dan Mohd Anwarulhaq Sulaiman dalam artikel yang bertajuk *Kajian Tentang Maklum Balas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-Masjid Negeri di Semenanjung Malaysia*, menunjukkan kajian saintifik mengenai isu-isu disebalik penganjuran aktiviti masjid perlu dikemukakan bagi

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006); Raja Azhar Raja Ismail, "Sejarah Perkembangan dan Peranan Masjid di Perlis: Kajian di Masjid negeri Arau, Perlis" (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

²⁸ Azyyati Mohd Nazim *et al.*, "Peranan NGO Islam dalam Merealisasikan Pendekatan Islam Hadhari di Malaysia," 9-10.

²⁹ Nor Azlina Abd. Wahab *et al.*, "Pemeriksaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari" *e-Academia Journal UiTM* 7 I, no. 2 (2016), 221-222.

meningkatkan kualiti penganjuran aktiviti-aktiviti kepada masyarakat. Kajian seperti ini adalah sebagai *chek and balance* kepada penganjuran aktiviti masjid seterusnya. Dari kajian yang dijalankan oleh mereka, di antara elemen-elemen yang dapat mengukur maklum balas masyarakat terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh pihak pentadbiran masjid ialah isi kandungan program, dana kewangan, fokus sasaran dan penjana minat sasaran terhadap program sangat penting kepada sesebuah masjid.³⁰

Di samping itu, elemen kepuasan dan persepsi juga merupakan satu elemen yang dapat mengukur maklum balas masyarakat terhadap aktiviti yang dianjurkan oleh pentadbiran masjid. Hasil maklum balas mendapati bahawa persepsi responden terhadap usaha-usaha yang dijalankan bagi meningkatkan pengetahuan masyarakat berada pada tahap yang positif. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan responden yang hadir telah terdedah dan mempunyai pengetahuan yang baik tentang isi kandungan aktiviti masjid dan merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk mengukuhkan kefahaman masyarakat terhadap isi kandungan yang disampaikan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid.³¹ Namun, dalam kajian ini pengkaji melihat bahawa faktor perbezaan penceramah dari luar negara di masjid memberi pengaruh terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh mereka serta menarik minat masyarakat pendengar terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh mereka.

Dalam kajian yang dibuat oleh Omar Zakaria bertajuk *Penggunaan Kitab dalam Komunikasi Dakwah: Kajian Kes Terhadap Pengajian Agama di Masjid dan Surau di Selangor dan Negeri Sembilan* menunjukkan dalam kajiian ini, beliau telah mengenal pasti latar belakang pendakwah (*rijal ad-dakwah*) dan khalayak (*jamahir al-ittisal*) serta persepsi

³⁰ Yusmini Md. Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman, "Kajian Tentang Maklum Balas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-Masjid Negeri di Semenanjung Malaysia," 204-205.

³¹ *Ibid*, h. 204-205.

mereka terhadap pengajaran dan pengajian yang dilaksanakan adalah berkait rapat dengan komunikasi dakwah di masjid dan surau. Hasil soal selidik yang dijalankan terhadap khalayak menunjukkan masjid dan surau memainkan peranan sebagai institusi agama dalam dakwah dengan menyebarkan ajaran agama melalui kelas-kelas pengajian dan ceramah-ceramah kepada masyarakat berada pada tahap yang memuaskan. Dapatan menunjukkan pendakwah telah menjalankan tanggungjawabnya dengan baik, berwibawa, mempunyai ilmu yang cukup, tidak terpengaruh dengan isu politik dan kelas-kelasnya juga menepati masa. Antara ciri-ciri pendakwah yang diminati oleh khalayak ialah berumur, berijazah luar negara, berwibawa, berkebolehan, bergaya dalam penampilan, terkenal dan bertugas secara bebas.³²

Manakala hasil temu bual beliau dengan ahli jawatankuasa masjid dan surau pula menunjukkan hampir keseluruhan pendakwah tidak berhadapan dengan masalah sewaktu menjalankan tugas dakwah, sama ada dari segi sambutan para pendakwah, pentauliahan atau sebarang tekanan dari mana-mana pihak. Namun begitu, bagi pihak masyarakat pula menunjukkan sambutan yang diberikan terhadap kelas pengajian adalah tidak memuaskan kerana kebanyakan yang hadir adalah dari golongan lelaki dewasa dan bilangannya adalah sederhana. Beliau menyimpulkan bahawa komunikasi dakwah perlu dilaksanakan dengan berkesan melalui faktor-faktor yang melibatkan proses penyampaian ilmu dan infrastruktur komunikasi itu sendiri.³³

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh beliau, pengkaji mendapati bahawa peranan institusi masjid dalam mengurus aktiviti ceramah agama dengan baik memberi kesan dalam

³² Omar Zakaria@Omar Samae, "Penggunaan Kitab dalam Komunikasi Dakwah: Kajian Kes Terhadap Pengajian Agama di Masjid dan Surau di Selangor dan negeri Sembilan," 220-221.

³³ *Ibid*, h. 220-221.

menarik orang ramai untuk turut serta mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid. Oleh itu, kajian ini megukuhkan lagi bagi kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Nik Daud Raja Hussein, Mohd Helmi Abd Rahman dan Rosmawati Mohamad Rasit bertajuk *Masjid Salehin Sebagai Wasilah Dakwah kepada Pelatih-Pelatih Pasukan Polis di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur*, menunjukkan Masjid Salehin PULOPUL Kuala Lumpur berjaya memberikan kesedaran, meningkatkan kefahaman dan memberi motivasi kepada pelatih-pelatih untuk beramal dengan Islam. Namun begitu, menurut kajian ini terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki dari sudut merangka silibus yang lebih tersusun, merangka masa yang lebih panjang, menyediakan tenaga pengajar yang mencukupi, memperbanyakkan aktiviti yang memenuhi keperluan pelatih-pelatih di masjid dan menyediakan peruntukan kos yang mencukupi untuk memastikan program keagamaan dapat berjalan dengan lancar.³⁴

Kepelbagaian dakwah dalam menarik pelbagai lapisan masyarakat memerlukan institusi masjid untuk menggunakan pendekatan yang lebih kreatif. Sebagaimana kajian yang dibuat oleh Maryam Abd. Majid dan Marlon Pontino Guleng bertajuk *Masjid dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia*, peranan institusi masjid di Malaysia seharusnya diperluaskan dalam menjalankan aktiviti sosial seperti dakwah kepada masyarakat multi etnik. Kreativiti masjid melalui aktiviti yang pelbagai seperti penyampaian ceramah, kuliah, kelas pengajian, drama dan sajak berupaya menarik minat golongan masyarakat untuk turut serta mengikuti aktiviti tersebut.³⁵

³⁴ Nik Daud Raja Husein *et al.*, "Masjid Salehin Sebagai Wasilah Dakwah Kepada Pelatih-Pelatih Pasukan Polis di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur" *Journal of Social Sciences and Humanities* 9, no. 1 (2014), 85-97.

³⁵ Marian & Marlon, "Masjid dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia," 31-48.

Hailan Salamun dan Rofishah Rashid menyatakan dalam kajian mereka bertajuk *Tahap Kepemimpinan Pengerusi Masjid di Terengganu*, usaha untuk mengimarahkan masjid merupakan satu agenda besar masyarakat Islam pada hari ini. Masjid sebagai institusi sosial komuniti setempat perlu lebih dinamik dan bertindak secara proaktif dalam mendekati masyarakat kepada institusi masjid. Malah kepimpinan rabbani yang menjadi fokus dalam pendidikan perlu diaplikasikan dalam kepimpinan jawatankuasa masjid dengan melihat melalui beberapa dimensi antaranya menyemai pembinaan ihsan, hubungan intim, budaya ilmu dan pengurusan aktiviti masjid.³⁶

Dalam kajian yang dibuat oleh Mohammad Sabran Harun yang bertajuk *Pengurusan Aktiviti Dakwah di Masjid Daerah Kerian, Perak: Kajian Tentang Persepsi dan Masalah*, hasil kajian yang dijalankan menyatakan bahawa institusi masjid pada hari ini seharusnya berfungsi sebagai pusat pengembangan ilmu dan pusat kebudayaan masyarakat Islam setempat. Dari hasil kajian ini dikemukakan bahawa 233 orang berdasarkan peratusan 48.5% menunjukkan perlantikan ahli jawatan kuasa masjid yang cekap dan berilmu merupakan salah satu faktor pengurusan masjid sentiasa bertambah maju.³⁷ Dari hasil kajian ini juga, sebanyak 218 orang berdasarkan peratusan sebanyak 45.4% mengatakan bersetuju bahawa kekurangan sumber kewangan menyebabkan aktiviti dakwah di masjid terbantut. Kegunaan kewangan diperlukan untuk membiayai aktiviti dakwah seperti kuliah agama (harian, mingguan dan bulanan). Selain itu, peruntukan kewangan juga diperlukan untuk membayar saguhati penceramah dan lain-lain bayaran yang diperlukan.³⁸

³⁶ Hailan Salamun & Rofishah Rashid, "Tahap Kepemimpinan Pengerusi Masjid di Terengganu" *Journal of Business and Social Development* 4, no. 1 (2016), 65-77.

³⁷ Mohammad Sabran Harun, "Pengurusan Aktiviti Dakwah di Masjid Daerah Kerian, Perak: Kajian Tentang Persepsi dan Masalah" (Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 161.

³⁸ *Ibid*, h. 163.

Berdasarkan kepada kajian lepas, pengkaji melihat pelaksanaan aktiviti ceramah agama memerlukan pengurusan masjid yang sistematik dalam mempelbagaikan aktiviti keagamaan dalam menarik lebih ramai masyarakat datang ke masjid. Ia perlu dipertingkatkan ke arah pembinaan masyarakat berilmu pengetahuan Islam. Usaha-usaha untuk mempelbagaikan bentuk penyampaian ilmu dengan melibatkan penceramah dari luar negara merupakan satu pendekatan masjid dalam membawa masyarakat kepada aktiviti pengimarah masjid. Ini menunjukkan, faktor memperluaskan aktiviti perkembangan ilmu di masjid merupakan sebagai satu agenda dalam menjadikan institusi masjid sebagai pusat penyatuan ummah.

Ditinjau dari perspektif peranan masjid, institusi masjid melalui ahli jawatan kuasa pelaksanaan telah merangka pelbagai kemudahan kepada orang ramai bagi memperolehi manfaat dari hasil aktiviti yang dilaksanakan. Kreativiti masjid dalam menganjurkan aktiviti perkembangan ilmu dalam mendekati masyarakat perlu diambil kira, ia memastikan setiap anjuran yang dijalankan memberi kesan yang baik kepada masyarakat Islam dalam menjadikan agama Islam sebagai cara hidup di samping menjadikan masjid sebagai tumpuan utama masyarakat. Sebagaimana kajian-kajian lepas menunjukkan, faktor penerimaan masyarakat selain aktiviti keagamaan di masjid, penerimaan juga dilihat kepada faktor penceramah dalam menyampaikan ceramah agama.

1.8.2 Penerimaan Masyarakat

Ceramah agama sebagai salah satu wasilah dakwah diberi penekanan yang penting dalam membentuk masyarakat kepada cara hidup Islam. Ahmad Redzuwan Mohd Yunus dan Che Yusoff Che Mamat dalam artikelnya bertajuk *Pendekatan Dakwah kepada Masyarakat India Muslim: Kajian ke atas Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia (PERMIM)* menyatakan salah satu usaha yang dijalankan oleh pihak PERMIM dalam menyebarkan syiar Islam dalam

kalangan masyarakat India Muslim ialah melalui aktiviti ceramah agama dengan melibatkan penceramah dari dalam dan luar negara, contohnya dari India dan Sri Langka.³⁹ Ceramah seperti ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat India Muslim kerana penceramah yang diundang biasanya terdiri dari kalangan individu yang terkenal, antaranya ialah seperti Datuk Dr. Hj. Mohd Iqbal merupakan penceramah tempatan, Dr. Hamina Syed dari India dan Maulana al-Haj Hassan Azhar dari Sri Lanka.⁴⁰

Dalam menyampaikan ceramah agama, metode penyampaian sangat penting untuk diaplikasikan oleh seseorang penceramah agar dapat memberi kesan penghayatan Islam dalam diri masyarakat pendengar. Ahmad Tarmizi Abdul Rahman melalui kajiannya bertajuk *Persepsi Belia Tentang Metode dan Pendekatan Dakwah yang Digunakan oleh Pendakwah di Wilayah Persekutuan Labuan* menunjukkan seseorang pendakwah perlu menggunakan bahasa yang mudah dan jelas, isi dakwah yang lengkap dan kaedah penyampaian yang baik.⁴¹ Dalam kajian ini, beliau telah mengemukakan cadangan responden mengenai kriteria seorang pendakwah, antaranya pendakwah perlu ikhlas dalam menyampaikan dakwah, dakwah yang disampaikan perlu melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, pendakwah perlu mengaplikasikan teknologi moden dalam menjalankan dakwah, membentuk hubungan rapat dengan masyarakat, pendakwah perlu ada nilai positif dan personaliti baik serta menunjukkan tauladan yang baik kepada masyarakat.⁴²

Dalam kajian yang dibuat oleh Kamarul Azmi bertajuk *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*, Kajian yang

³⁹ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Che Yusoff Che Mamat, "Pendekatan Dakwah Kepada Masyarakat India Muslim: Kajian ke Atas Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia (PERMIM)," *Jurnal Usuluddin* 17 (2003), 151.

⁴⁰ *Ibid*, h. 151.

⁴¹ Ahmad Tarmizi Abdur Rahman *et al.*, "Persepsi Belia Tentang Metode dan Pendekatan Dakwah yang Digunakan oleh Pendakwah di Wilayah Persekutuan Labuan," *Jurnal Usuluddin* (2008), 120.

⁴² *Ibid*, h. 120.

dijalankan beliau ini berdasarkan kepada pendekatan yang digunakan oleh Imam al-Nawawi dalam pembangunan insan masyarakat.⁴³ Di antara metode yang digunakan dalam pembangunan insan ialah dengan memberi galakan kepada masyarakat ke arah kebaikan dan kecaman bagi mereka yang melakukan kemungkaran atau dalam bahasa Arab sebagai targhib⁴⁴ dan tarhib⁴⁵ yang merupakan salah satu metod penyampaian yang paling baik dan berkesan dalam dakwah.⁴⁶ Dalam penelitian beliau terhadap pendekatan Imam al-Nawawi menunjukkan metodologi berbentuk suruhan melakukan sesuatu telah menjadi keutamaan daripada bentuk tegahan. Metodologi ini menurut beliau merupakan satu keistimewaan penyampaian Imam al-Nawawi dalam pembangunan insan masyarakat. Selain itu, Imam al-Nawawi juga menggunakan ayat suruhan berbentuk positif berbanding negatif. Contoh ayat positif yang digunakan ialah dakwah dan ajakan ke arah kebaikan dan pendakwah menunjukkan kepada tindakan yang baik. Manakala, ayat suruhan berbentuk negatif ialah pendakwah melarang pendengar melakukan perkara yang dilarang dalam agama.⁴⁷

Menurut Abdul Munir Ismail dalam bukunya bertajuk *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*, kandungan dakwah perlu merangkumi aspek akidah Islam, syariat Islam dan akhlak Islam. Ketiga-tiga aspek ini sangat penting kepada seorang pendakwah untuk memahami ilmu tersebut sebelum menyampaikannya kepada masyarakat. Ilmu yang dibincangkan merupakan satu aturan dalam kehidupan manusia yang mentadbir alam.⁴⁸ Menurut Asep

⁴³ Kamarul Azmi Jasmi, "Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Salihin" (Disertasi Sarjana, Program Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002).

⁴⁴ Pengertian disini ialah memberi kegembiraan kepada orang melakukan kebaikan, janji baik kepada orang-orang yang sentiasa memelihara batasan-batasan yang ditentukan oleh Allah SWT serta satu rangsangan kepada manusia agar sentiasa bersifat dengan sifat yang mulia. *Ibid*, h. 80-81.

⁴⁵ Tarhib merupakan satu uslub yang mengingatkan manusia tentang kecelakaan yang akan datang dari awal hingga akhir kehidupan sekiranya manusia berterusan melakukan kemungkaran dan kejahatan. *Ibid*, h. 81.

⁴⁶ *Ibid*, h. 80.

⁴⁷ *Ibid*, h. 80-83.

⁴⁸ Abdul Munir Ismail, *Dakwah Satu Tuntutan dalam Islam* (Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014), 103-119.

Syamsul M. Romli dalam bukunya yang bertajuk *Komunikasi Dakwah, Pendekatan Praktis*, prinsip komunikasi dakwah yang meliputi ketiga-tiga ilmu ini dilihat dalam tiga pendekatan sistem, iaitu sistem *credo* (tata keimanan atau tata keyakinan), sistem *ritus* (tata peribadatan) dan sistem *norma* (tata kaedah atau tata aturan yang mengatur hubungan manusia dengan manusia lain dan manusia dengan alam).⁴⁹

Menurut Ahmad Fisol Hashim dalam kajiannya yang bertajuk *Keberkesanan Program Agama Radio Malaysia Kedah (RMK): Kajian di Daerah Kota Star, Kedah*, kredibiliti penceramah sangat penting dalam mempengaruhi pendengar. Menurut beliau, penceramah dapat dilihat pada ciri-ciri penceramah, iaitu yang dipercayai dan berpotensi tinggi memberi kesan baik kepada pendengar dalam memahami agama Islam dengan jelas. Hasil kajian menunjukkan bahawa 99.2% personaliti penceramah yang mempunyai kredibiliti dan bereputasi tinggi memberi kesan yang amat mendalam kepada pendengar.⁵⁰

Wilbur Schramm berpandangan, dengan merujuk kepada kajian yang telah dijalankan oleh Hovland dan Weiss bahawa kesan yang paling besar akan diperolehi sekiranya seseorang komunikator itu dipercayai oleh pendengar, bereputasi baik dan pakar dalam bidang yang diperkatakan.⁵¹ Aristotle sejak 20 abad yang lalu telah menekankan kredibiliti komunikator, penggunaan daya penarik emosi dan keperluan memahami kehendak khalayak ramai merupakan sebagai tiga unsur penting bagi keberkesanan sesuatu komunikasi.⁵² Menurut Ahmad Termizi Ab. Lateh keberkesanan akan dirasai oleh seseorang apabila

⁴⁹ Asep Syamsul M. Romli, *Komunikasi Dakwah, Pendekatan Praktis*, www.romeltea.com, 2013, 15.

⁵⁰ Ahmad Fisol Hashim "Keberkesanan Program Agama Radio Malaysia Kedah (RMK): Kajian Di Daerah Kota Star, Kedah." (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 127.

⁵¹ Wilbur Schramm; William E. Porter, *Lelaki, Wanita, Mesej dan Media: Memahami Komunikasi Manusia*, ter. Azizah Eusop, Khatijah Ismail & Shamsiah Md. Said (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 258.

⁵² *Ibid.*, h. 251.

individu tersebut menghayati dan mengamalkan apa yang disampaikan dalam kehidupan seharian dengan baik.⁵³

Ceramah agama juga dilihat sebagai satu bentuk penyampaian khutbah dalam Islam. Hj Mohd. Fadzilah Kamsah dalam kajiannya bertajuk *Membudayakan Kecemerlangan Dalam Penyampaian Khutbah: Satu Kajian Kes di Negeri Pahang Darul Makmur* menerangkan bahawa bentuk pendekatan khutbah dilihat pada beberapa aspek dalam melahirkan keberkesanan khutbah dalam masyarakat. Antara aspek-aspek tersebut ialah pengisian khutbah, penggunaan bahasa dalam penyampaian khutbah, kewibawaan imam, tahap kualiti suara dalam penyampaian khutbah dan gaya penyampaian khutbah.⁵⁴

Kajian yang ditemui banyak membincangkan berkenaan kredibiliti seorang penceramah dalam menyampaikan ceramah agama dalam pelbagai aspek. Oleh itu dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji berkenaan penerimaan pendengar terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di masjid dengan melihat kepada peranan dan sumbangan masjid serta ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah luar negara. Ini bermakna kajian ini merupakan satu kajian baru yang dapat disumbangkan untuk manfaat kepada masjid-masjid di sekitar negeri Selangor, khususnya MAF USJ 9.

Selain itu, kajian ini bagi mengenal pasti aspek penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara di masjid. Justeru itu, pengkaji melihat bahawa kajian terhadap penceramah dari luar negara di masjid adalah penting untuk dijalankan kajian.

⁵³ Ahmad Termizi Ab. Lateh, "Keberkesanan Program Agama Terhadap Penagih Dadah: Kajian di Pusat Serenti Karang dan Inabah 10, Kedah," (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), 79.

⁵⁴ Mohd. Fadzilah Kamsah, "Membudayakan Kecemerlangan dalam Penyampaian Khutbah: Satu Kajian Kes di Negeri Pahang Darul Makmur", *Jurnal Komunikasi, Malaysia Journal of Communication* (1991), 37-46.

1.9 Metodologi Kajian

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan menggunakan kaedah penyelidikan dokumentasi, kaedah perpustakaan dan kaedah lapangan. Dalam kaedah lapangan pengkaji menggunakan kaedah temubual dan soal selidik. Secara umumnya, kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah sesuai dengan tajuk dan objektif kajian.

1.9.1 Sumber Data

1.9.1.1 Dokumentasi

Dokumentasi ialah satu cara penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang berhubung dengan kajian yang dilakukan.⁵⁵ Dalam kajian ini, dokumen yang digunakan adalah laporan tahunan MAF USJ 9 pada tahun 2014 dan 2015 serta 2015 dan 2016. Melalui laporan ini pengkaji dapat mengetahui aktiviti mingguan, tahunan serta keterlibatan penceramah-penceramah dari luar negara yang dijemput oleh pihak masjid sepanjang tahun tersebut berlangsung.

1.9.1.2 Penyelidikan Perpustakaan

Kajian perpustakaan dijalankan untuk melihat sejauh mana kajian-kajian terdahulu telah dijalankan berkaitan dengan institusi masjid dari sudut majlis ilmu, pengurusan masjid serta faktor-faktor penerimaan terhadap penceramah. Berdasarkan kajian perpustakaan, pengkaji menggunakan data-data yang diperolehi melalui buku, jurnal, kertas kerja serta bahan yang tidak diterbitkan seperti tesis dan disertasi sebagai sumber yang dapat memberikan keterangan dalam mendapatkan bahan dan maklumat yang tepat berhubung dengan fokus kajian.

⁵⁵ Abdul Halim Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1987), 115.

1.9.1.3 Penyelidikan Lapangan

Kajian lapangan merupakan salah satu kaedah untuk mendapatkan data dan maklumat primer. Menurut Ghazali Darussalam, dalam sesuatu kajian lapangan lazimnya mengandungi kaedah temu bual, kaedah pemerhatian, dan kaedah soal selidik.⁵⁶ Namun dalam kajian yang dijalankan ini, hanya kaedah temu bual dan kaedah soal selidik sahaja yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan maklumat secara tepat.

a) Temu bual

Kaedah temu bual digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang MAF USJ 9 serta maklumat berkenaan jemputan penceramah dari luar negara, dana peruntukan kewangan bagi MAF USJ 9 untuk urusan jemputan penceramah dari luar negara dan sambutan masyarakat atau pendengar terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara. Responden yang ditemu bual adalah Imam Satu MAF USJ 9, iaitu Mohd Zuwairi Mohd Yussof. Beliau merupakan antara imam yang dipertanggungjawab dalam mengurus aktiviti ceramah agama yang melibatkan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9. Selain itu, pengkaji juga menemubual di beberapa buah masjid di negeri Selangor bagi mendapatkan maklumat dari pihak pengurusan masjid mengenai jemputan penceramah dari luar negara di masjid. Temu bual dijalankan di Masjid as-Salam Puchong Perdana dan Masjid Tun Abdul Aziz. Ini kerana masjid tersebut juga merupakan antara masjid yang aktif dalam aktiviti ceramah agama.

b) Soal Selidik

Memandangkan kajian ini dilakukan terhadap masyarakat Islam di MAF USJ 9, maka pengkaji menggunakan kaedah soal selidik untuk mengukur penerimaan pendengar terhadap

⁵⁶ Ghazali Darussalam, *Dakwah Islam dan Ideologi Barat* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd 1998), 13.

ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara. Bagi kajian yang bersifat kuantitatif, menggunakan pensampelan adalah penting bertujuan menguji sesebuah populasi yang besar.⁵⁷ Dalam kajian ini, sampel dipilih adalah secara rawak bertujuan. Sampel ini lebih sesuai digunakan kerana pengkaji hanya memilih pendengar yang pernah mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara bagi menjawab soal selidik yang telah diedarkan.

1.9.2 Analisis Sumber Data

Analisis data sangat penting dalam menghasilkan dapatan kajian selepas hasil pengumpulan maklumat dijalankan. Bagi analisis data secara kuantitatif, data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package ForThe Sosial Sciences* (SPSS Versi 20). Data yang dikumpul telah diproses secara dua peringkat, iaitu secara analisis deskriptif dan analisis inferensi.

1.9.1.1 Statistik Deskriptif

Statistik perihalan atau dikenali sebagai statistik deskriptif merupakan statistik yang digunakan untuk memerihalkan sesuatu peristiwa. Statistik perihalan merupakan sekumpulan teknik untuk menerangkan data atau maklumat dengan cara meringkaskan beberapa set data atau maklumat seperti umur, tempat tinggal dan jantina. Statistik perihalan berupa organisasi dan ringkasan data yang diperolehi daripada pemprosesan data. Organisasi ini melibatkan proses penjadualan dan ilustrasi dalam bentuk rajah atau graf tentang data atau maklumat. Matlamat statistik perihalan adalah untuk meringkaskan data agar ia mudah difahami.⁵⁸ Data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS).

⁵⁷ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, cet. 6 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 202.

⁵⁸ *Ibid*, h. 312-313.

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk melihat min, peratusan, frekuensi dan juga sisihan piawai bagi memerihalkan profil latar belakang subjek.⁵⁹

b) Statistik Inferensi

Statistik inferensi ialah statistik yang mana maklumat yang diperolehi daripada sampel perlu diinferenskan atau dirumuskan kepada populasi yang dikaji.⁶⁰ Dalam kajian kuantitatif, populasi yang diambil kebiasaannya terdiri daripada bilangan ahli yang ramai. Sampel yang digunakan bertujuan untuk mewakili populasi sasaran dari segi pembolehubah yang diambil. Dengan menggunakan statistik inferensi, pengkaji membuat generalisasi melalui dapatan sampel kepada populasi sasaran selepas sampel dikaji.⁶¹ Oleh itu, sampel kajian adalah untuk menunjukkan penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara yang menyampaikan ceramah agamanya di masjid khususnya di MAF USJ 9. Analisis statistik inferensi iaitu ujian korelasi *Pearson* digunakan untuk menentukan hubungan⁶² antara penceramah dari luar negara dan aspek penerimaan pendengar.

⁵⁹ Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, "Persepsi Belia Tentang Metode Dan Pendekatan Dakwah Yang Digunakan Oleh Pendakwah di Wilayah Persekutuan Labuan," *Jurnal Usuluddin* (2008), 114.

⁶⁰ Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, 375.

⁶¹ Lim Chong Him, *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif* (Selangor: McGraw-Hill Education, 2007), 25.

⁶² Ahmad Tarmizi Abdul Rahman, "Persepsi Belia Tentang Metode dan Pendekatan Dakwah Yang Digunakan Oleh Pendakwah di Wilayah Persekutuan Labuan," 114.

BAB KEDUA

KONSEP CERAMAH AGAMA DAN PENERIMAAN TERHADAP PENCERAMAH LUAR NEGARA

2.1 Pengenalan

Usaha-usaha dalam menyebarkan ilmu dan dakwah dapat disimpulkan sebagai suatu pembudayaan dalam perkembangan ajaran Islam. Pengertiannya sangat luas, mencakupi segala usaha kemanusiaan untuk meningkatkan kualiti hidup manusia yang selaras dengan kehendak syariat Islam.¹ Dalam memurnikan kehidupan, masyarakat memerlukan bimbingan yang kukuh dan berterusan untuk menjamin kehidupan yang harmoni dan sentiasa diredai oleh Allah SWT dan RasulNYA.

Kedudukan ceramah agama di masjid adalah penting sebagai satu usaha dalam menyalurkan ilmu pengetahuan Islam kepada masyarakat. Dalam sejarah Islam, peranan masjid dilihat sebagai pusat keilmuan, kebudayaan dan pendidikan² yang mampu mengubah masyarakat Arab jahiliyyah kepada masyarakat yang bertamadun. Rasulullah SAW telah menjadikan halaqah-halaqah keilmuan sebagai satu pendekatan untuk mengajarkan para sahabat mengenai agama Islam,³ serta sebagai satu cara dalam membimbing para sahabat memahami konsep *amar makruf dan nahi munkar*.⁴ Dengan usaha Rasulullah SAW dalam mengajarkan ilmu kepada para sahabat, Islam akhirnya terus berkembang sehingga ke hari ini.

¹ *Ibid*, h. 121.

² Huri Yasin Husain, *Fikih Masjid*, terj. Khalifurrahman Fath & Fathur Rahman Nizar Az-Zainaby (Jakarta Timur: Pusat al-Kautsar, 2007), 113-161.

³ *Ibid*, h. 118.

⁴ “Kepentingan Masjid Meperkasa Legasi Ummah”, <http://pimpinan.ump.edu.my>, dicapai 30 April 2015.

Islam menggalakkan umatnya untuk sentiasa mengadakan majlis ilmu, membuat perbincangan berkaitan dengan Islam serta mengadakan dialog Islam secara terbuka dalam kalangan masyarakat Islam. Mewujudkan budaya berfikir melalui perkembangan ilmu pengetahuan menjamin masyarakat yang maju dan bertamadun. Justeru itu, ceramah agama sebagai media komunikasi Islam sangat penting dalam masyarakat bagi membincangkan perkara-perkara asas agama Islam dalam membentuk masyarakat Islam yang harmoni.

Tumpuan perbincangan dalam bab ini adalah berkenaan dengan konsep ceramah agama di masjid. Terlebih dahulu pengkaji akan membincangkan berkenaan ceramah agama, seterusnya bentuk-bentuk ceramah agama di masjid dan akhir sekali aspek-aspek penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara.

2.2 Konsep Ceramah Agama

Bahasa merupakan medium utama bagi individu memperolehi maklumat. Dalam konteks dakwah dalam Islam, pendekatan bahasa dikenali sebagai *da'wah bi al-lisan*, yang mana pendekatan ini bertujuan menyeru masyarakat kepada ajaran Islam. Ceramah agama salah satu pendekatan lisan dilihat sebagai satu warisan Islam yang terus diamalkan bagi menyeru umat Islam kepada cara hidup Islam.

Ceramah dari segi bahasa bermaksud syarahan, taklimat, kuliah dan pidato oleh seseorang dihadapan khalayak pendengar. Ceramah digunakan untuk membicarakan sesuatu hal, contohnya berkaitan dengan pengetahuan, agama, politik dan sebagainya. Perkataan “menceramahkan” bermaksud membicarakan, memperkatakan, membincangkan,

mempercakapkan, mempersoalkan, membahaskan dan mendebatkan tentang sesuatu perkara, isu atau hal yang diperbincangkan.⁵

Lisan merupakan alat interaksi utama yang digunakan dalam menyampaikan ceramah yang diucap oleh seseorang penceramah dihadapan pendengar. Secara langsungnya seseorang penceramah dapat melihat pendengar serta dalam masa yang sama dapat mengukur kemampuan mereka terhadap tahap pengetahuan ilmu yang disampaikan oleh penceramah tersebut.⁶

Penggunaan lisan dalam menyampaikan ceramah bertujuan untuk memberi informasi serta maklumat kepada masyarakat, berbeza halnya dengan makalah, kisah, sandiwara dan filem yang merupakan media tulis dan media visual.⁷ Ceramah sering kali digunakan untuk menyampaikan ucapan kepada khalayak ramai bertujuan untuk membicarakan sesuatu perkara serta menyampaikan informasi dan pengajaran ilmu. Penyampaian ceramah digunakan contohnya dalam kuliah ilmu, kuliah umum atau ceramah agama untuk memberi maklumat semasa, ilmu baru, meningkatkan dan mengukuhkan ilmu yang ada pada diri seorang pendengar.⁸

Agama pada dasarnya menunjukkan semua agama mengajak manusia untuk melakukan kebaikan dan menjauhkan kejahatan. Namun begitu, Islam berbeza dengan agama-agama lain iaitu merupakan sebuah agama yang lebih mengambil berat akan kebaikan umatnya. Ianya bersesuaian dengan makna Islam yang mengandungi istilah **الم** bererti

⁵ Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2008), Entri “ceramah”, 156; Kamus Bahasa Melayu Nusantara (Brunei: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei, 2003), Entri “ceramah”, 478.

⁶ Fuad Mohd Fakhruddin, *Suara Islam: Dai, Allah Dan Imam* (Jakarta: Darul Iman, t.t), 26.

⁷ Ali Garishah, *Juru Da'wah Bukan Teroris* (Solo, Indonesia: Pustaka Mantiq, t.t), 50.

⁸ Supyan Hussin & Azhar Jaludin, *Kecemerlangan dalam Pengucapan Awam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor SDN. BHD, 2006), 4.

selamat, sentosa, damai, tunduk, patuh dan berserah.⁹ Menurut Harun Nasution, agama Islam bermaksud sebagai agama yang mana ajaran-ajarannya diwahyukan Tuhan kepada manusia melalui Nabi Muhammad SAW sebagai rasul. Islam pada hakikatnya sebuah agama bukan hanya dilihat pada satu sudut, namun merangkumi berbagai aspek dari kehidupan manusia.¹⁰

Menurut Aswati, masyarakat Islam dikatakan mudah hilang pegangan pada nilai-nilai agama dan unsur kerohanian kerana berpunca daripada asas penghayatan mereka yang tidak kukuh terhadap pengetahuan agama.¹¹ Islam sebagai *ad-din* merangkumi keseluruhan lapangan kehidupan manusia yang terkandung dalamnya akidah, amalan dan hukum-hukum berhubungan dengan rohani dan jasmani, *fardiyyah* dan *jama'iyah*, agama, politik dan segala urusan berkaitan kehidupan di dunia dan akhirat. Ini menunjukkan pengertian Islam lebih luas dari pengertian agama menurut pandangan manusia pada umumnya yang tidak berpandukan kepada wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT.¹² Firman Allah SWT:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا
Terjemahan: “Pada hari ini telah Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu dan telah Ku cukupkan untuk kamu nikmatKu dan telah Aku redha bagi kamu Islam sebagai agama kamu.”

(Surah Maa'idah, 5: 3)

Dalam satu hadis pula, ketika menjawab pertanyaan Malaikat Jibrail a.s tentang apa itu Islam, Rasulullah SAW telah bersabda:

الإسلام ان تشهد ان لا اله الا الله وان محمدا رسول الله وتقيم الصلاة وتؤتي الزكاة وتصوم رمضان وتحج البيت ان استطعت اليه سبيلا.

⁹ Makmur Haji Harun, *Pendidikan Sebagai Warisan Islam: Kajian Dalam Perspektif Sejarah* (Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014), 5.

¹⁰ Harun Nasution, *Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspeknya*, Jilid 1 (Jakarta: UI Press, 1979), 9.

¹¹ Nik Daud Raja Hussein dan Rosmawati Mohamad Rasit, “Perlanggaran Tatasusila Agama dalam Kalangan Anggota Polis di Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur”, *al-Hikmah* 6 (2)2014, 94.

¹² Abd. Hadi Awang, *Muqaddimah Aqidah Muslim* (Kuala Lumpur: Gedung Gua, 1985), 14.

Terjemahan: “Islam itu bahawa kamu menyaksikan tidak ada Tuhan yang sebenar melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu Rasulullah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, berpuasa Ramadhan dan mengerjakan haji jika berkuasa.”¹³

Berdasarkan hadis di atas, Islam bermaksud agama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW yang mempunyai peraturan-peraturan dalamnya seperti akidah, akhlak, ibadah, muamalat dan berita-berita yang diperintahkan supaya ia disampaikan kepada seluruh umat manusia.¹⁴ Islam adalah sebuah agama untuk membimbing manusia ke arah yang praktikal untuk mencapai kebaikan dan menghapuskan kejahatan daripada kehidupan individu dan juga masyarakat. Agama Islam mengambil kira sifat semula jadi manusia dan kesukaran masyarakat dalam menghadapi kehidupan.¹⁵ Selain itu, Islam juga menuntut setiap Muslim untuk berusaha menterjemahkan nilai-nilai normatif Islam menjadi konsep yang bersifat pelaksanaan serta mengamalkannya secara langsung dalam kehidupan seharian.¹⁶

Islam merupakan sebuah agama petunjuk daripada Allah SWT dan dipanggil juga sebagai agama tabii (*dīnul fitrah*). Ceramah agama pula bertujuan menyampaikan sesuatu yang berkaitan dengan agama Islam untuk memberi kesan kepada pegangan dan amalan seharian yang berkaitan dengan akidah (iman), syariah (Islam) dan akhlak (ihsan) bagi seseorang masyarakat.¹⁷ Setiap ceramah agama yang disampaikan mengandungi pengajaran atau nasihat kepada masyarakat sebagai peringatan untuk menjadikan cara hidup masyarakat

¹³ Hadis riwayat sahih Muslim no. 8, dan diriwayatkan juga oleh Imam Ahmad (I/27,28,51,52), Abu Dawud (no. 4695), at Tirmidzi (no.2610), an Nasaa-i (VIII/97), Ibn Majah (no. 63), Ibn Mandah dalam al Iman (1,14), ath Thoyalisi (no. 21), Ibn Hibban (168,173), al Aajurri dalam asy Syari’ah (II/no.205, 206, 207, 208), Abu Ya’la (242), al Baghawi dalam Syarhus Sunnah (no.2), al Marwazi dalam Ta’zhim Qadris Shalat (no.363-367), ‘Abdullah Ahmad dalam as Sunnah (no.901,908), al Bukhari dalam Khalqu Af’aalil ‘Ibaad (190), Ibn Khuzaimah (no.2504) dari sahabat Ibn ‘Umar dari ayahnya ‘Umar Khatthab.

¹⁴ Zaydān, *Uṣūl al-Da‘wah* (al-Manṣūrah: Dā al-Wafā’, 1992), 10.

¹⁵ Faisal Abdurrahman, *Islam Untuk Semua* (Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd, 2012), 5-6.

¹⁶ Syamsul Bahri Andi Galigo, *Anjakan Paradigma Dakwah Dalam Menghadapi Pelampau Agama* (Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006), vii.

¹⁷ Asep Syamsul M. Rosli, *Komunikasi Dakwah, Pendekatan Praktis*, www.romeltea.com

Islam mengikut syariat Islam. Tujuan menyampaikan ceramah agama adalah untuk memberi pengertian, kesedaran dan penghayatan kepada masyarakat Islam untuk menjadi lebih baik, samada dari sudut akidah, akhlak, muamalah, kemasyarakatan, perekonomian atau sebagainya.¹⁸

Rumusannya, konsep ceramah agama penting untuk difahami sebagai satu warisan penyampaian Islam dalam menyeru masyarakat kepada cara hidup Islam yang sebenar. Oleh itu, dalam menyampaikan ceramah agama aspek kepentingan agama perlu difahami dengan jelas oleh penceramah dan pendengar agar setiap isi penyampaian mempunyai nilai untuk diterapkan dalam kehidupan seharian.

2.3 Pendekatan Ceramah Agama

Yusuf al-Qardawi mentakrifkan dakwah sebagai satu usaha membawa masyarakat kepada Islam, melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba, taat kepada Allah SWT semata-mata, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkarannya.¹⁹ Matlamat utama penyebaran dakwah ialah mengajak manusia supaya bertaqwa dan menjauhkan diri dari kemaksiatan, meninggikan syiar Islam dan menghapuskan kesyirikan dan membimbing golongan jahil, memberi peringatan dan dakwah sebagai amanah.²⁰

Ceramah agama dilihat sebagai satu wasilah dalam menyampaikan dakwah. Perkataan dakwah bermaksud memanggil, mengajak, menyeru kepada sesuatu tujuan.²¹ Menurut Abdul ‘Aziz Barghus, dakwah ialah satu seni kepandaian yang membahaskan tentang cara mengajak

¹⁸ H.M. Arifin, M. Ed, *Psikologi Dakwah Satu Pengantar Stadi* (Jakarta: Bumi Aksara, 1994), 4.

¹⁹ Yusuf al-Qardawi, *Thaqafah al-Da'iyah* (Beirut: Dar al-Ahya al-Turath, 1978), 5. dalam, “Konsep Dakwah Melalui Politik Dalam Islam: Satu Sorotan,” ed. Ahmad Fakhruddin Mohd Tahir dan Roslan Mohamed.

²⁰ Abdul Munir Ismail, *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*, 7-10.

²¹ Ghazali Darul Salam, *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1996), 1 dalam Ahmad Fakhruddin Mohd Tahir dan Roslan Mohamed “Konsep Dakwah Melalui Politik dalam Islam: Satu Sorotan”

masyarakat kepada Islam.²² Namun begitu, menurut Syeikh Muhamad Ibrahim Syaqrh, dakwah bukanlah satu seni kepandaian yang dapat diusahakan sebagaimana seni-seni kepandaian yang lain, tetapi membentangkan dakwah adalah satu kebolehan besar yang menjadi kewajipan ke atas setiap pendakwah dalam mengelokkan serta memperhaluskan seni penyampaiannya. Bahkan pembentangan secara baik boleh jadi dapat menguasai tiga perempat dari kesan yang mempengaruhi masyarakat pendengar berbanding dengan satu suku lagi boleh memahami dan meneliti dengan elok kepada prinsip-prinsip dakwah dan syariat yang disampaikan.²³

Proses ceramah disampaikan sangat menitik beratkan pertuturan lisan kepada masyarakat pendengar. Ia menunjukkan bahawa bahasa merupakan elemen utama dalam proses komunikasi dan menjadi aspek utama sewaktu ceramah perlu disampaikan. Kemampuan suara dan teknik dalam menyampaikan ceramah kepada masyarakat diberi perhatian supaya ceramah itu mudah difahami serta jelas terhadap pengajaran ilmu yang terdapat dalam ceramah agama tersebut.²⁴

Menyampaikan ceramah agama memerlukan seni pengucapan untuk memainkan peranan penting dalam menarik perhatian, menyampaikan maklumat atau mendidik, merangsang, memujuk, memberi kesan yang menyenangkan serta meyakinkan khalayak dan sebagainya.²⁵ Dalam menyampaikan ceramah agama, terdapat tiga asas utama yang merujuk kepada pendekatan sesebuah ceramah agama disampaikan. Pendekatan tersebut telah

²² Abdul 'Aziz Barghus, *Manahij al-Da'wah fi al-Mujtama' al-Muta'adid al-Adyan wal-Ajnas* (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011), 18 dalam Nik Suhaida Nik Abdul Majid dan Roslan Mohamed, "Isu Pelaksanaan Kawalan Penjualan Arak di Negeri Kelantan: Hubungkait Dengan Metode Dakwah Kepada Orang Bukan Islam",

²³ Achmad Mubarak, *Psikologi Dakwah*, 72.

²⁴ Armai Arif, *Pengantar dan Metodologi Pendidikan Islam* (Jakarta: Ciputa Pres, 2002), 135-136, dalam Syahraini Tambak, *Metode Ceramah: Konsep Dan Aplikasi Dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam*.

²⁵ Mohamad Zain Dolah, "Retorik Pengucapan Khutbah Jumaat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" (Tesis kedoktoran, Jabatan Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009), 34.

dijelaskan dalam al-Quran, iaitu hikmah kebijaksanaan, nasihat pengajaran yang baik dan berbahas dengan cara yang baik.²⁶ Asas pendekatan dalam menyampaikan ceramah agama dapat dilihat sebagaimana firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ
بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ^{١٥٠}

Terjemahan: “Serulah oleh kalian (umat manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah, nasihat yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik.”

(Surah al-Nahl, 16: 125)

Ayat al-Quran di atas jelas menunjukkan bahawa dalam menyeru masyarakat kepada Islam, tiga kaedah pendekatan perlu diutamakan oleh seseorang penceramah dalam memastikan ceramah yang disampaikan memberi kesan yang baik kepada pendengar. Penggunaan prinsip komunikasi dakwah pertama berdasarkan al-Quran, iaitu *bi al-hikmah* yang dimaksud sebagai hikmah kebijaksanaan, merujuk kepada alasan, dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah, perdebatan atau hujah yang dapat diterima secara rasional oleh akal.²⁷

Kebiasaannya cara *bi al-hikmah* berlaku dalam kalangan intelektual atau cendekiawan yang berfikiran kritis. Terdapat dari kalangan ulamak tafsir yang menafsirkannya sebagai ucapan yang tepat dan benar.²⁸ Menurut Abu al-Sa’ud, ucapan yang kemas dan tepat merupakan dalil yang menjelaskan kebenaran serta menghilangkan kekeliruan yang ditujukan secara terus kepada akal dan pemikiran tanpa menggerakkan perasaan kejiwaan dan memainkan sentimen.²⁹

²⁶ Syed Abdurahman Syed Hussein, “Uslub al-Hikmah, al-Mau’izah al-Hasanah dan Mujadalah bi al-Husna Mengikut Pandangan Ulama,” *Jurnal Usuluddin*, 4 (1996), 49-70.

²⁷ *Ibid*, h. 49-70.

²⁸ *Ibid*, h. 49-70.

²⁹ *Ibid*, h. 49-70.

Nasihat pengajaran yang baik adalah merujuk kepada ajaran, didikan yang baik, lemah-lembut, dapat menyentuh akal dan hati (perasaan) serta mudah difahami. Cara ini adalah kebiasaannya disampaikan kepada golongan awam atau orang kebanyakan yang belum mencapai tahap berfikir kritis dan mendalam tentang sesuatu perkara. Kaedah ini termasuklah memberi motivasi, pujian dan peringatan kepada pendengar dalam menjadikan agama Islam sebagai cara hidup. Nasihat yang baik juga bertujuan agar masyarakat dapat menerima kebenaran dan mengamalkannya.³⁰

Ulama tafsir berpendapat penggunaan uslub *jadal* bukan suatu uslub yang lazim digunakan melainkan ia ditujukan kepada sasaran yang tidak menerima kebenaran. Menurut Syed Qutb, debat yang baik ialah tanpa tuduhan berat sebelah ke atas pihak yang berlainan pendapat, tanpa menghina dan memburukkan mana-mana pihak dan perdebatan yang diadakan bertujuan untuk meyakinkan serta menyatakan kebenaran.³¹ Melalui pendekatan tersebut, ceramah agama merupakan satu wasilah yang digunakan dalam mengajak masyarakat kepada cara hidup Islam berdasarkan kaedah khusus yang terdapat dalam al-Quran. Wasilah tersebut adalah merujuk kepada bentuk atau gaya yang tersendiri dalam menarik masyarakat untuk memahami ajaran Islam yang sebenar.

2.4 Bentuk Ceramah Agama

Bentuk ceramah agama adalah salah satu gaya atau cara yang merujuk kepada ceramah agama disampaikan. Bentuk yang betul dalam menyampaikan ceramah agama menjamin kepada penerimaan sesuatu ceramah. Terdapat beberapa bentuk ceramah agama yang digunakan dalam menarik masyarakat untuk mendengar ceramah agama. Antaranya ialah

³⁰ *Ibid*, h. 49-70.

³¹ *Ibid*, h. 49-70.

*targhib*³², *tarhib*³³, berbentuk penceritaan, membawa perumpamaan, menunjuk kepada perkara yang lebih penting, terdapat unsur-unsur humor, mengajar melalui contoh teladan, soal jawab serta lain-lain bentuk yang digunakan.³⁴

Ceramah agama dilihat sebagai satu bentuk komunikasi Islam yang menjunjung kepada kebenaran, baik dari aspek pengkhabaran, perkataan dan imej yang digunakan serta bersifat realiti, sesuai dengan fitrah kemanusiaan yang memenuhi keperluan jasmani dan rohani. Ceramah agama dikatakan sebagai satu proses komunikasi yang berkait rapat dengan perubahan sosial masyarakat. Jika penyampaian ceramah agama itu berkesan ia boleh membawa kepada peningkatan mutu umat Islam serta dapat memperteguhkan dan menambahkan keimanan bagi masyarakat yang mendengar.³⁵

Ceramah agama yang disampaikan secara baik, ianya akan membawa kepada pengetahuan Islam yang kukuh dalam diri masyarakat Islam. Berdasarkan hal ini menunjukkan bahawa sumber utama ceramah agama adalah al-Quran dan al-Sunnah, kata-kata sahabat dan ijmak para ulama. Ini kerana, perbincangan berkaitan dengan akidah (iman), syariah (Islam) dan akhlak (ihsan) memerlukan sumber yang kukuh sebagai asas untuk memberi kefahaman, pencerahan terhadap pegangan dan amalan seharian.³⁶ Ceramah agama juga merupakan satu bentuk menyampaikan peringatan dalam menjadikan setiap cara hidup mengikut syariat Islam.

³² *Targhib* iaitu setiap perkara yang dapat menarik dan menyukakan sasaran dakwah serta memudahkannya menerima kebenaran juga beriltizam dengan kebenaran tersebut. *Ibid*, h. 49-70

³³ *Tarhib* iaitu setiap perkara yang boleh menakutkan dan menggerunkan sasaran yang tidak menerima seruan dakwah atau menolak kebenaran atau tidak tetap pendirian setelah dakwah disampaikan. *Ibid*, h. 49-70

³⁴ *Ibid*, h. 49-70.

³⁵ Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997), 6.

³⁶ Asep Syamsul M. Rosli, *Komunikasi Dakwah, Pendekatan Praktis*, www.romeltea.com

Dalam ilmu psikologi, menyampaikan ceramah agama kebiasaannya mempunyai unsur-unsur terapi yang dapat menenangkan jiwa serta menghiburkan hati pendengar dan dalam masa yang sama memberi pengetahuan sebagai panduan asas kepada kehidupan pendengar.³⁷ Setiap proses ceramah agama disampaikan merupakan satu rahmat kerana dalam setiap penyampaian ceramah tersebut mempunyai nilai-nilai positif, seperti rasa aman, tenteram dan damai.³⁸ Ini kerana ceramah agama ialah satu proses penyampaian untuk mengajak manusia ke jalan Allah agar mereka berbahagia di dunia dan di akhirat.³⁹

Penyampaian merujuk kepada menyampaikan penghabaran, penerangan, penjelasan, pengesahan dan ucapan. Penyampaian yang diambil dari kata dasar sampai dimaksudkan sebagai sampai petunjuk atau menyampaikan petunjuk yang dari istilah ini bermaksud sebagai menyampaikan pengajaran, mewahyukan, mengilhamkan dan menggerakkan hati.⁴⁰ Dalam bahasa Arab, perkataan menyampaikan dimaksudkan sebagai *tabligh*,⁴¹ manakala pecahan daripada kalimat *tabligh* iaitu *iblagh* bermaksud sebagai pemberitahuan, perkhabaran dan pengisytiharan.⁴²

Asas utama ceramah agama adalah untuk menyampaikan tunjuk ajar dalam menunjukkan seseorang kepada jalan yang betul dan menggalakkan mereka supaya melakukan kebaikan. Ceramah agama juga disampaikan untuk memberi peringatan, iaitu dengan memperingatkan seseorang agar melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang hamba Tuhan dan menjauhkan diri daripada sesuatu yang terlarang. Selain itu, sebagai penghabaran baik bagi orang yang taat dan penghabaran yang menakutkan kepada mereka

³⁷ Maimunah Osman, *Pengucapan Awam yang Berkesan* (Kuala Lumpur: Institusi Tadbiran Awam Negara (INTAN), 2000), 69.

³⁸ Asep Muhiddin, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 1995), 23.

³⁹ Achmad Mubarak, *Psikologi Dakwah*, ed. Zakiah Daradjat (Jakarta: Pustaka Firdaus, 2008), 19.

⁴⁰ Asep Muhiddin, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, 23.

⁴¹ Achmad Mubarak, *Psikologi Dakwah*, 19.

⁴² *Al-Miftah, Mu'jam A'sri* (Shah Alam, Selangor: al-Azhar Media Enterprise, 2007), 409, entri "بتليغ".

yang derhaka, menyampaikan contoh tauladan baik yang menggambarkan sifat Muslim yang sebenar dan akhir sekali merupakan sebagai pedidikan Islam dalam membentuk masyarakat supaya dapat menghayati perwatakan Islam.⁴³

Kebiasaannya penyampaian ceramah agama mempunyai pesan-pesan keislaman yang mengandungi *basyiran wa nadziran*, iaitu khabar baik dan peringatan. Dalam bahasa Inggeris bermaksud sebagai “*reward and punishment*”. *Basyira* atau khabar gembira⁴⁴ adalah informasi mengenai pahala, imbalan, berkah, manfaat, faedah, kebaikan atau keuntungan bagi perilaku kebaikan atau yang menjalankan ajaran Islam (perintah Allah SWT). Simbul utama pahala bagi perilaku kebaikan itu adalah syurga.⁴⁵

Ceramah agama merupakan sebahagian daripada *uslub* dakwah yang menggunakan gaya pendekatan bahasa sebagai metode utama penyampaian, bertujuan untuk memberi kesan kepada pendengar terhadap apa yang disampaikan. *Uslub* difahami sebagai suatu kepandaian dan kebolehan dalam mengolah dan menjelaskan sesuatu penyampaian yang disampaikan kepada sasaran dengan matlamat ia difahami dengan mudah dan dapat diterima. Dalam metode dakwah, *uslub* bermaksud sebagai jalan, arah tuju, aliran pemikiran dan berbagai bentuk kepandaian yang menjurus kepada kepelbagaian gaya kebolehan dalam penyampaian dakwah.

Dalam menilai keadaan pendengar, penceramah perlu melihat kepada bentuk ceramah yang disampaikan adalah bertepatan dan bersesuaian dengan keadaan tingkatan dan keinginan jiwa pendengar serta ceramah tersebut sesuai dengan cara berfikir dan cara rasa pendengar. Dalam konteks ini, walaupun seseorang penyampai lebih banyak memberi

⁴³ Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 5-6.

⁴⁴ Al-Miftah, *Kamus Moden* (Shah Alam: Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd, 2008), entri “نشر”, 343.

⁴⁵ Syed Abdurahman Syed Hussein, “Uslub al-Hikmah, al-Maui`zah al-Hasanah dan Mujadalah bi al-Husna Mengikut Pandangan Ulama,” 49-70.

maklumat dari menerimanya tetapi rangsangan komunikasi yang diterima amatlah penting dan boleh mempengaruhi persembahan sesuatu ucapan itu. Ini memerlukan kemahiran-kemahiran asas sama ada dalam bentuk fizikal mahupun psikologi.⁴⁶

Oleh itu, bentuk ceramah agama merupakan satu pendekatan yang pelbagai dan penting untuk sering digunakan dalam menyampaikan ajaran Islam. Pendekatan ini telah digunakan oleh Rasulullah SAW ketika mana ingin menyebarkan Islam di Masjid Madinah. Hasil pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah SAW akhirnya agama Islam mudah difahami dan diterima oleh pelbagai golongan masyarakat.

2.5 Aspek Penerimaan Pendengar Terhadap Penceramah dari Luar Negara

Dalam kajian ini, kayu ukur kepada penerimaan terhadap penceramah dari luar negara di masjid dilihat kepada beberapa aspek. Antaranya ialah peranan dan sumbangan masjid, penceramah dari luar negara, daya tarikan penceramah, isi ceramah agama, kefahaman ceramah agama dan pengaruh ceramah agama. Berikut akan diperjelaskan aspek-aspek penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara:

2.5.1 Peranan dan Sumbangan Masjid

Dalam konteks penyampaian ceramah agama di masjid, faktor yang menjadi kayu ukur penerimaan masyarakat pendengar ialah berkaitan dengan masa dan tempat yang sesuai bagi menyampaikan ceramah agama.⁴⁷ Institusi masjid menjadi lokasi penting masyarakat memahami ajaran Islam. Aktiviti ceramah agama yang diadakan merupakan satu aktiviti bagi membentuk budaya ilmu dalam masyarakat dan merupakan wasilah dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat.

⁴⁶ Aid Abdullah al-Qarni, *Koleksi Khutbah, Edisi Lengkap*, 3.

⁴⁷ Abdul Munir Ismail, *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*, 84-87.

Keunggulan institusi masjid dalam membina keperibadian masyarakat dilihat melalui peranannya sebagai pusat perkembangan ilmu Islam dan kebudayaan Islam kepada masyarakat bermula sejak pembentukan kota Islam lagi. Sejarah pengajaran dalam Islam membuktikan Rasulullah SAW telah menggunakan pendekatan masjid sebagai tempat pembangunan peribadi para sahabat. Ini kerana institusi masjid telah dijadikan salah satu tempat bagi penyebaran ilmu pengetahuan dan keadaan ini telah berterusan di sepanjang masa diseluruh pelosok rantau negara umat Islam.⁴⁸ Ianya terus berkembang sehingga ke hari ini.

Menurut Fakhru Adabi Abdul Kadir, program ceramah agama di masjid merupakan salah satu aktiviti utama bagi setiap masjid di Malaysia hari ini.⁴⁹ Ini sesuai dengan kenyataan yang dikatakan oleh Azumardi Azra, jaringan kaum Muslimin itu tidak pernah hilang, walaupun banyak wilayah dunia Muslim mengalami penjajahan kolonialisme Eropah. Namun begitu, bentuk-bentuk jaringan baru kaum Muslimin masih meningkat, khususnya secara kemajuan transportasi, komunikasi dan informasi.⁵⁰ Aspek ini penting untuk melihat kepada peranan institusi masjid dalam menghubungkan masyarakat dengan para ulama iaitu mereka yang alim dalam ilmu agama sebagai satu bentuk jaringan komunikasi dalam menyampaikan ilmu pengetahuan agama.

Peranan yang dimainkan institusi masjid dalam memartabatkan budaya ilmu sesuai dikatakan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu serta pusat kebudayaan masyarakat Islam. Budaya ilmu sangat digalakkan dalam kalangan masyarakat Islam. Keutamaan

⁴⁸ Fakhru Adabi Abdul Kadir, "Keberkesanan Kelas Agama di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor," *Jurnal Usuluddin* 25 (2007): 73-88.

⁴⁹ Fakhru Adabi Abdul Kadir, "Persepsi Pendengar Kelas Agama Terhadap Pengajian Agama Di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat", *Jurnal Usuluddin, Bil 29 (2009)*, 187.

⁵⁰ Azumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII, Akar Pembaharuan Islam Indonesia*, Kencana, Prenadamedia Group, Jakarta, Indonesia, X.

menuntut ilmu mencerminkan bahawa Islam sangat menitik beratkan ilmu dalam diri masyarakat Islam.

Kehadiran penceramah dari luar negara berperanan dalam menyumbangkan pengetahuan Islam kepada masyarakat Islam setempat. Dalam melihat kepada ciri-ciri ketamadunan sesebuah bangsa, adalah menjadi keutamaan pembentukan rohani masyarakat setanding dengan pencapaian teknologi hari ini. Usaha pelbagai pihak terutamanya institusi masjid dalam menganjurkan aktiviti ceramah agama dengan kehadiran penceramah dari luar negara adalah salah satu faktor kepada perkembangan budaya Islam.

Prestasi sesebuah masjid dilihat antaranya melalui tahap pengimaran atau penyertaan orang ramai ke masjid, bilangan dan kualiti penganjuran aktiviti oleh institusi masjid, kelestarian institusi masjid, peningkatan kefahaman agama dan sosial masyarakat di sekitar masjid dan sebagainya.⁵¹ Dalam memastikan masyarakat menerima ilmu dengan baik, masjid berperanan dalam menyalurkan sumbangan ilmu kepada masyarakat.

Masjid sebagai pusat ilmu serta pusat rujukan agama dan sosial penting bagi masyarakat Islam diseluruh dunia dalam melihat kepada prestasi sesebuah masjid.⁵² Tempat ceramah merupakan hal penting dalam proses ceramah disampaikan, ini kerana menyampaikan ceramah berunsur keagamaan menuntut suasana kondusif⁵³ dan menyenangkan.⁵⁴

⁵¹ Mohamad Tajuddin, "The Mosque as a Community Development Centre: Programme and Architecture Design Guidelines for Contemporary Muslim Societies" 91.

⁵² A.G Abdullah, "Penjanaan dan Pengurusan Kewangan Masjid; Mohamad Tajuddin, "The Mosque as a Community Development Centre: Programme and Architecture Design Guidelines for Contemporary Muslim Societies" dalam *Masjid dan Pembangunan Komuniti Bandar dan Luar Bandar*, ed. Mahazan Abdul Mutalib *et al.* (Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, 2016), 91.

⁵³ Kondusif menurut Kamus Dewan Edisi keempat bermaksud sebagai sesuai, baik dsb untuk membantu, mencapai atau mendorong menghasilkan sesuatu. Di dalam kajian ini kondusif bermaksud sebagai kesesuaian tempat bagi menyampaikan ceramah agama kepada masyarakat. *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 20013), 813, enti "kondusif."

⁵⁴ Mahfuz Sholahuddin *et al.*, *Metodologi Pendidikan Islam* (Surabaya: PT Bina Ilmu, 1986), 43.

2.5.2 Penceramah dari Luar Negara

Pendekatan penceramah luar negara merupakan usaha menarik masyarakat untuk memahami agama Islam. Menurut Yusuf Qaradawi, penceramah yang cemerlang adalah dari kalangan mereka yang mempunyai pengetahuan yang jelas berkaitan dengan pengetahuan Islam secara keseluruhan, pengetahuan berhubung sejarah dan ketamadunan manusia, pengetahuan berhubung dengan kesusasteraan dan bahasa, pengetahuan berhubung dengan kemanusiaan, pengetahuan yang berhubung dengan sains dan teknologi dan pengetahuan semasa dalam semua perkara, khususnya mengenai umat Islam.⁵⁵

Menurut Abdul Mua'ti, terdapat beberapa sifat yang positif yang perlu ada pada seseorang penceramah untuk menjadikan ceramahnya lebih berkesan. Antaranya ialah berkemahiran, seseorang penceramah perlu mahir kepada pendekatan dan gaya penyampaian yang sesuai dengan masyarakat pendengar. Berkeyakinan iaitu keberkesanan suatu ucapan dilihat pada keyakinan pengucap pada dirinya sendiri dan isi ceramah yang disampaikan berkait rapat dengan pengetahuan yang dimiliki oleh penceramah. Seterusnya, berkeperibadian dan berperwatakan baik, ini kerana pendengar bukan sahaja menilai isi ucapan, malah siapa yang berucap dan sifat pengucap juga menjadi kayu ukur keberkesanan seseorang penceramah.⁵⁶

Menurut Nasruddin Sidi, pengaruh penerimaan terhadap seseorang pendakwah juga dapat dilihat kepada beberapa karekteria antaranya ialah pertama faktor personaliti, iaitu merupakan faktor tarikan utama ceramah. Selain itu, kelulusan akademik, akhlak umum, ilmu, kecerdikan dan suara. Kedua, faktor isi penyampaian, iaitu melihat sejauhmana pendakwah tersebut mahir dalam tafsir al-Quran. Manakala yang ketiga, pada faktor gaya

⁵⁵ Yusuf Qaradawi, *Thaqafah al-Da'yah* (Bayrut: Mu'assasat al-Risalah, 1978), 8.

⁵⁶ Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad, *Panduan Pengucapan Awam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2015), 6-8.

persembahan mesej, iaitu faktor yang utama adalah bagaimana seorang pendakwah menggalakkan mad'u berbuat baik dan mengingati nikmat Allah SWT.⁵⁷

Menurut Armawati Arbi, mengundang penceramah adalah berdasarkan kepada kepercayaan. Tanpa adanya kepercayaan terhadap seseorang penceramah, sasaran pendengar akan kurang dapat menerima mesej ceramah yang disampaikan. Kepercayaan rasional adalah berdasarkan kepada fakta-fakta dan pengalaman serta informasi yang cukup.⁵⁸ Selain itu, ceramah yang disampaikan mestilah bersifat logik. Imbauan logik tersebut menyajikan fakta dan melalui fakta tersebut akan menyentuh sasaran pendengar.⁵⁹

Sejarah juga menunjukkan bahawa perkembangan Islam dilihat daripada rentetan *da'wah bi al-hal* yang digunakan oleh seseorang pendakwah bagi menyebar luas agama Islam kepada masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Pendekatan yang digunakan selain dari sudut penyampaian yang berbentuk lisan dalam memberi kefahaman Islam kepada masyarakat, aspek keperibadian yang dipamerkan, budaya yang ditonjolkan, bahasa yang digunakan dan interaksi dakwah juga menjadi salah satu faktor masyarakat ketika itu menerima Islam. Keistimewaan akhlak dan keperibadian para ulama ketika itu telah menarik minat masyarakat untuk menghampiri agama Islam dan dalam masa yang sama menjadikan Islam sebagai agama yang dianuti oleh mereka. Ini kerana, akhlak bagi seseorang penceramah yang mulia akan sentiasa diperhatikan oleh kumpulan sasar.⁶⁰

Akhlik merujuk kepada ketinggian budi perkerti. Dalam Islam, selain akidah dan rukun Islam yang menjadi tunjang utama, akhlak juga merupakan antara asas utama dalam

⁵⁷ Nasrudin Sidi, "Pendekatan Dakwah Ismail Lutfi Japakiya: Kajian Tentang Tarikan Dakwahnya di Selatan Thailand" (Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010).

⁵⁸ Armawati Arbi, M. Si, *Psikologi Komunikasi dan Tabligh* (Jakarta: Amza, 2012), 61.

⁵⁹ *Ibid*, h. 62.

⁶⁰ Abdul Munir Ismail, *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*, 84-87.

menentukan keperibadian seorang Muslim. Antara ciri yang mendorong kepada kemuliaan kehidupan manusia ialah berkata benar, beramah dan bercita-cita tinggi, membersihkan diri dari hasad dengki dan dendam, melahirkan pengorbanan, berperikemanusiaan, lemah lembut serta berkeperihatinan, melakukan pekerjaan yang baik, kepentingan berdialog dan berukhwah dan tolong menolong.

Seseorang penceramah berperanan penting dalam menonjolkan keperibadian Muslim yang sebenar. Ia sebagai satu contoh yang dipandang oleh sesetengah masyarakat dalam menjadikan golongan penceramah ini sebagai role model dalam pembangunan peribadi Muslim.

2.5.3 Daya Tarikan Penceramah dari Luar Negara

Sesuatu yang menarik perhatian atau daya tarikan serta kekuasaan merupakan faktor keberkesanan penceramah dalam menyampaikan ceramah.⁶¹ Antara faktor ketertarikan masyarakat kepada seseorang penceramah ialah disebabkan daya pesona seorang penceramah tersebut, seperti contoh seorang yang gagah, sikapnya yang lemah lembut dan halus budi, memiliki kemampuan membantu masyarakat dalam memecahkan masalah sosial mereka dan mampu memberikan harapan masa depan (*optimisme*) kepada masyarakat.⁶²

Melihat kepada daya tarikan seorang penceramah, komponen kredibiliti dapat dilihat kepada dua perkara, iaitu keahlian dan kepercayaan. Keahlian adalah merujuk kepada seseorang penceramah tersebut merupakan seorang yang ahli dalam topik yang dibincangkan. Manakala, kepercayaan pula merujuk kepada sifat seseorang penceramah itu.⁶³ Kredibiliti ialah faktor yang paling kuat kesannya dalam strategi mempengaruhi orang

⁶¹ Armawati Arbi, M. Si, *Psikologi Komunikasi dan Tabligh*, 252.

⁶² Achmad Mubarak, *Psikologi Dakwah*, 141.

⁶³ Armawati Arbi, M. Si, *Psikologi Komunikasi Dan Tabligh* (Jakarta: Amza, 2012), 250.

lain. Kredibiliti ialah pengaruh yang datang daripada orang yang mendengar apa yang diucapkan oleh penceramah. Ia menunjukkan bahawa sejauh mana mereka menaruh kepercayaan kepada penceramah dan sejauh mana mereka menghormati kepada orang yang menyampaikan ceramah tersebut.⁶⁴ Kredibiliti juga bermaksud sebagai kepercayaan orang kepada pengetahuan, pengalaman, kepakaran, kemahiran dan kejujuran seorang penyampai kepada pendengar.⁶⁵

Menurut teori Gestalt, seseorang itu dipersepsi sebagai suatu keseluruhan. Oleh kerana itu, jika keperibadian seorang penceramah sudah dipandang tinggi oleh masyarakat pendengar, maka pesanan ceramah oleh seorang penceramah juga dianggap sebagai sebahagian daripada struktur keperibadiannya. Seorang penceramah akan menjadi positif apabila terdapat pada seseorang penceramah beberapa kriteria. Di antara kriterianya ialah, memiliki pengetahuan yang jelas tentang al-Quran dan al-Sunnah, memiliki konsistensi antara amal dan ilmunya, santun dan berlapang dada, bersifat pemberani, berkemampuan berkomunikasi, tidak kikir ilmu dan personaliti yang baik.⁶⁶

Kecekapan dan keberkesanan seseorang penceramah dapat dilihat apabila penceramah tersebut mampu mempengaruhi pendengar melalui penyampaian ceramahnya.⁶⁷ Menurut Rahmat Ismail, kecekapan dan keberkesanan adalah bergantung kepada beberapa perkara dalam melahirkan sesuatu penyampaian yang berkesan. Di antaranya ialah berpengetahuan, berkeyakinan diri, bersemangat dan mempunyai mesej yang jelas terhadap apa yang

⁶⁴ Abdullah Hassan & Ainon Mohd, *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh* (Selangor: PTS Publications dan Distributors Sdn. Bhd, 2006), 23.

⁶⁵ *Ibid*, h. 134.

⁶⁶ Kata Gestalt berasal dari Bahasa Jerman yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris menjadi *form* atau *configuration* (bentuk). Menurut *teori gestalt* yang diperkenalkan pertama kali oleh Max Wertheimer (1912), bahawa dalam pengamatan atau persepsi, suatu stimulus di tangkap secara keseluruhan bukan penjumlahan rangsangan-rangsangan kecil. Lihat Abdullah Hassan & Ainon Mohd, *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh*, 164.

⁶⁷ Rahmat Ismail, *Pidato Berpidato: Seni dan Teknik* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2000), 19.

disampaikan.⁶⁸ Berpengetahuan yang luas dalam menyampaikan sesuatu topik perbincangan memainkan peranan penting bagi seorang penceramah. Melalui pengetahuan yang luas, penceramah dapat melahirkan idea-idea dengan lancar dan bernas. Ini menunjukkan bahawa seorang penceramah tersebut benar-benar mengetahui tentang apa yang disampaikan dan sekali gus menjadikan seseorang penceramah tersebut adalah seorang yang berkredibiliti dalam penyampaianya.⁶⁹

Kecekapan dalam penyampaian seorang penceramah dilihat kepada keyakinan yang tinggi terhadap penyampaianya. Terdapat beberapa faktor seseorang penceramah tersebut mempunyai keyakinan tinggi dalam penyampaianya, iaitu keyakinan seseorang yang lahir daripada hasil pengalaman masa lalu, pengetahuan yang mencukupi, kemahiran yang ada pada diri penceramah serta faktor-faktor dalaman dan luaran yang dapat mempengaruhi kecekapan dan keberkesanan penceramah dalam menyampaikan ceramah.⁷⁰

Penceramah yang bersemangat menjadikan penyampaian ceramahnya dapat menarik minat pendengar untuk mendengar ucapan yang disampaikan. Semangat yang ditunjukkan oleh seorang penceramah akan menimbulkan dorongan kepada pendengar untuk terus mendengar seterusnya memberi kesan kepada diri pendengar untuk mengubah sikap berdasarkan apa yang dikehendaki oleh penceramah tersebut. Semangat yang lahir dari diri seorang penceramah beserta mesej yang jelas dalam penyampaianya dapat menghasilkan penyampaian yang teratur dan memberi peluang kepada pendengar untuk memahami setiap apa yang disampaikan.

Teknik Penyampaian Ceramah Agama:

⁶⁸ *Ibid*, h. 19.

⁶⁹ *Ibid*, h. 19.

⁷⁰ Abdullah Hassan & Ainon Mohd, *Teori & Teknik Ucapan Berpengaruh*, 138.

Menyampaikan ceramah agama oleh penceramah dengan penuturan atau penjelasan secara langsung dihadapan masyarakat memerlukan persediaan yang rapi. Ceramah yang baik hendaklah dimulakan dengan menjelaskan tujuan yang dicapai, menyingkap garis-garis besar ingin dibincangkan serta menghubungkan antara keadaan pendengar dengan bahan yang ingin disampaikan. Ceramah akan berhasil apabila mendapat perhatian yang sepenuhnya dari pendengar, disampaikan secara sistematik, bersemangat dan memberi kesempatan kepada pendengar untuk sesi soal jawab. Manakala, pada akhir ceramah perlu dikemukakan kesimpulan bagi menyimpulkan apa yang telah dibincangkan, supaya setiap perbincangan tersebut jelas dan berkesan kepada masyarakat pendengar.⁷¹

Teknik penceramah dalam menyampaikan ceramah agama serta komunikasi yang baik dalam penyampaian ceramah merupakan aspek penting bagi seseorang penceramah. Menurut Rubin dan Henzl, salah satu aspek penting penyampaian adalah apabila seseorang penceramah dapat mengenal pasti objektif penyampaiannya serta dapat menyesuaikan diri dengan ucapan dan majlis. Bagi seseorang penceramah, peka dengan budaya dan sistem nilai yang pelbagai dalam kalangan pendengar adalah sangat penting. Malah, penceramah yang dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai latar belakang pendengar mampu menyampaikan ceramah dengan baik dan berkesan.⁷²

Seseorang penceramah akan menjadi perhatian umum bagi setiap apa yang disampaikan. Etika penyampaian ceramah bagi seseorang penceramah sangat diutamakan. Asas etika dan moral seorang penceramah adalah didasarkan kepada nilai agama, nilai sejagat dan garis panduan yang diterima pakai dalam sesuatu profesion. Antara ciri penceramah yang

⁷¹ Abuddin Nata, *Perspektif Islam Tentang Strategi Pembelajaran* (Jakarta: Kencana Prenada Media Group, 2011), 181-182.

⁷² Rebecca B. Rubin & Sally A. Henzl, "Cognitive Complexity, Communication Competence, and Verbal Ability" (Communication Quarterly), 1984, dalam *Kecemerlangan dalam Pengucapan Awam*, ed. Supyan Hussin & Azhar Jaludin (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2006), 11.

beretika ialah bercakap tentang perkara yang difikirkan penting dan dapat dimanfaatkan oleh hadirin, mempromosikan sesuatu yang positif dan baik, ikhlas dengan pengetahuan dan maklumat yang disampaikan, mengelakkan plagiat dan tidak menyembunyikan fakta.⁷³

Selain itu, terdapat tiga komponen yang menjadikan seseorang penceramah itu berjaya dalam ceramah yang disampaikan. Antara komponannya ialah **pertama** ilmu pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang penceramah dalam mempengaruhi masyarakat pendengar. **Kedua** ialah penampilan, rupa paras dan air mukanya. **Yang ketiga** pula ialah merujuk kepada niat dan ketulusan penceramah dalam menyampaikan pesan ceramah tersebut.⁷⁴

Kemampuan seseorang penceramah adalah berdasarkan kepada persediaan seseorang penceramah menyampaikan ceramah. Manakala penilaian seorang penceramah adalah bergantung kepada sejauhmana persepsi masyarakat yang hadir menilai setiap apa yang disampaikan. Aristotle telah mengemukakan tiga faktor yang mempengaruhi persepsi masyarakat yang hadir terhadap kredibiliti atau kewibawaan seorang penceramah. Di antaranya ialah berdasarkan personaliti dan perwatakan yang menarik (*ethos*), kemampuan membentuk dan mengawal emosi hadirin (*pathos*) dan pengolahan bahasa yang baik dalam penyampaian (*logos*).⁷⁵

I. Personaliti dan perwatakan yang menarik (*ethos*)

Seseorang penceramah dilihat kepada beberapa perkara, iaitu nama baik, gelaran, anugerah yang pernah di terima (*competence*), sejarah latar belakang yang cemerlang, kelihatan kemas, kelihatan peramah atau sedia mendengar, kelihatan dinamik dan berkeyakinan (cara berjalan

⁷³ *Ibid*, h. 14.

⁷⁴ Abdullah Hassan & Ainon Mohd, *Teori & Teknik Ucapan Berpengaruh*, 138.

⁷⁵ Aristotle, *The Basic Work of Aristotle* (New York, N.Y: Rendom House, 1941).

dan berinteraksi yang sopan dan tidak sombong), menepati masa, arif dalam bab yang dibicarakan dan kejujuran (*trusworthiness*).

II. Kemampuan membentuk dan mengawal emosi hadirin (*pathos*)

Dilihat melalui seorang penceramah dapat menghargai kehadiran pendengar, menjaga kebajikan pendengar ketika berceramah, mampu menguasai pendengar khususnya apabila pendengar datang secara sukarela dan boleh mengawal perasaan pendengar.

III. Pengolahan bahasa yang baik dalam penyampaian seseorang penceramah (*logos*)

Dilihat kepada penggunaan bahasa yang kemas, menarik dan mudah difahami oleh masyarakat pendengar, bahasa yang peramah, bahasa yang sesuai dengan topik dan suasana serta retorik dan logik yang sesuai dengan tahap pemikiran masyarakat pendengar. Menurut Abdul Mua'ti, gaya bahasa atau *elocutio* adalah merujuk kepada keterampilan penceramah dalam berbahasa. Prinsip ini menegaskan penceramah yang berkesan sewajarnya bercakap menggunakan bahasa audiens.⁷⁶

2.5.4 Isi Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara

Yang dimaksudkan dengan isi di sini ialah kandungan ceramah. Pengisian kandungan ceramah agama yang sesuai dengan peringkat sasaran akan mempengaruhi penerimaan sasaran.⁷⁷ Dengan itu, isi ceramah agama ialah kandungan pembicaraan ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara kepada pendengar di masjid. Menurut Abdul Aziz Mohd Zin, isi pembicaraan adalah satu perkara penting untuk menentukan satu

⁷⁶ Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad, *Panduan Pengucapan Awam*, 10.

⁷⁷ Abdul Munir Ismail, *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*, 84-87.

pendekatan dakwah yang baik. Apabila isi pembicaraan ceramah yang disampaikan sesuai dan tepat kepada sasaran, ia akan menjadi ceramah tersebut diterima oleh sasarannya.⁷⁸

Cara penyampaian ceramah disesuaikan dengan keadaan semasa. Hal ini dilihat melalui kesesuaian dengan karakter pendengar, keadaan persekitaran pendengar dan lingkungan masyarakat pendengar. Cara penyampaian yang baik serta kesesuaian dengan peserta pendengar mampu memberi kesan kepada penghayatan ilmu yang disampaikan oleh penceramah.⁷⁹

Kandungan struktur ceramah yang jelas dan dapat dipadankan dengan gaya penyampaian yang menarik merupakan satu pendekatan ceramah yang benar-benar memberi efektif serta akan memberi kesan yang kuat pada diri pendengar.⁸⁰ Malah, keberhasilan sesuatu penyampaian adalah apabila setiap isi ceramah yang disampaikan dapat diterima dan dianggap ia sebagai komunikatif sekiranya penceramah tersebut memahami keadaan pendengar.

Dalam menyampaikan ceramah agama, kebiasaannya tema dan tajuk yang disampaikan merujuk kepada keperluan dan kesesuaian sasaran pendengar. Tema ceramah agama disampaikan bukan sahaja berdasarkan kepada bulan-bulan tertentu dalam bulan Islam sebagai contoh Isra' Mikraj, Nuzul Quran, Maulidur Rasul, Nisfu Sya'ban dan menyambut bulan Ramadhan, namun ceramah agama yang disampaikan juga adalah mengikut keadaan semasa masyarakat Islam dalam mengupas isu-isu tertentu bagi memberi pencerahan.

⁷⁸ Ab. Aziz Mohd. Zin, "Dakwah al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Suatu Kajian Khusus Terhadap Dakwah di Kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan," (Tesis kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1993), 66-67.

⁷⁹ M. Basyiruddin Usman, *Metodologi Pembelajaran Islam* (Jakarta: Ciputat Pers, 2002), 34.

⁸⁰ *Ibid*, h. 66-67.

Menurut Ab. Aziz Mohd. Zin, isi kandungan yang disampaikan mestilah bertujuan untuk memantapkan akidah Islam, menjelaskan perkara yang menjadi tuntutan Islam dan berakhlak Islam supaya masyarakat bertanggungjawab sebagai seorang Islam. Sebagaimana Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُبْطِلُوا ءَعْمَالَكُمْ ۚ

Terjemahan: “Wahai orang-orang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul dan janganlah kamu merosakkan pahala amalan-amalan kamu.”

(Surah Muhammad, 47: 33)

Ayat di atas adalah mengajak masyarakat untuk mentaati perintah Allah SWT dan RasulNya serta bertanggungjawab terhadap amalannya. Dalam memahami tujuan ceramah agama, terdapat tiga aspek penting yang menjadi keutamaan bagi sesebuah ceramah agama disampaikan. Antaranya ialah aspek akidah, akhlak dan syariat. Aspek akidah menekankan kepada sifat Allah SWT yang Maha Esa, aspek akhlak menekankan kepada tingkah laku yang terpuji, manakala aspek syariat menekankan kepada ibadat.⁸¹ Aspek-aspek yang ditekankan ini dalam penyampaian ceramah agama memberi impak dalam membentuk Islam dalam diri masyarakat.

Secara umumnya, kandungan ceramah agama adalah berkisarkan maklumat berkenaan agama Islam, iaitu bertujuan untuk menyampaikan hidayah dan pengajaran untuk kepentingan di dunia dan akhirat.⁸² Bentuk kandungan ceramah agama boleh dibahagikan kepada dua bentuk maklumat, iaitu berhubung dengan sejarah-sejarah Islam dan maklumat berkenaan pengetahuan Islam. Mahmud Karam Sulayman menjelaskan maklumat berbentuk sejarah Islam ialah maklumat yang dikemukakan dalam bentuk sejarah, penjelasan, contoh

⁸¹ Abdul Munir Ismail, *Dakwah Suatu Tuntutan dalam Islam*, 97.

⁸² Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 112

tauladan dan faedah-faedah yang diperolehi berdasarkan sejarah tersebut.⁸³ Sebagaimana firman Allah SWT:

تَخُنُّ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُمْ بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى

Terjemahan: “Kami ceritakan kisah mereka kepadamu (Muhammad) dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan kami tambahkan kepada mereka petunjuk...”

(Surah al-Kahf, 18: 13)

Manakala bagi bentuk maklumat pengetahuan Islam pula merujuk kepada asas-asas yang terkandung dalam agama Islam, iaitu mengandungi hal-hal yang berhubung dengan akidah, syariat, ibadat, akhlak dan cara hidup yang diatur dalam Islam berhubung dengan kerohanian dan jasmani. Sebagaimana Allah SWT berfirman:

مَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُونِهِ إِلَّا أَسْمَاءَ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَءَابَاؤُكُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِهَا مِنْ سُلْطَانٍ إِنْ أَحْكَمُ إِلَّا لِلَّهِ أَمْرٌ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Terjemahan: “Keputusan dan ketetapan itu hanyalah kepunyaan Allah. Dia telah memerintahkan agar kamu tidak menyembah selain Dia. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui...”

(Surah Yusuf, 12: 40)

Setiap penyampaian ceramah agama adalah untuk memberi pendedahan terhadap tanggungjawab yang mesti dilakukan oleh setiap orang Islam. Pendedahan ini merupakan satu usaha dalam memantapkan akidah Islam, meningkatkan peranan umat Islam dalam perkara-perkara yang menjadi tuntutan Islam serta menonjolkan akhlak umat Islam.⁸⁴ Menurut Ibn Taymiyyah, dakwah adalah menyampaikan pesanan Islam berupa mengimani Allah, mengimani ajaran yang dibawa oleh Rasulullah, menegakkan pengakuan dua kalimah syahadah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa, menunaikan haji, mengimani

⁸³ Mahmud Karam Sulayman, *al-Takhtit al-I'lāmī fī 'aw' al-Islām* (Qā'irah: Da'irah al-Wafā', 1988), 108-111.

⁸⁴ Ab. Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 184.

rukun Iman, menyeru agar hamba Allah beribadah kepadaNYA seolah-olah melihatNYA (ihsan).⁸⁵

Menurut Yusof Qaradhawi, ilmu yang wajib dituntut secara fardu ain bagi seorang Muslim ialah ilmu yang lazim untuk agamanya atau untuk dunianya. Kepentingan ilmu agama dengan mempelajari ilmu syarak sangat dituntut. Melalui ilmu ini dapat dilihat kepada beberapa pegangan kepada masyarakat Muslim di antaranya ialah mengetahui akidahnya dengan pengetahuan yang meyakinkan dan sahih serta bebas dari sesuatu yang syirik dan khurafat. Ilmu yang dipelajari akan dapat memperbaiki ibadah kepada Allah SWT secara zahir dan meletakkan keyakinan bahawa ibadah tersebut sesuai dengan bentuk yang disyariatkan. Dengan ilmu dapat memperbaiki perilaku manusia dalam hubungannya dengan dirinya sendiri, keluarga serta masyarakat.⁸⁶

Islam adalah satu-satunya agama yang sangat sempurna bagi mengatur kehidupan seharian umatya dalam menjalani kehidupan duniawi yang berteraskan kepada ketauhidan kepada Maha Pencipta. Antara perkara yang dibincangkan adalah kewajipan menutup aurat yang wajib diikuti oleh seluruh umat Islam. Walaupun majoriti umat Islam tahu tentang kewajipan menutup aurat namun masih terdapat dalam kalangan mereka tidak menutup aurat.⁸⁷

⁸⁵ Asep Muhiddin, *Dakwah dalam Perspektif al-Quran* (Bandung: Pustaka Setia, 2002), 32-35.

⁸⁶ Yusof Qardhawi, *Keutamaan Ilmu dan Kemuliaan Para Ulama*, terj. M. Junaid al-Hashimi (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1996), 97-98. Ibn Khaldun membahagikan ilmu kepada dua bahagian yang utama. Pertama, ilmu yang berebentuk fardhu ain yang dituntut ke atas setiap orang supaya mengetahui dan mempelajarinya dalam melaksanakan tuntutan agama seperti ilmu tauhid, fiqh, akhlak, akidah dan sebagainya manakala yang kedua pula ialah ilmu fardhu kifayah, iaitu ilmu yang mesti ada pada sekumpulan orang dalam masyarakat. Lihat Zakaria Stapa et al., "Pendidikan Menurut al-Quran dan Sunnah Serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah," *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 7-12.

⁸⁷ Asmawati Suhid, at. al, "Tahap Pengetahuan Pelajar Tentanag Konsep Menutup Aurat: Suatu Tinjauan Umum", *The Online Journal of Islamic Education, Januari 2013, vol.1 Issue 1*, 40-41.

Mesej akidah berasaskan konsep ketuhanan, kenabian dan hari akhirat. Manakala dalam aspek ibadah, pengisian pengajaran berkait dengan ibadah khusus dan ibadah umum. Ibadah khusus merangkumi ibadah solat, puasa, zakat, haji, sedekah dan sebagainya dan ibadah umum merupakan semua perkara yang dilakukan bertujuan untuk mendapat keredaan Allah SWT dan aspek akhlak yang menekankan tentang nilai-nilai kemanusiaan dan moral. Oleh itu, ilmu adalah teras sistem nilai agama Islam dan menduduki tempat yang tertinggi. Penekanan kepada ilmu dalam ajaran Islam jelas dalam sumber asas agama, iaitu al-Quran dan hadis Nabi SAW serta semua tokoh Islam dahulu sehingga sekarang.⁸⁸

2.5.5 Kefahaman Ceramah Agama

Kefahaman merujuk kepada sesuatu yang difahami oleh pendengar terhadap isi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah untuk menuju ke arah pemahaman yang lebih baik tentang Islam meliputi pemahaman seluruh aspek ajaran agama Islam, baik dari segi jasmani, rohani dan akhlak.⁸⁹ Ceramah agama yang disampaikan dengan baik serta padat dengan pengetahuan agama Islam mampu menambahkan pengetahuan agama, memberi kesedaran untuk beramal dengan amalan Islam terutamanya mendirikan solat, menarik minat untuk mendalami ilmu agama dan berjaya memperbaiki akhlak masyarakat.⁹⁰

Ceramah agama dalam pelbagai bidang sering dianjurkan oleh pihak pengurusan masjid dan surau untuk memberi kefahaman agama yang tepat khususnya kepada masyarakat sekitar.⁹¹ Namun begitu, terdapat juga ketidakfahaman masyarakat terhadap pengajian agama yang diajar terkadang berkait dengan kegagalan pihak masjid atau surau untuk menyediakan

⁸⁸ Wan Mohd. Wan Daud, *Penjelasan Budaya Ilmu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 25.

⁸⁹ Maksom Malim, *Pembelajaran Pendidikan Agama Islam: Kajian Peranan Sekolah Dasar Islam Terpadu al-Azhar, Jambi, Indonesia*, (Tesis PhD Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam), 2013, 56.

⁹⁰ Nik Daud bin Raja Hussein, at. al, "Masjid Salehin Sebagai Wasilah Dakwah Kepada Pelatih-Pelatih Pasukan Polis di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur", *Journal of Social Sciences and Humanities vol. 9, no. 1 (2014)*, 95.

⁹¹ Mohd Azrin Johari, "Pengajian Hadis di Masjid dan Surau: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Hadis", *Jurnal Hadhari 8 (2) (2016)*, 295.

ceramah agama yang bermutu bukan hanya sekadar mengisi masa sahaja. Dalam ceramah agama, perkara asas yang dibincangkan dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu dari sudut akidah, syariah dan akhlak.⁹²

Kefahaman yang baik membawa kepada tingkah laku yang menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Islam. Berdasarkan ajaran agama yang diyakini membawa kepada tingkah laku beragama seseorang kepada tindak balas terhadap persekitaran, sarjana Islam tidak mengkhususkan tingkah laku beragama tidak hanya dilihat kepada suatu tingkah laku sahaja yang hanya berhubung dengan aspek ketuhanan seperti menunaikan solat, berdoa, membaca al-quran dan sebagainya. Bahkan, mereka menjelaskan tingkah laku beragama adalah dikaitkan juga dengan tingkah laku seharian yang berkaitan dengan nilai-nilai kemanusiaan seperti menderma, membantu orang yang berada dalam kesusahan, berbuat baik kepada haiwan dan sebagainya.⁹³

Ceramah agama dilihat dapat diterima baik apabila keberhasilan sesuatu penyampaian pesanan dakwah oleh seseorang penceramah sampai kepada pendengar dalam keadaan jelas.⁹⁴ Sebagaimana dilihat kepada *Uslub* dakwah bermaksud kebijaksanaan dalam mengolah dan membentangkan isi dakwah sesuai dengan keadaan sasaran dalam usaha menarik masyarakat menerima dakwah tersebut.⁹⁵ Keadaan ini jelas telah diungkapkan oleh Baginda Rasulullah SAW:

⁹² Asming Yalawae & Ahmad Farid Ibrahim, "Akhlak Warisan Rasulullah SAW Membawa Kemuliaan Umat," *Jurnal Usuluddin*, vol. 26 (2007), 71-83.

⁹³ Nor Nazmi Mohd Mustaffa, at. al. "*Tingkah Laku Beragama Menurut Freud*", *Akademika* 87(3), Oktober 2017: 89-99, 90.

⁹⁴ Abdul Munir Ismail, *Dakwah Suatu Tuntutan Dalam Islam*, 85.

⁹⁵ Syed Abdurahman Syed Hussein, "Uslub al-Hikmah, al-Maui`zah al-Hasanah dan Mujadalah bi al-Husna Mengikut Pandangan Ulama," 49-70.

خاطب الناس على قدر عقول

Terjemahan: “*Berbicaralah kepada seseorang sesuai dengan kadar akal mereka.*”

Kadar akal seseorang dapat menerima sesuatu ilmu mengikut beberapa keadaan, di antaranya ialah berdasarkan tingkat intelektual seseorang terhadap ilmu tersebut, boleh juga diterima berdasarkan cara berfikir seseorang, cara seseorang merasa atau tersentuh pada sesuatu perkara dan kecenderungan jiwa seseorang terhadap apa yang disampaikan kepada mereka.⁹⁶ Berdasarkan bentuk-bentuk ceramah agama yang digunakan oleh seseorang penceramah ia bertujuan untuk memastikan ceramah yang disampaikan bersesuaian dengan keadaan masyarakat pendengar seperti tempat, pemikiran, bahasa dan lain-lain keadaan supaya isi ceramah dapat disalurkan tepat kepada sasaran pendengar.⁹⁷

Menurut ‘Aid Abdullah al-Qarni, seorang khatib yang bijak adalah yang mampu menggunakan kata-katanya untuk memberi kesan kepada masyarakat yang pasif dan tidak percaya diri kepada masyarakat yang bertanggungjawab, produktif dan aktif.⁹⁸ Ini dapat disandarkan kepada firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ۚ

Terjemahan: “*Tidakkah kamu memperhatikan bagaimana Allah membuat peumpamaan kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon Yang baik, Yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit...*”

(Surah Ibrahim, 14: 24)

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, menunjukkan kata-kata yang baik mampu menegakkan prinsip, memperbaiki kesalahan, merupakan jalan untuk beramal, merupakan

⁹⁶ Achmad Mubarak, *Psikologi Dakwah*, 72.

⁹⁷ *Ibid*, h. 72.

⁹⁸ Aid Abdullah al-Qarni, *Koleksi Khutbah, Edisi Lengkap* (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2009), 2.

nasihat yang dapat menundukkan kepala serta perkataan yang baik dapat menembusi roh seseorang yang diibaratkan sebagai air membasahi tumbuhan sehingga menumbuhkan benih dalam tanah dan ibarat cahaya dalam kegelapan.⁹⁹

Oleh itu, tanggungjawab memahamkan masyarakat terhadap Islam sangat penting bagi seseorang pendakwah, pendekatan ini perlu diutamakan dalam kalangan masyarakat untuk diterapkan melalui ceramah agama di masjid. Ia bagi menerapkan nilai keagamaan dalam diri yang menjadi asas kepada kehidupan yang harmoni dalam diri setiap masyarakat.

2.5.6 Pengaruh Ceramah Agama

Daya pengaruh ialah keupayaan seseorang penceramah dalam mendorong orang lain supaya menukar sikap, fikiran, perasaan dan tingkah-lakunya sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh Islam dalam diri masyarakat Islam.¹⁰⁰ Mempengaruhi masyarakat melalui ceramah agama di masjid dapat dilihat kepada ruang diskusi mengenai Islam. Ia dapat diperkembangkan melalui peranan yang dimainkan oleh institusi masjid dalam mempertingkatkan pemikiran masyarakat setempat mengenai ilmu Islam.

Usaha pihak pengurusan masjid dalam mengatur aktiviti ceramah serta kuliah-kuliah agama dengan pendekatan penceramah yang datang dari pelbagai negara memotivasikan masyarakat kepada masjid. Pengurusan aktiviti di masjid dengan menekankan budaya perkembangan ilmu dalam kalangan masyarakat membawa percambahan fikiran masyarakat terhadap ilmu pengetahuan Islam. Malah, pembentukan budaya ilmu melalui institusi masjid menjadi salah satu aktiviti utama dijalankan kepada masyarakat setempat.¹⁰¹

⁹⁹ Aid Abdullah al-Qarni, *Koleksi Khutbah, Edisi Lengkap, 2*.

¹⁰⁰ Abdullah Hassan & Ainon Mohd, *Teori & Teknik Ucapan Berpengaruh*, iv.

¹⁰¹ Fakhru Adabi Abdul Kadir, "Keberkesanan Kelas Agama di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor," 73-88.

Selain membentuk budaya ilmu dalam kalangan masyarakat, penyampaian ceramah juga dapat memberi motivasi kepada masyarakat yang mendengar terutama bagi penyampaian ceramah agama. Aspek agama sebagai tujuan utama bagi menyampaikan ceramah sering mendapat tempat terutama diadakan di masjid-masjid atau di surau-surau. Pengaruh ceramah agama dalam memberi kesedaran kepada masyarakat penting sebagai satu aspek komunikasi dalam memberi panduan kepada tingkahlaku manusia, mencorakkan kehidupan dan mempengaruhi norma-norma hidup manusia.¹⁰²

Sebagai contoh melalui ceramah agama yang berkesan masyarakat akan dapat pendedahan yang jelas mengenai penjagaan aurat sebagai salah satu cara seseorang memuliakan dirinya sendiri dan menghormati orang lain.¹⁰³ Sebagaimana Allah S.W.T berfirman:

يَبْنَیْ ءَادَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُورِي سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسُ التَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ خَيْرٌ ذَٰلِكَ
مِنْ ءَايَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ٢٦

Terjemahan: *Wahai anak cucu Adam! Sesungguhnya Kami telah menyediakan pakaian untuk menutupi auratmu dan untuk perhiasan bagimu. Tetapi pakaian taqwa itulah yang lebih baik. Demikian sebahagian tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka ingat.*

(surah al-A'raaf, 7:26)

Pelbagai takrifan diberikan berkenaan dengan pakaian takwa sebagaimana al-Qurtubi menyatakan pakaian dimaksudkan disini sebagaimana yang dinyatakan Ibnu 'Abbas dan 'Urwah iaitu amal saleh dan rasa takut kepada Allah S.W.T. Pakaian takwa ialah pakaian

¹⁰² Azaruddin bin Awang dan Khadijah Mohd Khambali, "Pengaruh Media dalam Dialog Kehidupan: Perspektif Pengalaman Saudara Baru", *Jurnal Komunikasi, Malaysia Journal of Communication*, Jil 31 (2) 2015, 48.

¹⁰³ Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, at. al. "Pendekatan Dakwah Melalui 'Konsep Cinta Muslim' dalam Menangani Masalah Sosial Remaja", *Journal al-Hikmah* 6 (2014), 26.

terbaik disisi Allah S.W.T.¹⁰⁴ Dengan adanya penerangan yang baik peranan menyampaikan informasi Islam ditumpukan untuk menyebarkan agama Islam dapat disampaikan dengan jelas. Sebagaimana ceramah agama disampaikan adalah untuk memperjelaskan isu-isu yang berkaitan umat, menggunakan pendekatan berhikmah dalam menjayakan komunikasi tersebut, menangkis salah faham dan melindungi masyarakat dari anasir yang menyesatkan.

Dalam ceramah agama, terdapat beberapa aspek yang ditekankan sebagai satu rangsangan dalam pembangunan diri seseorang insan. Ianya berupa informasi iaitu “reward” berfungsi sebagai dorongan, rangsangan (stimulus) atau motivasi agar mad’u tergerak untuk melaksanakannya. *Nadzira* atau peringatan¹⁰⁵ sebagai “khabar buruk” adalah merupakan informasi tentang ancaman atau balasan bagi perilaku yang bertentangan dengan ajaran Islam yang merupakan sebagai peringatan di atas pelanggaran kepada larangan Allah SWT. Informasi yang berupa “punishment” merupakan sebagai pesan agar tidak melakukan keburukan atau melanggar ajaran Islam.¹⁰⁶

Pengucapan awam dan acara menganjurkan boleh juga dianggap sebagai bentuk media massa.¹⁰⁷ Menurut kajian yang dibuat oleh Azaruddin bin Awang dan Khadijah Mohd Khambali pengaruh media berperanan dalam memberi pemahaman terhadap agama Islam. Media berperanan mencapai sesuatu perubahan tertentu sama ada yang berkaitan dengan sikap, ilmu pengetahuan mahupun amalan.¹⁰⁸ Komunikasi Islam yang berteraskan al-Quran dan al-Hadis hendaklah dijadikan panduan utama dalam usaha menyampaikan ceramah

¹⁰⁴ Shafiza Shafie dan Fadlan Mohd Othman, “Garis Panduan bagi Pendakwah Wanita di Televisyen dalam Aspek Penampilan Berdasarkan al-Quran”, *Islamiyyat* 37 (1) 2015, 62, <http://journalarticle.ukm.my/9380/1/11482-31170-1-SM.pdf>

¹⁰⁵ Al-Miftah, *Kamus Moden*, entri “نَذِيرٌ”, 1822.

¹⁰⁶ Asep Syamsul M. Rosli, *Komunikasi Dakwah, Pendekatan Praktis*, www.romeltea.com

¹⁰⁷ Azaruddin bin Awang dan Khadijah Mohd Khambali, “Pengaruh Media dalam Dialog Kehidupan: Perspektif Pengalaman Saudara Baru”, *Jurnal Komunikasi, Malaysia Journal of Communication, Jil 31 (2) 2015*, 49.

¹⁰⁸ Azaruddin bin Awang dan Khadijah Mohd Khambali, “Pengaruh Media dalam Dialog Kehidupan: Perspektif Pengalaman Saudara Baru”, *Jurnal Komunikasi, Malaysia Journal of Communication, Jil 31 (2) 2015*, 49.

agama dan mewujudkan perpaduan kesatuan ummah.¹⁰⁹ Oleh itu, pengaruh ceramah agama sangat penting untuk keberkesanan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat umum.

2.6 Kesimpulan

Menyampaikan ceramah agama adalah dituntut dalam agama Islam. Pendekatan ceramah agama dalam mengajak masyarakat memahami agama Islam memerlukan seorang yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi, kefahaman yang jelas mengenai Islam serta memahami keadaan semasa oleh seseorang penceramah mampu memberi jalan pada masalah yang timbul.¹¹⁰ Malah, menyampaikan ceramah agama memerlukan kemahiran dan kreativiti yang tinggi oleh seseorang penceramah dalam setiap isi ceramah yang disampaikan supaya dapat memberi kesan kepada jiwa masyarakat yang mendengar.

Ceramah agama dalam menarik masyarakat memahami agama Islam merupakan satu usaha dari pelbagai pihak. Pendekatan ini juga dilihat melalui peranan pihak masjid dalam mempelbagaikan pendekatan ceramah agama dengan kehadiran penceramah dari luar negara. Pendekatan ceramah agama sering digunakan oleh para penceramah dalam mengajak masyarakat untuk mengamalkan cara hidup Islam. Ukuran keberhasilan bagi seseorang penceramah apabila ceramah yang disampaikan berhasil menyampaikan pesan Islam dan pesannya itu sampai kepada masyarakat pendengar.¹¹¹

Oleh itu, ceramah agama dengan melihat kepada pendekatannya yang tersendiri dalam mempengaruhi masyarakat kepada cara hidup Islam sangat penting. Aspek kesannya melalui retorik penyampaian serta melihat kepada kedudukannya sebagai satu bentuk penyampaian

¹⁰⁹ *Ibid*, h. 2015, 50.

¹¹⁰ Ahmad Mahmud Abu Zaid, *Pendakwah Masa Kini: Sikap dan Pendekatan* (Kuala Lumpur: Perniagaan RITA, 1996), xiv.

¹¹¹ Achmad Mubarak, *Psikologi Dakwah*, 19.

dakwah dan pendidikan memberi asas kepada perkembangan Islam dalam masyarakat hari ini. Dalam meneliti perkembangan Islam di Malaysia, peranan ceramah agama oleh penceramah dari luar negara dapat menyuburkan fahaman agama Islam kepada masyarakat Islam. Penampilan, ilmu pengetahuan serta metode penyampaian ceramah agama oleh seorang penceramah mempengaruhi setiap ceramah yang disampaikan. Ceramah yang disampaikan oleh seseorang penceramah dalam memberi pencerahan dan bimbingan mengenai Islam telah berkembang melalui sejarah awal Islam dalam menggunakan masjid sebagai pusat utama penyampaian ilmu.

University of Malaysia

BAB TIGA

PERLAKSANAAN AKTIVITI CERAMAH AGAMA MASJID AL-FALAH USJ 9, SELANGOR

3.1 Pengenalan

Institusi masjid telah muncul sebagai sebuah institusi yang berperanan merealisasikan misi dan visi risalah Islam pada zaman awal perkembangan Islam. Oleh itu, institusi masjid terus mantap sebagai platform menyalurkan seruan Islam dalam pelbagai bentuk terhadap seluruh anggota masyarakat khususnya di Malaysia.

Aktiviti ceramah agama di masjid merupakan suatu pendekatan alternatif yang baik dan sering diadakan bagi menyalurkan perkembangan ilmu dalam kalangan masyarakat setempat. Masjid memerlukan sokongan dan kerjasama yang kuat di antara semua pihak pengurusan masjid dan masyarakat sekitar. Pemantauan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam memastikan aktiviti ilmu yang disampaikan bertepatan dengan keadaan masyarakat di Malaysia sangat diperlukan.¹ Ia bertujuan untuk memastikan institusi masjid sebagai pusat perkembangan ilmu terjamin dari aspek ilmu pengetahuan yang disampaikan. Selain itu, ceramah agama yang disampaikan tidak membawa unsur-unsur yang mencemarkan institusi masjid sebagai pusat pembentukan nilai Islam dan jati diri masyarakat Islam di Malaysia.

Perkembangan aktiviti ceramah agama menjadi asas dalam membentuk individu Muslim yang mempunyai identiti berasaskan agama Islam. Selain pendekatan utama masjid melalui aktiviti ceramah agama, masjid juga dapat menjadi tumpuan masyarakat untuk mendalami agama Islam. Pendekatan ceramah agama oleh penceramah dari luar negara yang

¹ Mariam Abd. Majid & Marlon Pontino Guleng, "Masjid dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia" 31-48.

mempunyai latar belakang budaya, metode penyampaian serta bahasa yang berbeza dapat mempengaruhi minat masyarakat umum ke masjid.

Dalam memastikan institusi masjid terjamin dari sudut perkembangan ilmu pengetahuan, kerjasama semua pihak diperlukan di antara agensi kerajaan, pihak pengurusan masjid dan badan-badan bukan kerajaan bagi memastikan setiap ceramah agama yang disampaikan di masjid sesuai dengan keadaan masyarakat di Malaysia khususnya di negeri Selangor.

3.2 Peranan Masjid

Masjid sebagai tempat rasmi dalam menyampaikan mesej Islam berperanan penting dalam pembinaan masyarakat bagi sesebuah negara.² Kepentingannya dapat dilihat apabila usaha pertama yang telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW ialah membina masjid sewaktu baginda dalam perjalanan berhijrah ke Madinah. Baginda telah bermalam di sebuah tempat bernama Quba selama beberapa malam, seterusnya mengasaskan pembinaan sebuah masjid di situ yang dinamakan Masjid Quba.³

Pada zaman Nabi Muhammad SAW, masjid merupakan tempat bagi perkumpulan umat Islam menerima pengajian daripada baginda. Selain itu, masjid menjadi tempat pertemuan sesama masyarakat Muslim mengeratkan hubungan persaudaraan dan sebagai tempat perbincangan dalam menetapkan sesuatu keputusan. Solat berjemaah yang dilaksanakan di masjid merupakan salah satu cara untuk memupuk semangat kerjasama dalam kalangan umat Islam.⁴

² Yusmini Md. Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman, "Kajian Tentang Maklum Balas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-Masjid Negeri di Semenanjung Malaysia," 202.

³ Mariam Abd. Majid & Marlon Pontino Guleng, "Masjid dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia," 31-48.

⁴ *Ibid*, h. 31-48.

Komunikasi masjid memberi impak yang besar terhadap masyarakat dalam proses interaksi bagi menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan pemikiran, sikap dan emosi. Dapatan kajian yang telah dilakukan berkaitan maklumbalas masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti masjid di Semenanjung Malaysia membuktikan keberkesanan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid menunjukkan kepentingan peranan masjid sebagai institusi yang memberi impak tinggi dalam penyampaian mesej dakwah terhadap masyarakat.⁵

3.3 Masjid al-Falah (MAF) USJ 9

3.3.1 Sejarah Masjid al-Falah (MAF) USJ 9

MAF USJ 9 adalah sebuah masjid yang terletak UEP Subang Jaya 9 (USJ 9) dan merupakan salah sebuah kawasan di daerah Petaling dan bermukim di Damansara. Masjid ini siap dibina pada tahun 1986-1997 di atas tapak yang diwakafkan oleh Majlis Agama Islam negeri Selangor. Pembinaan masjid ini bernilai RM8.5 juta adalah sumbangan daripada pihak kerajaan negeri Selangor.

MAF USJ 9 mula beroperasi pada tahun 1998 dan dikategorikan sebagai masjid kariah. Kapasiti jemaah yang dapat dimuatkan di MAF USJ 9 mencecah seramai 6000 hingga 7000 orang jemaah dalam satu-satu masa. Keluasan lantai kurang dari 40000 kaki persegi di kedua-dua aras, menjadikan MAF USJ 9 di antara masjid yang mempunyai keluasan yang besar di sekitar Subang Jaya. Pada tahun 2006 dan 2007, hasil sumbangan dari seorang jutawan, MAF USJ 9 telah diubah suai seni bina dalamnya. Keindahan dalaman MAF USJ 9 seakan Masjid Nabawi dapat mengimbau kenangan mereka yang hadir sewaktu berada di Madinah. Seni rekaan dalamnya yang cantik dan menarik menjadi satu keunikan masjid ini di negeri Selangor.

⁵ *Ibid*, h. 31-48.

Lokasinya yang berhampiran dengan jalan utama serta berada di tengah bandar Subang Jaya telah menjadikan MAF USJ 9 pusat tumpuan masyarakat setempat. Selain menjadi pusat ibadah, MAF USJ 9 dikenali dengan program-program keagamaan seperti pengajian kuliah agama yang mempunyai jadual tetap pada setiap minggu seperti kuliah dhuha dan kuliah maghrib. Ceramah-ceramah agama yang melibatkan penceramah-penceramah yang terkenal dari dalam dan luar negara serta aktiviti-aktiviti anjuran MAF antaranya Program Pemuda seperti Car Booth Sales, aukan badminton, bola sepak, kursus memandikan jenazah, program Eco Green dan qiamullail.

Selain itu, Program Muslimat seperti Hi Tea, kuliah harian, kuliah remaja bulanan, kem remaja bulanan, kem remaja semasa cuti sekolah, lawatan ke Mahaad Tahfiz, program tadarus Ramadhan dan khatam Quran semasa Ramadhan. Program Biro Muallaf seperti kuliah pemantapan iman, majlis mengucap shahadah untuk saudara baru, pengurusan hal ehwal muallaf bersama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), program menjana ekonomi, program menyambut Ramadhan dan hari raya untuk muallaf. MAF USJ 9 melalui ahli jawatan kuasanya telah berusaha membentuk budaya ilmu dalam kalangan masyarakat setempat melalui program-program yang telah dianjurkan.

Menurut Imam Satu MAF USJ 9 iaitu Zuwairi Mohd Yusof, kehadiran pendengar ceramah agama di MAF USJ 9 ada kalanya menjangkau seramai 3000 orang.⁶ Menurut beliau, salah satu faktor yang menjadi tarikan pendengar untuk turut menyertai ceramah agama yang diadakan di MAF USJ 9 adalah berdasarkan kepada populariti penceramah tersebut, sama ada di televisyen, laman sesawang atau radio. Kehadiran penceramah dari luar negara juga merupakan satu tarikan masyarakat mengikuti ceramah agama di MAF USJ 9,

⁶ Zuwairi Mohd Yusof (Imam Satu MAF USJ 9) dalam temu bual dengan pengkaji pada 28 Mac 2016.

penceramah yang hadir dari beberapa buah negara luar, sebagai contoh daripada Yaman, Palestin, Singapura, Indonesia dan Arab Saudi menarik minat pendengar untuk hadir ke sana.

Perbezaan budaya, bahasa, latar belakang pendidikan penceramah tersebut membawa kelainan kepada isi ceramah yang disampaikan, selain metod penyampaian ceramah yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara. Objektif utama MAF USJ 9 mengadakan aktiviti ceramah agama adalah untuk memberikan pendedahan ilmu kepada masyarakat terutamanya kepada ahli qariah MAF USJ 9. Secara umumnya, ceramah agama yang diadakan untuk membentuk masyarakat yang berpengetahuan Islam dan menyemarakkan peranan masjid sebagai pusat pendidikan umum masyarakat awam.⁷

Mengimarahkan masjid menjadi satu tanggungjawab setiap masyarakat Muslim, yang mana pembinaan masjid bukan hanya sekadar sebagai pusat ibadah tetapi juga untuk mengimarahkan masjid dengan aktiviti pengajian ilmu ataupun kuliah agama. Ceramah agama yang diadakan selain bertujuan menyampaikan ilmu, ia juga merupakan satu aktiviti pengimarahan masjid. Oleh itu, pendekatan MAF USJ 9 dengan menjemput penceramah-penceramah dari luar negara adalah bertujuan untuk mendekatkan masyarakat kepada golongan-golongan ulama agar mereka mengenali para ulama dan mencintai para ulama.⁸

Masjid juga memainkan peranan penting dalam menarik golongan muallaf bagi membantu mereka mendapatkan pendidikan Islam.⁹ MAF USJ 9 dengan keistimewaannya tersendiri sebagai sebuah masjid yang mesra tetamu dan tidak membeza golongan muallaf menjadi salah satu faktor MAF USJ 9 mudah untuk didekati dan mendapat sambutan yang baik dari pelbagai pihak. Kepelbagaian ceramah dari penceramah luar negara juga memberi

⁷ Zuwairi Mohd Yusof (Imam Satu MAF USJ 9) dalam temu bual dengan pengkaji pada 28 Mac 2016.

⁸ Zuwairi Mohd Yusof (Imam Satu MAF USJ 9) dalam temu bual dengan pengkaji pada 28 Mac 2016.

⁹ Mahazan Abdul Mutalib *et. al.*, *Masjid dan Pembangunan Komuniti Bandar dan Luar Bandar* (Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, 2016), 35.

tarikan kepada golongan muallaf untuk hadir ke MAF.¹⁰ Ceramah agama yang disampaikan melalui pendekatan metode penyampaian yang berbeza dengan penceramah tempatan dapat memberi kalainan untuk memahami Islam dalam diri masyarakat pendengar.

3.3.2 Surau di Bawah Pengelolaan MAF USJ 9

Masjid al-Falah USJ 9 juga mempunyai beberapa buah surau yang bergiat aktif dalam aktiviti pembangunan masyarakat. Program yang diaturkan bukan sahaja di masjid, malah surau di bawah kelolaan MAF juga berperanan dalam aktiviti agama. Di antara surau yang berada di bawah pengelolaan MAF ialah surau al-Ikhwan, surau Nurul Hasanat, surau Nurul Ehsan, surau al-Madinah, surau at-Taqwa, surau al-Muttaqun, surau Nur Hidayah, surau al-Falah dan surau ar-Rayyan.

3.3.3 Sejarah UEP Subang Jaya (USJ)

Subang Jaya ialah bandar terbesar di daerah Petaling, Selangor dan berada dalam kawasan Lembah Klang. USJ merupakan singkatan daripada UEP Subang Jaya yang terletak di bandar Subang Jaya. Pada tahun 1994, Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan untuk menaik taraf Majlis Daerah Petaling kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya. Tujuan kenaikan taraf ini ialah untuk menyusun semula organisasi pentadbiran bagi menghadapi tekanan pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar.¹¹

Melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 62, Majlis Perbandaran Subang Jaya telah diwartakan pada 02 Januari 1997 mengikut pelan warta 1192 dengan dianugerahkan status perbandaran sendiri (*municipality*) dengan keluasan tapak 16,180 hektar dan terbahagi

¹⁰ Responden A (Muallaf/Ahli Jemaah, MAF USJ 9), dalam temu bual dengan pengkaji pada 28 Mac 2016.

¹¹ Majlis Perbandaran Subang Jaya, "Latar Belakang Penubuhan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)," *Portal Rasmi MPSJ*, www.mpsj.gov.my, dicapai pada 14 Julai 2016.

kepada tujuh Blok Perancangan mengikut Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020 (RTMPSJ 2020) iaitu,

1. Blok Perancangan 1 (Subang Jaya – USJ)
2. Blok Perancangan 2 (Subang Hi – Tech)
3. Blok Perancangan 3 (Putra Height)
4. Blok Perancangan 4 (Kinrara)
5. Blok Perancangan 5 (Puchong)
6. Blok Perancangan 6 (Bandar Putra Permai)
7. Blok Perancangan 7 (Seri Kembangan)

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) merupakan salah satu daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terletak dalam Wilayah Lembah Klang. Keluasannya merangkumi 161.8 km persegi ini terdiri daripada dua mukim, iaitu Mukim Damansara dan Mukim Petaling. Kedudukan MPSJ adalah strategi kerana ia bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

MPSJ dalam usaha untuk membangunkan perbandaran moden sebagai sebuah Perbandaran Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman bagi mencapai visi dan misi perbandaran berteraskan urus tadbir yang Mesra, Cekap dan Berintegriti. Usaha ini seiring dengan pembangunan Pelan Strategik Perbandaran Subang Jaya 2012-2030 dan penjenamaannya sebagai MPSJ Perbandaran "*Vibrant*" yang bermaksud sebagai sebuah perbandaran yang hidup (lively), bersemangat (energetic), mesra (friendly), dan

mengekalkan perbandaran hijau (green city).¹² Ini ternyata bandar yang maju memerlukan peranan masjid yang aktif dalam menarik masyarakat kepada pengimarahannya institusi masjid.

3.4 Pengurusan Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

3.4.1 Peruntukan Kewangan di MAF USJ 9

Mengembalikan peranan masjid sebagai pusat ilmu bagi masyarakat Muslim memerlukan kepada kefahaman mengenai faktor-faktor yang dapat mempengaruhi aktiviti-aktiviti di masjid. Untuk mencapai hasrat tersebut, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor secara signifikannya mempengaruhi keaktifan aktiviti sesebuah masjid. Kebanyakan kajian yang telah dibuat sering membuat telaah bahawa faktor kewangan merupakan faktor yang terpenting dalam menggerakkan aktiviti masjid.¹³

Dalam memastikan aktiviti ceramah agama yang diadakan berjalan dengan baik dan berterusan, MAF USJ 9 telah menyediakan peruntukan kewangan khusus bagi aktiviti ceramah agama.¹⁴ Peruntukan ini bertujuan untuk menjadikan masjid sebagai pusat ilmu dan pusat kemasyarakatan bagi masyarakat sekitar.¹⁵ Menurut Zuwairi Mohd Yusof, wang sagu hati yang diperuntukkan oleh MAF USJ 9 kepada penceramah dari luar negara sebanyak RM1,000 sebagai sagu hati menyampaikan ceramah di sana.

Pihak MAF USJ 9 tidak terlibat dalam menyediakan tempat penginapan dan pengangkutan atau tiket penerbangan kepada penceramah dari luar negara yang dijemput menyampaikan ceramah di MAF USJ 9. Ini kerana, mereka yang hadir ke masjid bukan

¹² Portal Rasmi Majlis Perbandaran Subang Jaya, <https://ocps.mpsj.gov.my>, dicapai pada 14 Julai 2016

¹³ Hairunnizam Wahid, "Masjid dan Pembentukan Model Sosial: Apakah Faktor Penentu Aktivism Masjid?" Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Pengajian Ekonomi, t.t <http://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/Paper%20peranan%20masjid.pdf>

¹⁴ Penyata Penerimaan dan Pembayaran Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014, Mesyuarat Agung Tahunan 2014/2015, Masjid al-Falah USJ 9 (Dewan Kuliah Masjid al-Falah USJ 9, 18 Oktober, 2015), 62.

¹⁵ Nota-nota kepada penyata Kewangan, Mesyuarat Agung Tahunan 2014/2015, Masjid al-Falah USJ 9 (Dewan Kuliah Masjid al-Falah USJ 9, 18 Oktober, 2015), 63.

sepenuhnya ditaja oleh pihak masjid. Kebiasaannya penceramah tersebut dijemput oleh mana-mana persatuan-persatuan, badan NGO atau dari individu-individu tertentu untuk mengadakan program-program keagamaan. Melalui itu, pihak pengurusan masjid mengambil kesempatan menjemput mereka untuk mengadakan slot ceramah di MAF USJ 9.¹⁶

3.4.2 Prosedur Pengambilan Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Kebanyakan ceramah agama yang melibatkan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 sering mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat setempat. Dalam menjemput penceramah dari luar negara, pihak pengurusan MAF USJ 9 sangat berhati-hati membawa mereka untuk menyampaikan ceramah. Ini disebabkan penceramah tersebut datang dari negara yang berlainan dan fikrah yang berbeza dengan keadaan masyarakat di Malaysia. Pihak MAF USJ 9 terlebih dahulu menilai latar belakang mereka sebelum meminta surat kebenaran daripada JAIS untuk membenarkan penceramah menyampaikan ceramah. Ia bertujuan untuk memastikan penceramah tersebut selamat dari sebarang keraguan latar belakang diri serta mengelak terdapatnya golongan ekstremisme yang dibawa masuk ke masjid.¹⁷

Menurut Zuwairi Mohd Yusof, kriteria yang ditetapkan oleh MAF USJ 9 dalam pemilihan pengambilan penceramah dari luar negara, MAF USJ 9 terlebih dahulu memilih penceramah yang bersifat wasatiah, membawa masyarakat kepada berkasih sayang dan bukan kepada perpecahan. Setiap penceramah yang dibawa masuk perlu ditapis terlebih dahulu sebelum pihak MAF USJ 9 memohon surat kebenaran dari JAIS untuk menjemput mereka menyampaikan ceramah agama di MAF USJ 9.¹⁸

¹⁶ Zuwairi Mohd Yusof (Imam Satu MAF USJ 9) dalam temu bual dengan pengkaji pada 28 Mac 2016.

¹⁷ Zuwairi Mohd Yusof (Imam Satu MAF USJ 9) dalam temu bual dengan pengkaji pada 28 Mac 2016.

¹⁸ Zuwairi Mohd Yusof (Imam Satu MAF USJ 9) dalam temu bual dengan pengkaji pada 28 Mac 2016.

3.5 Aktiviti Ceramah Agama Penceramah Luar Negara di MAF USJ 9

Institusi masjid adalah satu institusi yang hidup dengan pelbagai aktiviti pengimarahannya yang berfungsi untuk membangunkan masyarakat Islam dalam setiap lapangan hidup, memartabatkan masyarakat dengan kepelbagaian pendidikan ke arah memantapkan pemikiran dan perwatakan rohani dan jasmani untuk digelar sebagai masyarakat hadhari. Di antara ciri masyarakat hadhari ialah mementingkan pencarian ilmu, mempunyai keseimbangan di antara kebendaan dan kerohanian, mampu membezakan antara hak dan batil serta mampu menentukan keutamaan dalam kehidupan dan sebagainya.¹⁹

Aktiviti bercorak keagamaan sama ada secara harian, mingguan atau menyambut hari kebesaran dalam bulan Islam sering kali diadakan di masjid. Kebanyakan aktiviti yang dijalankan ini adalah melalui ceramah agama berbentuk tetap, iaitu ceramah agama secara harian dan mingguan, ceramah agama khas berdasarkan hari kebesaran Islam dan ceramah agama berbentuk umum, iaitu berdasarkan kepada perbincangan isu semasa dalam Islam. Ahli jawatankuasa masjid yang terdiri daripada pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, bendahari dan beberapa ahli jawatankuasa yang dilantik akan mengurus dan mentadbir setiap aktiviti keagamaan yang diadakan di masjid.²⁰

Bagi penceramah yang berceramah di sekitar negeri Selangor, mereka telah diberikan sijil pentauliahannya oleh pihak berkuasa sebagai kebenaran untuk menyampaikan ceramah agama di mana-mana kawasan di sekitar negeri Selangor. Sijil pentauliahannya ini dikeluarkan bertujuan untuk mengenal pasti latar belakang penceramah sebelum menyampaikan ceramah

¹⁹ Asmak Haji Ali & Cik Hashim Mat Said, "Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari" dalam *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*, ed. Mohd. Ismail Mustari (Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 29.

²⁰ Hasan Bahrom, "Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah," dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid* (Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia, 2008), 84.

di mana-mana masjid di sekitar negeri Selangor. Peranan yang dimainkan oleh pihak masjid dalam menyalurkan aktiviti keagamaan dan menjaga kredibiliti penceramah menjadi faktor keberkesanan masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat.

MAF USJ 9 merupakan salah sebuah masjid di daerah Petaling yang bergiat aktif dalam menyalurkan pengajian Islam kepada masyarakat setempat. MAF USJ 9 selain pusat ibadah berperanan sebagai pusat pendidikan ilmu serta pusat kemasyarakatan bagi masyarakat setempat. Aktiviti pengajian yang diadakan di MAF USJ 9 kebiasaannya mendapat sambutan ahli qariah masjid dan masyarakat Islam yang berhampiran dengan Subang Jaya.

3.5.1 Aktiviti Ceramah Agama Secara Bulanan di MAF USJ 9

Aktiviti keagamaan secara bulanan di MAF USJ 9 mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat di sekitar Subang Jaya atau kawasan yang berhampiran. Pengajian secara bulanan ini diadakan pada setiap bulan. Di antara pengajian yang berbentuk bulanan ialah ceramah agama yang disampaikan oleh Sheikh Ahmad Fahmi Zam Zam yang membahaskan kitab Sairus Salikin. Pengajian kitab ini telah diadakan selama 8 tahun dan berakhir pada tahun 2015. Kitab Sairus Salikin ini sempat dibincangkan dalam pengajian di MAF USJ 9 sehingga jilid yang ketiga.²¹

3.5.2 Aktiviti Ceramah Agama Secara Tahunan di MAF USJ 9

Aktiviti keagamaan secara tahunan diadakan berdasarkan kepada sambutan hari-hari kebesaran dalam bulan Islam seperti Isra' Mikraj, sambutan hari kelahiran Baginda Nabi Muhammad SAW, Nuzul Quran dan Nisfu Sya'ban. Sambutan ini pada kebiasaannya diadakan dengan mengadakan kuliah-kuliah agama, ceramah serta perbincangan berbentuk forum. Ceramah agama disampaikan berdasarkan hari-hari penting dalam bulan Islam dan

²¹ Mesyuarat Agung Tahunan 2014/2015, Dewan Kuliah MAF USJ 9, 23-24.

disampaikan oleh penceramah-penceramah khas yang terkenal dari dalam dan luar negara. Sambutan Maulidur Rasul merupakan diantara acara yang sangat meriah diadakan di masjid apabila sampai pada tanggal 12 Rabbi'ul Awal. Sambutannya dapat dilihat melalui pelbagai acara yang diatur sebelum sambutan dan sesudah sambutan Maulidur Rasul bahkan sambutan ini berlanjutan selama sebulan. Sambutan ini bertujuan untuk mengambil pengajaran dari perjalanan sirah baginda SAW.

Selain itu, terdapat juga beberapa majlis khusus bagi meraikan hari kebesaran Islam yang telah diadakan di MAF USJ 9, diantaranya ialah majlis mawlid bersama ulama keturunan Rasulullah SAW, majlis bacaan Asma al-Husna, majlis bersama Habib Kadzim Jaafar as-Saggaf,²² Haul Imam al-Hadad,²³ ceramah khas ambang Ramadan bersama PU Syed Faiz al-Idrus, peristiwa Isra' dan Mikraj bersama Sheikh Ahmad Fahmi Zam Zam, forum Israk Mikraj "Ibrah perjalanan Israk dan Mikraj," rakaman halaqah TV9, forum perdana "Pelabuhan Akhirat," majlis berbuka puasa sunat Isnin dan Khamis bulan Sya'aban, solat sunat gerhana bulan, daurah syamil Rasulullah SAW bersama Syeikh Fahmi Zam Zam, majlis pelancaran Kitab Selawat Barakat Makiyyah, kembara dakwah Malaysia 2014 bersama Habib Umar, sambutan Nisfu Sya'aban, majlis sambutan Isra' dan Mikraj bersama Habib Zain, daurah ilmiah Pengajian Hadis Rasulullah SAW dan banyak lagi aktiviti telah dijalankan oleh pihak MAF USJ 9.²⁴

²² Majlis Bersama Habib Kazim ialah majlis diadakan dengan bacaan wirdul Lathif, solat Maghrib, bacaan Maulid ad-Dhiya' al-Lamie, ceramah Habib Kazim serta solat Isya'berjamaah, "Majlis Bersama Ulama" laman sesawang blog, dicapai 21 Januari 2018, <http://alfalahunusj9.blogspot.my/2012/07/majlis-bersama-ulama-bersama-al-habib.html>.

²³ Haul Imam al-Hadad bertujuan khusus mengenang peninggalan Imam al-Hadad selaku seorang Qutub dan Mujaddid Islam pada abad ke-12 hijri. Nama penuh beliau ialah Imam Habib Abdullah Alawi Muhammad al-Hadad. Beliau merupakan seorang yang terkenal sebagai seorang yang arif dalam ilmu yang dimiliki. "Majlis Haul Imam al-Hadad 1430 Hijri," dicapai 21 Januari 2018, <https://mforum2.cari.com.my/forum.php?mod=viewthread&tid=443828&extra=page%3D1>

²⁴ Mesyuarat Agung Tahunan 2014/2015, Dewan Kuliah Masjid al-Falah USJ 9, 24.

3.5.3 Ceramah Khas Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

MAF USJ 9 terus dipilih untuk mengadakan beberapa siri ceramah dan talaqqi kitab yang melibatkan penceramah dari luar negara bertujuan untuk mempelbagaikan aktiviti pengajian di sana. Di antara penceramah dari luar negara sebagai contoh ialah Habib Kadzim Jaafar dari Yaman, Syeikh Mohammad Jebri, Sheikh Ahmad Fahmi Zam Zam, Sheikh Mohammad Aslam, Habib Zain, Sheikh Faisal Abdul Razak merupakan pengerusi Islam Kanada, Sheikh Awn al-Qaddoumi, Habib Omar al-Jufri dan Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni dan ramai lagi.²⁵ Maklumat lanjut ceramah agama yang disampaikan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 berdasarkan jadual 5 di bawah:

Jadual 3.1: Senarai Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Bil	Penceramah	Tajuk
1	Habib Omar Hafidz dan Habib Zainal Abidin	- Peranan Wanita Membentuk Keluarga Sakinah - Kembara Dakwah
2	Sheikh Abu Zaki Yusuf	Pengajian Tassauf
3	Buya Yahya	Mewujudkan keindahan rumah tangga
4	Habib Kadzim as-Saggaf	- “How to Figh Your Ego” Bagaimana Menangani Ego. - Tasawwuf Keperluan atau Kesesatan - Menangani Fitnah Akhir Zaman Media Sosial dari perspektif Islam - Purification of the heart
5	Sheikh Abdul Muhsin al-Qasim	Beliau mengimamkan solat Maghrib dan Isyak’
6	Sheikh Abdul Karim al-Fattani	Ceramah Umum
7	Baba Ghazali Ahmad	Akidah Ahli sunah Wal Jemaah

²⁵ Laporan Biro Dakwah, Mesyuarat Agung Tahunan 2014/2015, Dewan Kuliah Masjid al-Falah USJ 9. 23.

8	Syeikh Ahmad Fahmi Zamzam	- Pengajian Sairus Silikin –Jilid 3 - Peristiwa Israk dan Mikraj (Kitab al-Anwarul Bahiyyah Karangan Sayid Muhammad Alawi al-Maliki al-Hasani) - Daurah Syamail Rasulullah - Kuliah Duha
9	Habib Omar al-Jufri	Ceramah Umum
10	Habib Ali Zainal Abidin	Rakaman Rancangan “TAMAN SYURGA” Terbitan TV al-Hijrah
11	Baba Ismail	Ceramah Khas
12	Syeikh Mohammed Aslam	Ceramah Khas
13	Syeikh Muhamed Abdul Aziz Mahmoud Ghanim	Majlis Ilmu, Kulih Subuh
14	Syeikh Yahya Ibrahim	Ceramah Khas sempurna Hari Raya Qurban “Virtues of Qurban”
15	Sheikh Faisal Abdul Razak	Ceramah Khas
16	Sayid Ahmad Muhammad Alawi al-Maliki al-Hasani	Majlis Ilmu
17	Abuya as-Sayid Ahmad Muhammad al-Maliki al-Hasani	Majlis Ilmu
18	Sheik Muhammed Jebril	Majlis Ilmu
19	Sheikh Abdul Karim Omar al-Makki	Majlis Khattam al-quran
20	Syeikh Abdul Aziz Mohd Ghanim	Ceramah Khas
21	Habib umar Abd. Rahman Rahman al-Jufri	Kuliah Maghrib
22	Sheihk Solah al-Khalifah	Kuliah Maghrib
23	Sheikh Prof. Dr Ahmed Dabbagh	Kuliah Khas
24	Habib Ali Zainal Abidin	Isra’ Mikraj
25	Habib Muhamad Abdullah Alaydrus	Program Khas
26	Syeikh Imran Husein	Kuliah Khas
27	Habib Muhammad Ridho Yahaya	Majlis asmaul Husna Akbar
28	Habib Ali AS-Saggaf	Majlis asmaul Husna

29	Sheikh Zainul Asri	Kuliah Dhuha
30	Dr. Fatimah Az-Zahraa	Kuliah Dhuha
31	Syeikh Awn al-Qaddoumi	Kuliah Maghrib Kuliah Subuh
32	Habib Taufiq Abdul Qadir Hussein as-Seggaf	Kuliah Khas

Sumber: Masjid al-Falah USJ 9, Selangor.

3.6 Sambutan Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Kehadiran penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat sekitar Subang Jaya. Kedatangan penceramah dengan metode penyampaian ceramah yang tersendiri, membawa satu kelainan kepada masyarakat sekitar dalam memahami agama Islam. Menurut Zuwairi Mohd Yusof, kebiasaan penceramah dari luar negara yang mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat setempat antaranya ialah Syeikh Habib Umar al-Hafiz serta beberapa penceramah lain dari luar negara. Ini kerana skill ceramah agama yang dimiliki oleh mereka berbeza dari penceramah lain serta kelainan dalam menyampaikan ilmu, menjadi faktor masyarakat ingin mendekati mereka lebih dekat.²⁶

Selain itu, perbezaan latar belakang budaya, pendidikan, pemikiran, *waqi'* serta *uruf* penceramah dari pelbagai negara telah menjadikan MAF USJ 9 sebagai institusi masjid yang mempunyai jaringan ulama. Perbincangan dari penceramah yang datang dari pelbagai negara yang diiktiraf dari aspek ilmunya dilihat mampu menyumbang kepada pertumbuhan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat setempat, di samping berlaku interaksi sosial dalam kalangan masyarakat sekitar dapat dijalankan di MAF USJ 9.

²⁶ Zuwairi Mohd Yusof (Imam Satu MAF USJ 9) dalam temu bual dengan pengkaji pada 28 Mac 2016.

Masjid memainkan peranan penting sebagai pusat pengajian Islam. Peranan yang dimainkan oleh institusi masjid telah menjaminkan pembentukan masyarakat yang berkualiti. Ulama yang datang di sesebuah kampung akan menjadi kebiasaan bagi masyarakat setempat untuk menjadi tempat rujukan bagi pengajian agama Islam.²⁷ Ini kerana, sebelum institusi masjid di Tanah Melayu sebagai pusat perkembangan agama Islam, rumah guru telah menjadi tempat tumpuan masyarakat sekitar atau yang datang dari kampung yang berdekatan untuk menimba ilmu. Apabila bilangan pelajar meningkat, maka masjid memainkan peranan sebagai pusat pengajian bagi menggantikan rumah guru. Mereka yang datang untuk menimba ilmu adalah dari kalangan pelajar-pelajar yang datang dari pelbagai kawasan Tanah Melayu.

Personaliti seseorang tokoh ulama menjadikan dalam kalangan mereka adalah orang yang disegani dan dihormati di Tanah Melayu. Menurut Kamaruddin Haji Husin, personaliti seseorang itu dicerminkan daripada cara dia bercakap dan juga daripada isi kandungan percakapannya. Oleh itu, seseorang itu dinilai melalui pertuturannya yang jelas.²⁸ Ini menunjukkan bahawa, memiliki personaliti yang menarik, lisan yang jelas dalam penyampaian dakwah ketika itu, serta berketerampilan berani dalam menyebarkan Islam telah berjaya mempengaruhi masyarakat Melayu kepada Islam. Penyebaran Islam melalui dakwah berbentuk qudwah hasanah serta dakwah lisan yang jelas terhadap isi penyebaran agama Islam berjaya membangunkan masyarakat Melayu ketika itu meliputi aspek kerohanian, kebendaan, intelektual dan lain-lain.²⁹

²⁷ Ab. Aziz Mohd. Zain *et al.*, "Isu-Isu Tamadun Islam," dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 235.

²⁸ Kamarudin Haji Husin, *Pengajaran dan Pembelajaran Lisan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 5.

²⁹ Che Yusoff Che Mamat & Syamsul Bahri Andi Galigo, *Dinamika Dakwah dalam Masyarakat* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997), 95.

Kedudukan ulama dalam kalangan masyarakat Melayu dipandang tinggi. Ketinggian ilmu yang dimiliki oleh seseorang ulama serta kesungguhan mereka dalam menyampaikan Islam kepada masyarakat Melayu telah menjadi salah satu faktor mereka didampingi oleh seetengah masyarakat di Tanah Melayu ketika. Agama Islam yang disampaikan dengan jelas telah berjaya membawa kepada perkembangan agama Islam di Tanah Melayu. Ketinggian ilmu pengetahuan Islam mengenai undang-undang Islam serta ilmu teologi Islam menjadikan ulama tersebut sebagai tempat untuk menjadi rujukan dalam kalangan masyarakat Islam. Di samping itu, penyebaran Islam dalam kalangan masyarakat Melayu jelas tersebar melalui hikmah penyampaian serta akhlak yang mulia yang ditunjukkan, serta rasional dan bijaksana³⁰ setiap aspek yang disampaikan oleh ulama ketika itu menjadikan mereka amat dihormati dan diikuti.³¹

3.7 Kepentingan MAF USJ 9 dalam Pembangunan Masyarakat Sekitar

Kepentingan MAF USJ 9 dalam pembangunan masyarakat sekitar dilihat kepada aktiviti yang dianjurkan kepada golongan kanak-kanak, golongan masyarakat remaja dan golongan masyarakat dewasa. Aktiviti yang dijalankan bertujuan untuk menarik minat mereka kepada aktiviti mengimarahkan masjid dari pelbagai program yang telah dianjurkan. Kepelbagaian program ceramah agama dengan kedatangan penceramah-penceramah yang berpengaruh serta berbeza dari aspek latar belakang ilmu dan budaya menjadi faktor ketertarikan golongan masyarakat untuk menghadirkan diri ke masjid.

Metode penyampaian ceramah yang pelbagai serta pengetahuan yang luas memberi kesan kepada masyarakat tempatan dalam memahami ilmu agama Islam sebagai panduan

³⁰ Hashim Musa *et al.*, "Konsep, Latar Belakang dan Pandangan Semesta Masyarakat Melayu," dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006), 304.

³¹ Amini Amir Abdullah, *Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam Program Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (IPTM)* (Selangor: Universiti Putra Malaysia, t.t.), 33.

dalam kehidupan. Kerjasama MAF USJ 9 dengan badan-badan NGO merupakan satu usaha dalam menghubungkan masyarakat dengan para ulama dari pelbagai negara serta menjadikan MAF USJ 9 di antara masjid-masjid yang terdapat di negeri Selangor yang berperanan sebagai pusat perkembangan ilmu. Selain itu, budaya cintakan ilmu juga dapat diterapkan dalam golongan masyarakat awam, di samping memperkenalkan masyarakat kepada golongan ulama yang datang dari pelbagai negara.

MAF USJ 9 juga berkepentingan dalam membantu mengetengahkan tokoh-tokoh agama Islam yang berwibawa sebagai rujukan masyarakat. Tokoh-tokoh ini boleh menjadi model kepada masyarakat dalam meningkatkan ilmu serta menekankan kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat.³² Selain itu, MAF USJ 9 juga berperanan dalam menjadikan pendidikan di masjid sebagai sebahagian daripada fungsi MAF dengan menubuhkan Sekolah Agama Rakyat Masjid al-Falah (SARMAF) pada Disember 2000. Kafa Integrasi MAF USJ 9 bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik, malah turut cemerlang dalam bidang kokurikulum. Pada tahun 2011, Kafa(I)MAF telah berjaya mendapat naib johan KAMIL peringkat negeri bagi ketiga-tiga acara, iaitu Marhaban (L), Solat Jenazah (L) dan menulis Khat Tahap 1 (P).³³

Masjid pada zaman Rasulullah SAW merupakan sebagai pusat kegiatan masyarakat Islam. Fungsinya tidak terhad sebagai tempat ibadah khusus sahaja, bahkan merangkumi segala aktiviti sosial masyarakat Islam terutama dari aspek pendidikan. Oleh itu, MAF USJ 9 dalam memartabatkan ilmu dalam kalangan masyarakat Islam dilihat sebagai satu usaha ke arah pembangunan masyarakat bertamadun. Usaha ini di samping mengajak masyarakat kepada pengimarahannya masjid, ianya juga dilihat sebagai satu usaha dalam mengangkat

³² Mahazan Abdul Mutalib *et. al.*, *Masjid dan Pembangunan Komuniti Bandar dan Luar Bandar*, 35.

³³ Sekolah Agama Rakyat Masjid al-Falah USJ 9 (SARMAF), dicapai pada 22 Januari 2018, <http://www.masjidalfalah.com/sekolah-kafa/>

martabat institusi masjid sebagai institusi utama masyarakat Islam dalam membentuk komuniti masyarakat Muslim.

3.8 Kesimpulan

Pengajian agama merupakan salah satu aktiviti utama yang diadakan di institusi masjid. MAF USJ 9 melalui pendekatannya yang tersendiri seperti ceramah agama, kuliah agama atau forum menjadi faktor MAF USJ 9 antara masjid yang terkenal di negeri Selangor. Pendekatan MAF USJ 9 sebagai medium penting dalam perkembangan ilmu kepada masyarakat setempat tidak dapat dinafikan terutama apabila melibatkan penceramah dari luar negara. Pendekatan dakwah penceramah yang berkualiti memberi kesan kepada masyarakat serta menjadikan MAF USJ 9 antara masjid yang aktif dalam perkembangan ilmu pengetahuan Islam.

Kesimpulan ini menunjukkan MAF USJ 9 telah memainkan peranannya sebagai sebuah institusi masjid yang memartabatkan perkembangan ilmu. Masjid diutamakan dalam masyarakat Islam sebagai nadi penyatuan ummah. Ini dapat dilihat melalui sejarah awal pembukaan negara Islam di Madinah dengan menjadikan masjid sebagai pusat ibadah pertama yang dibina serta berperanan sebagai pusat keilmuan Islam. Perkembangan Islam seterusnya berterusan sehingga Islam tersebar di Tanah Melayu. Melalui institusi masjid ketika itu, peranan pendakwah Islam yang hadir telah berjaya membawa perkembangan ilmu bagi masyarakat Melayu. Peranan institusi masjid sebagai pusat ilmu telah memberi kesan terhadap penghayatan Islam dalam diri masyarakat Melayu.

BAB EMPAT

ANALISIS PENERIMAAN PENDENGAR TERHADAP CERAMAH AGAMA PENCERAMAH DARI LUAR NEGARA

4.1 Pengenalan

Berdasarkan kepada aktiviti ceramah agama di MAF USJ 9 yang melibatkan penceramah dari luar negara, pengkaji menganalisis penerimaan masyarakat pendengar yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara. Dalam bab empat, pengkaji membincangkan metodologi kajian, dapatan kajian, reka bentuk kajian, kajian rintis, sampel kajian, instrumen kajian serta hasil dapatan kajian yang dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Versi 20. Melalui hasil dapatan ini, pengkaji dapat menyimpulkan penerimaan pendengar terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara serta sejauhmana penglibatan penceramah dari luar negara dapat memberi sumbangan baik kepada masyarakat pendengar di MAF USJ 9.

4.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dilaksanakan dalam kalangan pendengar ceramah agama di MAF USJ 9. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mengkaji penerimaan pendengar terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9. Kajian dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif di mana data diperolehi melalui soal selidik yang telah diuji melalui ujian rintis. Kaedah ini dikaitkan dengan data numerikal, yang mana data numerikal yang dikumpul dianalisis menggunakan ujian statistik.¹

Dalam kajian ini, data dikumpulkan diproses secara dua peringkat, iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Data yang diperolehi dianalisis melalui komputer dengan

¹ Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan*, ed.2 (Malaysia: Mc Graw Hill, 2014), 114.

menggunakan pengaturcaraan *Statistical Package for The Sosial Sciences (SPSS)* Versi 20. Statistik deskriptif digunakan untuk mengukur soalan yang berkaitan dengan faktor latar belakang responden, iaitu jantina, umur, taraf perkahwinan, pekerjaan, pendapatan kasar bulanan, tahap pendidikan, kemahiran berbahasa, tempat kediaman serta penyertaan responden. Tujuan analisis deskriptif digunakan adalah untuk mengenalpasti latar belakang responden yang mengikuti ceramah agama.

Seterusnya, data yang diperolehi berbentuk numerical dianalisis bagi mengukur kekerapan, min, sisihan piawai dan peratusan. Manakala, statistik inferensi pula digunakan bagi mengukur tahap penerimaan pendengar yang mana daripada analisis inferensi ini dapat menghuraikan perhubungan antara pembolehubah, menghuraikan ciri sampel yang dipilih daripada populasi dan membuat generalisasi ciri-ciri sampel tentang populasi tersebut.² Kaedah kajian ini adalah merupakan kajian berbentuk tinjauan.

4.3 Kajian Rintis

Sebelum mendapatkan data yang sebenar, soal selidik perlu diuji terlebih dahulu. Kajian rintis dilakukan bagi menguji kefahaman responden tentang item yang dibina pada soalan-soalan soal selidik. Sebelum soalan soal selidik diedarkan, pengkaji terlebih dahulu melakukan kajian rintis bagi menguji kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang telah dibina. Ujian rintis ini dilakukan bagi pengkaji mengenal pasti sama ada soalan-soalan tersebut dapat difahami ataupun tidak oleh responden sebenar. Kajian rintis terhadap borang soal selidik telah diuji keatas 40 orang (N=40) pendengar ceramah agama dari beberapa buah masjid di sekitar Negeri Selangor. Hasil dari maklum balas tersebut mendapati kesemua soalan yang dijawab oleh responden adalah baik. Namun begitu, terdapat sesetengah

² Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan*, ed. Kedua (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd, 2012), 4.

responden kajian rintis yang keliru pada bahagian B, iaitu soalan nombor dua, sebagaimana bentuk soalan seperti berikut:

Berapa kerapkah tuan/puan pernah mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9?

<input type="checkbox"/>	1 hingga 3 kali
<input type="checkbox"/>	4 hingga 6 kali

<input type="checkbox"/>	7 hingga 9 kali
<input type="checkbox"/>	10 ke atas

Bagi soalan ini, pengkaji tidak meletakkan anggaran mingguan, bulanan atau tahunan. Memandangkan aktiviti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah agama dari luar negara adalah tidak menentu. Sebagai contoh, pada tahun 2016 dan 2017 anggaran penceramah dari luar negara yang menyampaikan ceramah agama di MAF USJ 9 lebih kurang seramai lima orang, iaitu dari Yaman, Indonesia dan Thailand.³ Namun begitu, pada tahun sebelumnya, penceramah yang hadir di MAF USJ 9 adalah lebih ramai.⁴ Dalam kajian ini, kekerapan pendengar dikira berdasarkan pengalaman responden yang pernah mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara dari tahun 2015 sehingga pada tahun 2017. Oleh itu, menurut pengkaji soalan tersebut wajar untuk dikekalkan.

4.3.1 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kebolehpercayaan instrumen dalam kajian diukur berdasarkan kepada kaedah konsistensi dalaman yang dilakukan dengan mencari nilai korelasi antara skor setiap item dalam ujian dengan jumlah skor bagi semua item dalam ujian (skor indeks ujian). Terdapat dua keadaan kebolehpercayaan instrumen diukur, iaitu item-item yang mempunyai nilai korelasi yang

³ Mohd Zuwairi Mohd Yusof (Imam Satu MAF USJ 9) dalam temu bual dengan pengkaji melalui talian pada 22 Julai 2017.

⁴ Buku Laporan Tahunan 2014.

tinggi dengan skor indeks ujian yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan item-item yang mempunyai nilai korelasi yang rendah mempunyai kebolehpercayaan yang rendah, yang mana bagi keadaan yang ini, ia perlu disingkirkan daripada ujian. Kaedah ini dinamakan sebagai kaedah konsistensi dalaman (*internal consistency approach*).⁵

Kaedah yang sering digunakan adalah dengan mengira pekali kebolehpercayaan alpha Cronbach⁶ untuk statistik kebolehpercayaan instrumen kajian. Nilai bagi pekali alpha Cronbach bagi kaedah ini ialah .65 hingga .95 dan nilai ini dianggap memuaskan. Jika terdapat nilai yang terlalu rendah, ia menunjukkan keupayaan item-item instrumen kajian untuk mengukur konsep dalaman kajian adalah rendah. Manakala, bagi nilai alpha yang terlalu tinggi, ia berkemungkinan menunjukkan semua item adalah serupa atau bertindih antara satu sama lain, maka soalan berbentuk ini tidak perlu untuk digunakan.⁷ Setelah ujian rintis dijalankan, keputusan mendapati bahawa seramai 40 orang (N=40) responden telah menjawab ujian rintis. Nilai kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* yang didapati adalah .957 bagi keseluruhan item (N=45), menunjukkan bahawa item yang dibina adalah positif.

Jadual 4.1: Item Ujian Rintis

Bil	Soalan	Cronbach's Alpha	N item =45
C1	Apakah pandangan tuan/puan mengenai peranan dan sumbangan masjid dengan kehadiran penceramah dari luar negara?	.817	8/8
C2	Apakah pandangan tuan/puan mengenai penceramah dari luar negara dalam menyampaikan ceramah agama di masjid?	.879	7/7

⁵ Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan*, 136.

⁶ Kebolehpercayaan atau *Cronbach's Alpha* dalam sesuatu penyelidikan merujuk kepada keupayaan suatu kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Jika pengukuran pada kali kedua (dan ketiga serta pada kali yang seterusnya) dilakukan, nilai yang diperoleh adalah serupa, maka kajian dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Sila lihat, Chua Yan Piew, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. (Malaysia: McGraw-Hill Sdn Bhd, 2006), 75.

⁷ Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan*, 136.

C3	Apakah pandangan tuan/puan mengenai daya tarikan penceramah dari luar negara di masjid?	.782	8/8
C4	Nyatakan penerimaan tuan/puan mengenai isi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara?	.915	8/8
C5	Bagaimanakah kefahaman tuan/puan mengenai agama Islam selepas mendengar ceramah agama yang disampaikan penceramah dari luar negara?	.907	7/7
C6	Bagaimanakah isi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara mempengaruhi kehidupan tuan/puan?	.945	7/7

Sumber: Analisis Ujian Rintis, Jun 2017.

4.4 Sampel Kajian

Sampel kajian diambil berdasarkan ketidakmampuan pengkaji untuk mendapatkan keseluruhan populasi pendengar ceramah agama di MAF USJ 9. Jenis persampelan rawak mudah digunakan dalam kajian ini bagi subjek yang populasinya mempunyai keberangkalian yang sama untuk dipilih.⁸ Hasil temu bual dengan pihak pengurusan MAF USJ 9, pengkaji telah membuat anggaran populasi pendengar yang hadir di MAF USJ 9 adalah seramai 600 orang dalam satu-satu ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara.

Pengkaji telah mengambil sampel seramai 240 orang sebagai sampel kajian, berdasarkan kepada penentuan saiz sampel, Krejcie, R.V dan Morgan, D.W. Menurut Tuckman, saiz sampel perlu dimaksimumkan supaya dapat meminimumkan ralat sampel. Lebih besar saiz sampel, lebih kecil ralat persampelan, maka lebih kecil nilai aras keyakinan.⁹ Oleh itu, untuk mengukur saiz sampel yang diambil daripada populasi yang besar, pengkaji menggunakan kaedah yang dikeluarkan oleh Krejcie, R.V dan Morgan. Jadual di bawah merupakan jadual yang menentukan saiz sampel menurut Krejcie, R.V dan Morgan.

⁸ Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*, 86.

⁹ Tuckman, B.W, *Conducting Education Research* (New York: Harcourt Jovanovich, Inc, 1978), 258.

Jadual 4.2: Penentuan saiz sampel, Krejcie, R.V dan Morgan, D.W. (1997)

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	346
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	191	1200	291	6000	361
45	40	170	116	400	196	1300	297	7000	364
50	44	180	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	190	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	200	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	210	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	220	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	230	144	550	225	1900	320	30000	379
80	66	240	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	250	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	260	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Note "N" ialah saiz populasi

"S" ialah saiz sampel

Pemilihan responden adalah berdasarkan kepada mereka yang berada di MAF USJ 9 sebagai sampel kajian. MAF USJ 9 dipilih sebagai kawasan utama kajian kerana ia merupakan masjid yang berada di pusat bandar UEP Subang Jaya (USJ) serta merupakan antara masjid yang aktif mengadakan program ceramah agama yang melibatkan penceramah dari luar negara.¹⁰ Oleh itu, pemilihan responden adalah mereka yang berada di MAF USJ 9 dan sering mengikuti program ceramah agama yang dianjurkan oleh pihak masjid. Kajian ini bermatlamat mengkaji penerimaan pendengar terhadap ceramah yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara. Di samping itu, kajian ini bagi mengenal pasti ceramah agama yang disampaikan tersebut dapat diterima baik oleh pendengar.

¹⁰ Mesyuarat Agong Tahunan 2014/2015, Masjid al-Falah USJ 9, 24.

4.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang dibina melalui beberapa peringkat. Yang mana, sebelum soal selidik diedarkan, instrument ini telah melalui proses perbincangan dan semakan. Perbincangan merujuk kepada perbincangan terhadap pembinaan soal selidik bersama penyelia. Antara perkara yang ditegur penyelia ialah berkenaan struktur pembinaan ayat soal selidik. Sebagai contoh, penceramah berperwatakan tinggi, oleh itu, pesanannya dianggap sebahagian daripada struktur keperibadiannya. (Ayat ini tidak jelas dan agak keliru. Bina ayat yang lebih ringkas dan mudah difahami). Selain itu, penceramah mempunyai keunikan penampilan yang menggambarkan budaya negara mereka. (Apa relevan soalan ini ditanyakan kepada responden).

Pengkaji juga telah merujuk kepada pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam pembinaan soal selidik iaitu Ustaz Azizi bin Che Seman, selaku pensyarah di Jabatan Syariah Ekonomi untuk mendapatkan bimbingan dan semakan dari beliau. Tujuan soal selidik digunakan untuk mengkaji penerimaan pendengar terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara khususnya di MAF USJ 9. Struktur soal selidik yang dibina mengandungi soalan-soalan berbentuk tertutup dan terbuka.

Soalan yang berbentuk tertutup digunakan bagi mengukur penerimaan pendengar di MAF USJ 9 terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara. Manakala, soalan berbentuk terbuka pula berkaitan komentar dan cadangan penambahbaikan responden ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9. Soal selidik yang dibina mengandungi empat bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada item berkaitan dengan demografi responden bagi mengetahui latar belakang responden yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ

9. Manakala bahagian kedua merupakan soalan berkaitan penyertaan responden dalam ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

Bahagian ketiga merupakan soalan yang dibina bagi mengkaji penerimaan pendengar di MAF USJ 9 terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar. Untuk menjawab soalan pada bahagian ini, pengkaji telah menggunakan skala likert yang berskala lima. Skala Likert yang direka oleh Likert pada tahun 1932, pada asasnya mempunyai 5 skala (skala 1-skala 5). Disebabkan kemudahan penggunaannya dalam membina item soal selidik dan pengurusan data, skala Likert menjadi skala yang paling banyak digunakan dalam instrumen penyelidikan pendidikan dan sains sosial, terutamanya dalam kajian yang menggunakan reka bentuk tinjauan (*survey*).¹¹ Seterusnya, bahagian keempat pula berkaitan dengan komentor dan cadangan responden terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9. Bentuk soal selidik yang dibina adalah seperti di bawah.

Jadual 4.3: Bentuk Soal Selidik yang Dibina

Bahagian	Perkara	Jumlah Soalan
Bahagian A	Maklumat Demografi Responden	10 Soalan
Bahagian B	Penyertaan Responden dalam Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara di Masjid.	6 Soalan
Bahagian C	Penerimaan Responden Mengenai Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara di Masjid	Soalan 1: 8 Item Soalan 2: 7 Item Soalan 3: 8 Item Soalan 4: 8 Item Soalan 5: 7 Item Soalan 6: 7 Item
Bahagian D	Komentor dan Cadangan Responden	2Soalan Subjektif
	Jumlah Semua Soalan	63 Soalan

¹¹ Chua Yan Piaw, *Asas Dan Statistik Penyelidikan, Asas Statistik Penyelidikan Analisis Data Skala Likert*, Buku 3, ed. Kedua (Malaysia: McGraw-Hill Education Sdn. Bhd, 2013), 10.

4.6 Dapatan Kajian

4.6.1 Maklumat Demografi Responden (Bahagian A)

4.6.1.1 Jantina

Pada dasarnya, pendengar yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara melibatkan golongan lelaki dan perempuan.

Jadual 4.4: Maklumat Jantina Responden

Jantina	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Perempuan	133	55.4
Lelaki	107	44.6
Jumlah	240	100.0

Sumber: Analisis Soal Selidik, Julai 2017.

Berdasarkan jadual 4.4 di atas jumlah responden yang terlibat seramai 240 orang dengan jumlah peratus 100.0%. Terdiri daripada lelaki seramai 107 orang responden dengan jumlah peratus 44.6% dan perempuan seramai 133 orang responden dengan jumlah peratus sebanyak 55.4%. Dengan ini jumlah responden mengikut jantina mempunyai perbezaan peratus sebanyak 10.8%. Ini bererti golongan perempuan dalam mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara adalah lebih tinggi berbanding golongan lelaki.

4.6.1.2 Kumpulan Umur

Kajian menunjukkan kumpulan umur responden yang mengikuti ceramah agama adalah tidak menentu. Oleh itu, pengkaji telah mengkategorikan umur responden kepada beberapa kumpulan umur.

Jadual 4.5: Kumpulan Umur Responden

Kumpulan umur	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
56 tahun ke atas	85	35.4
46-55 tahun	64	26.7
36-45 tahun	40	16.7
26-35 tahun	35	14.6
16-25 tahun	15	6.3
15 tahun ke bawah	1	0.4

Sumber: Analisis Soal selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.5 di atas kumpulan umur yang menjawab soal selidik di MAF USJ 9 dibahagikan kepada enam kategori, iaitu seramai 85 orang dengan jumlah peratus 35.4% adalah kategori yang berumur 56 tahun ke atas adalah yang paling tinggi, diikuti seramai 64 orang dengan jumlah peratus sebanyak 26.7% adalah kategori 46 hingga 55 tahun, seramai 40 orang dengan jumlah peratus sebanyak 16.7% adalah kategori 36 hingga 45 tahun, seramai 35 orang dengan jumlah peratus sebanyak 14.6% adalah kategori 26 hingga 35 tahun, seramai 15 orang dengan jumlah peratus sebanyak 6.3% adalah kategori 16 hingga 25 tahun dan seorang responden dengan jumlah peratus sebanyak 0.4% adalah kategori 15 tahun ke bawah.

4.6.1.3 Status Perkahwinan

Status perkahwinan diambil kira bagi mengenal pasti responden yang sering mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 adalah sudah berkahwin, masih bujang dan duda atau janda.

Jadual 4.6: Status Perkahwinan Rasponden

Status Perkahwinan	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Berkahwin	185	76.7
Bujang	42	17.5
Duda/Janda	14	5.8

Sumber: Analisis Soal selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.6 di atas menunjukkan responden yang sudah berkahwin seramai 185 dengan jumlah peratus sebanyak 76.7% adalah yang tertinggi mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara. Manakala, responden yang masih bujang seramai 42 orang dengan jumlah peratus sebanyak 17.5% dan seramai 14 orang dengan jumlah peratus sebanyak 5.8% adalah responden yang berstatus duda atau janda.

4.6.1.4 Pekerjaan Responden

Ditinjau dari segi pekerjaan responden terdiri daripada pelbagai sektor. Antaranya ialah, responden yang bekerja di sektor swasta, tidak bekerja, bekerja sendiri, golongan pesara, bekerja disektor kerajaan dan golongan pelajar yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

Jadual 4.7: Pekerjaan Responden

Pekerjaan	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Swasta	65	27.1
Tidak Bekerja	55	22.9
Bekerja Sendiri	45	18.8
Pesara	45	18.8
Kerajaan	20	8.3
Pelajar	10	4.2

Sumber: Analisis Soal selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.7 diatas, dari segi jenis pekerjaan responden menunjukkan responden yang tertinggi adalah dari kakitangan swasta seramai 65 orang dengan jumlah peratus sebanyak 27.1%. Diikuti golongan tidak bekerja adalah seramai 55 orang dengan jumlah peratus sebanyak 22.9% yang terdiri daripada golongan suri rumah. Seterusnya, responden yang bekerja sendiri dan golongan pesara dengan jumlah yang diperolehi adalah sama iaitu seramai 45 orang dengan jumlah peratus sebanyak 18.8%. Diikuti pula responden yang merupakan kakitangan kerajaan seramai 20 orang dengan jumlah peratus 8.3%. Seterusnya, jumlah paratus yang terendah adalah sebanyak 4.2% dengan jumlah responden seramai 10 orang adalah merupakan golongan pelajar yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

4.6.1.5 Pendapatan Kasar Bulanan

Pendapatan kasar bulanan merujuk kepada pendapatan yang diperolehi oleh responden sebelum membuat potongan gaji seperti cukai, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan lain-lain bayaran.

Jadual 4.8: Pendapatan Kasar Bulanan Responden

Pendapatan Kasar Bulanan	Kekeraapan (f)	Peratusan (%)
RM2,500 ke bawah	135	56.3
RM2,501-RM5,000	59	24.6
RM10,001 ke atas	21	8.8
RM5,001-RM7,500	17	7.1
RM7,501-RM10,000	8	3.3

Sumber: Analisis Soal selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.8 di atas menunjukkan seramai 135 orang dengan jumlah peratus sebanyak 56.3% adalah yang tertinggi mengikuti ceramah agama yang disampaikan

oleh penceramah dari luar negara merujuk kepada responden yang mempunyai pendapatan kasar sebanyak RM2,500 ke bawah, seterusnya seramai 59 orang dengan jumlah peratus sebanyak 24.6% adalah berpendapatan sebanyak RM2,501 hingga RM5,000, seramai 21 orang dengan peratus sebanyak 8.8% berpendapatan sebanyak RM10,001 ke atas, seramai 17 orang atau peratusan sebanyak 7.1% mempunyai pendapatan sebanyak RM5,001 hingga RM7,500, dan seramai lapan orang responden dengan jumlah peratus sebanyak 3.3% berpendapatan RM7,501 hingga RM10,000. Daripada jumlah anggaran tersebut menunjukkan bahawa majoriti sosio-ekonomi responden yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara adalah berada di tahap sederhana tinggi.

4.6.1.6 Tahap Pendidikan Responden

Tahap pendidikan responden merujuk kepada peringkat pendidikan tertinggi yang dimiliki oleh responden yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 sama ada diperingkat ijazah kedoktoran, ijazah sarjana, sarjana muda, diploma, sijil persekolahan dan lain-lain.

Jadual 4.9: Tahap Pendidikan Responden

Tahap Pendidikan	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Sijil Persekolahan	76	31.7
Sarjana Muda	74	30.8
Diploma	50	20.8
Ijazah Sarjana	26	10.8
Lain-lain	11	4.6
Ijazah Kedoktoran	3	1.3

Sumber: Analisis Soal selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan analisis yang telah dibuat menunjukkan responden yang memiliki sijil persekolahan adalah yang tertinggi mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara iaitu seramai 76 orang dengan jumlah peratus 31.7%. Walaupun begitu, sebahagian besar tahap pendidikan responden yang memiliki sijil pendidikan tinggi seperti diploma, sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran juga mempunyai maklum balas yang positif terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara. Sebagaimana kajian menunjukkan responden yang memiliki sarjana muda seramai 74 orang dengan jumlah peratus 30.8%, diikuti pula responden yang memiliki diploma seramai 50 orang dengan jumlah peratus 20.8%. Seterusnya, yang memiliki ijazah sarjana seramai 26 orang dengan jumlah peratus 10.8% dan ijazah kedoktoran seramai 3 orang dengan jumlah peratus 1.3%. Manakala, lain-lain tahap pendidikan responden adalah seramai 11 orang dengan jumlah peratus 4.6%. Ini menunjukkan ceramah agama penceramah dari luar negara juga memberi pengaruh kepada golongan yang berpendidikan tinggi untuk turut hadir ke masjid untuk mengikuti ceramah yang dianjurkan.

4.6.1.7 Tahap Pendidikan Agama

Pendidikan agama merujuk kepada pendidikan agama yang dimiliki oleh responden sama ada responden mendapat pendidikan agama di IPT/Kolej, di sekolah atau responden mendapat pendidikan agama secara umum.

Jadual 4.10: Tahap Pendidikan Agama Responden

Tahap Pendidikan Agama	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Kolej/IPT	72	30.0
Sekolah	120	50.0
Umum	48	20.0

Sumber: Analisis Soal selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.10 diatas, dari segi pendidikan agama responden, sebahagian besar responden yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara mendapat pendidikan agama di sekolah iaitu seramai 120 orang dengan jumlah peratus 50.0%, diikuti pula seramai 72 orang dengan jumlah peratus 30.0% memperoleh pendidikan agama di kolej/IPT. Manakala, responden yang mendapat pendidikan secara umum pula adalah seramai 48 orang dengan jumlah peratus sebanyak 20.0%.

4.6.1.8 Kemahiran Berbahasa Inggeris

Kemahiran berbahasa Inggeris adalah merujuk kepada responden yang mahir bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

Jadual 4.11: Kemahiran Berbahasa Inggeris

Kemahiran Berbahasa Inggeris	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Mahir	94	52.5
Sederhana Mahir	126	39.2
Tidak Mahir	20	8.3

Sumber: Analisis Soal selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.11 di atas menunjukkan seramai 126 orang dengan jumlah peratus sebanyak 52.5% mendapat peratus yang tertinggi adalah responden yang sederhana mahir dalam bahasa Inggeris, diikuti pula dengan responden yang mahir berbahasa Inggeris seramai 94 orang dengan jumlah peratus sebanyak 39.2%. Manakala yang tidak mahir berbahasa Inggeris seramai 20 orang dengan jumlah peratus sebanyak 8.3%. Dapatan ini menunjukkan kebanyakan responden yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 adalah yang sederhana mahir bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris, diikuti yang mahir dan seterusnya tidak mahir.

4.6.1.9 Kemahiran Berbahasa Arab

Kemahiran berbahasa Arab merujuk kepada responden yang berkemahiran dalam bertutur dan menulis dalam bahasa Arab ketika mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

Jadual 4.12: Kemahiran Berbahasa Arab

Kemahiran Berbahasa Arab	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Tidak Mahir	181	75.4
Sederhana Mahir	54	22.5
Mahir	5	2.1

Sumber: Analisis Soal selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.12 di atas mendapati bahawa responden yang tidak mahir berbahasa Arab adalah yang tertinggi seramai 181 orang dengan jumlah peratus sebanyak 75.4%, diikuti responden yang sederhana mahir seramai 54 orang dengan peratus sebanyak 22.5%. Manakala responden yang mahir hanya seramai lima orang dengan jumlah peratus sebanyak 2.1%. Dapatan ini menunjukkan kebanyakan responden yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara adalah dalam kalangan responden yang tidak mahir bertutur dan menulis dalam Bahasa Arab.

4.6.1.10 Tempat Kediaman

Tempat kediaman merujuk kepada tiga kategori responden, iaitu responden yang terdiri daripada ahli kariah MAF USJ 9, ahli kariah masjid yang berhampiran dan mereka yang bukan ahli kariah masjid tetapi sering mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

Jadual 4.13: Tempat Kediaman Responden

Tempat Kediaman	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Ahli Qariah Masjid	83	34.6
Qariah Masjid Berhampiran	80	33.3
Lain-lain	77	32.1

Sumber: Analisis Soal selidik, Ogos 2017.

Jadual 4.13 di atas menunjukkan seramai 83 orang dengan jumlah peratus sebanyak 34.6% merujuk kepada responden yang merupakan ahli qariah masjid adalah yang paling ramai yang mengikuti ceramah agama, diikuti dengan responden yang merupakan ahli qariah masjid berhampiran seramai 80 orang dengan jumlah peratus sebanyak 33.3%. Manakala responden yang menetap lain-lain kawasan adalah seramai 77 orang dengan jumlah peratus sebanyak 32.1%. Namun begitu, apabila data yang diperolehi dianalisis menunjukkan sebahagian besar responden yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara yang dianjurkan oleh MAF USJ 9 telah mendapat sambutan baik bukan sahaja dalam kalangan ahli qariah masjid tetapi juga mendapat sambutan baik dari kalangan responden yang berada diluar kawasan qariah MAF USJ 9.

Hasil Analisis Maklumat Demografi Responden

Hasil analisis demografi menunjukkan ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 menerima sambutan baik dalam kalangan pendengar perempuan dan lelaki. Hasil kajian mendapati hanya 10.8% sahaja yang menunjukkan perbezaan antara responden perempuan dan responden lelaki dalam menjawab soal selidik. Berdasarkan kepada kategori umur responden yang menghadiri ceramah agama yang

disampaikan oleh penceramah dari luar negara dilihat kepada tiga golongan, iaitu golongan dewasa, belia dan remaja.

Dapatan yang diperolehi menunjukkan, penyertaan responden dalam ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 lebih didominasi oleh golongan dewasa dan belia berbanding dengan golongan remaja. Ini menunjukkan bahawa ramai dalam kalangan responden yang mengikuti ceramah agama adalah yang sudah berkahwin berbanding mereka yang masih bujang. Kajian juga memperlihatkan sambutan golongan dewasa dan belia di MAF USJ 9 lebih tinggi terhadap anjuran aktiviti ceramah agama yang melibatkan penceramah dari luar negara berbanding golongan remaja. Ini berkemungkinan tajuk yang cuba dibincangkan oleh penceramah masih kurang menarik minat golongan remaja untuk turut serta menyertai ceramah agama yang disampaikan oleh golongan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

Dari aspek pekerjaan, kajian mendapati bahawa responden yang bekerja di sektor swasta lebih ramai mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara berbanding responden yang bekerja di sektor kerajaan. Selain itu, responden yang menyertai ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 menunjukkan golongan yang tidak bekerja juga merupakan golongan yang tinggi mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara. Ini kerana, ramai yang menyertai ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 adalah dalam kalangan wanita yang merupakan suri rumah dan lebih berkesempatan mengikuti ceramah agama berbanding dari golongan yang bekerja.

Tahap ekonomi responden juga diambil kira bagi mendapatkan gambaran sosio ekonomi masyarakat yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara berada sama ada di peringkat tinggi, sederhana atau rendah. Kajian

menunjukkan kebanyakan responden yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar di MAF USJ 9 adalah berpendapatan sederhana tinggi. Namun begitu, berdasarkan kepada penempatan USJ yang merupakan antara kawasan terdapat ramai golongan professional, aktiviti ceramah agama yang melibatkan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 turut mensasarkan golongan professional ini untuk turut mengikuti ceramah agama yang dianjurkan oleh pihak masjid.


Dari aspek tahap pendidikan responden, secara keseluruhan menunjukkan responden yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 adalah yang berpendidikan tinggi dan sederhana tinggi. Manakala tahap pendidikan agama responden pula, sebahagian besar responden memiliki pengetahuan agama yang sederhana tinggi berbanding mereka yang mendapat pendidikan di kolej atau IPT. Hasil kajian terhadap kemahiran berbahasa Inggeris responden, kebanyakan responden yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 mempunyai tahap kemahiran bahasa Inggeris yang sederhana. Manakala bagi kemahiran bahasa Arab pula menunjukkan responden yang tidak mahir dalam berbahasa Arab adalah lebih tinggi berbanding mereka yang mahir atau sederhana mahir. Ini menunjukkan penceramah yang menyampaikan ceramah dalam bahasa Inggeri atau Arab memerlukan penterjemah bagi memastikan ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dapat difahami dengan jelas oleh masyarakat pendengar.

4.6.2 Penyertaan Responden dalam Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9 (Bahagian B)

4.6.2.1 Minat Responden Terhadap Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Minat responden terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 adalah merujuk kepada responden gemar mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

Carta Pai 4.1: Berminat Mengikuti Ceramah Agama oleh Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9




Sumber: Analisis Soal Selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan carta pai 4.1 di atas menunjukkan jumlah peratus responden yang berminat mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 adalah sebanyak 92.9%. Manakala, yang tidak berminat mengikuti ceramah ini adalah sebanyak 7.1%. Dapatan menunjukkan bahawa jumlah peratusan yang tertinggi adalah merujuk kepada minat responden mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

4.6.2.2 Keperapan Mengikuti Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Keperapan responden merujuk kepada bilangan responden yang sering mengikuti ceramah agama yang dianjurkan oleh MAF USJ 9 yang melibatkan penceramah dari luar negara.

Carta Lajur 4.1: Keperapan Mengikuti Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9



Sumber: Analisis Soal Selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan carta lajur 4.1 di atas menunjukkan kekerapan 1 hingga 3 kali mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 adalah yang tertinggi dengan jumlah responden seramai 127 orang dan jumlah peratusan sebanyak 52.9%, diikuti pula dengan jumlah kekerapan sebanyak 4 hingga 6 kali seramai 52 orang dan jumlah peratus sebanyak 21.7%, 10 kali ke atas adalah seramai 44 orang dengan jumlah peratus sebanyak 18.3% dan 7 hingga 9 kali seramai 17 orang dan jumlah peratusan sebanyak 7.1%.

4.6.2.3 Maklumat Mengenai Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Jadual 4.14: Maklumat Berkenaan Penceramah dari Luar Negara di MAF

Maklumat	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Pengumuman AJK Masjid	154	64.2
Iklan/Kain Rentang (<i>Banner</i>)	84	35.0
Media Sosial	82	34.2
Individu Tertentu	33	13.8
Lain-lain maklumat	20	8.3

Sumber: Analisis Soal Selidik, Ogos 2017.

Maklumat mengenai ceramah agama merujuk kepada maklumat yang diperolehi responden berkenaan ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9. Berdasarkan jadual 4.14 di atas menunjukkan bilangan tertinggi responden seramai 154 orang (64.2%) menerima maklumat mengenai ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara melalui pihak pengurusan AJK MAF USJ 9, diikuti pula seramai 84 orang (35.0%) mendapat maklumat dari iklan atau kain rentang (*banner*), seramai 82 orang (34.2%) mendapat maklumat dari media sosial, seramai 33 orang (13.8%) mendapat maklumat dari individu tertentu dan seramai 20 orang (8.3%) mendapat maklumat dari lain-lain maklumat.

4.6.2.4 Penceramah dari Luar Negara yang Dikenali di MAF USJ 9

Jadual 4.15: Penceramah dari Luar Negara yang dikenali di MAF

Penceramah Yang Dikenali	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Habib Ali Zainal Abidin al-Hamid	175	72.9
Habib Omar al-Hafidz	116	48.3
Habib Kadzim Jaafar as-Saggaf	94	39.2
Syeikh Ahmad Fahmi Zamzam	94	39.2

Syeikh Mohamed Abdul Aziz Mahmoud Ghanim	71	29.6
Yahya Zainul Maarif (Buya Yahya)	56	23.3
Lain-lain Penceramah	53	22.1

Sumber: Analisis Soal Selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.15 di atas mengatakan seramai 175 orang dengan jumlah peratus sebanyak 72.9% mengatakan Habib Ali Zainal Abidin al-Hamid merupakan penceramah dari luar negara yang lebih dikenali di MAF USJ 9, diikuti seramai 116 orang dengan jumlah peratus sebanyak 48.3% lebih mengenali Habib Omar al-Hafidz, seramai 94 orang dengan jumlah peratus sebanyak 39.2% merupakan jumlah responden yang sama mengenali Habib Kadzim Jaafar as-Saggaf dan Syeikh Ahmad Fahmi Zamzam, seramai 71 orang dengan jumlah peratus sebanyak 29.6% mengenali Syeikh Mohamed Abdul Aziz Mahmoud Ghanim, seramai 56 orang dengan jumlah peratus sebanyak 23.3% mengenali Yahya Zainul Maarif atau lebih dikenali sebagai Buya Yahya. Manakala seramai 53 orang dengan jumlah peratus sebanyak 22.1% merujuk kepada lain-lain penceramah dari luar negara yang dikenali di MAF USJ 9.

4.6.2.5 Sebab-sebab Mengikuti Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Jadual 4.16: Sebab-sebab mengikuti ceramah agama penceramah dari luar negara

Sebab-sebab Mengikuti	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Kupasan isi ceramah agama yang menarik.	165	68.8
Tertarik dengan gaya penyampaian.	106	44.2
Ingin mengenali penceramah dengan lebih dekat.	59	24.6
Populariti penceramah.	49	20.4
Ajakan kawan/kenalan.	23	9.6
Lain-lain sebab.	21	8.8
Pengaruh media.	16	6.7

Sumber: Analisis Soal Selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.16 di atas mendapati sebab-sebab responden mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara adalah kerana kupasan isi ceramah agama yang menarik seramai 165 orang dengan jumlah peratus sebanyak 68.8%, diikuti seramai 106 orang dengan peratus sebanyak 44.2% mengikuti ceramah agama kerana tertarik dengan gaya penyampaian penceramah. Seterusnya, seramai 59 orang dengan jumlah peratus sebanyak 24.6% mengikuti ceramah agama kerana ingin mengenali penceramah dengan lebih dekat, seramai 49 orang dengan jumlah peratus sebanyak 20.4% mengikuti ceramah agama oleh penceramah dari luar negara kerana populariti penceramah, seramai 23 orang dengan jumlah peratus sebanyak 9.6% disebabkan kerana ajakan kawan atau kenalan, seramai 21 orang dengan jumlah peratus sebanyak 8.8% mengikuti ceramah agama ini atas sebab-sebab lain dan seramai 16 orang atau jumlah peratus sebanyak 6.7% mengikutinya kerana pengaruh media massa.

4.6.2.6 Masalah-masalah yang Terdapat Semasa Ceramah Agama Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara

Jadual 4.17: Masalah Ketika Ceramah Agama Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara

Masalah Ketika Ceramah Agama	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Tiada masalah.	163	67.9
Pihak masjid tidak menyediakan penterjemah.	33	13.8
Pihak masjid tidak menerangkan secara jelas latar belakang penceramah.	32	13.3
Isi ceramah agama menimbulkan kekeliruan dalam memahami fiqh Islam.	10	4.2
Penceramah dilihat ekstrim ketika menyampaikan ceramah agama.	10	4.2
Isi ceramah menimbulkan kekeliruan dalam memahami akidah Islam.	9	3.8
Penceramah menimbulkan isu sensitiviti tentang masyarakat di Malaysia.	2	0.8

Sumber: Analisis Soal Selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.17 di atas menunjukkan responden yang mengatakan tiada masalah yang dihadapi ketika ceramah agama disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 adalah yang tertinggi merujuk seramai 163 orang dengan jumlah peratus sebanyak 67.9%. Manakala, seramai 33 orang dengan jumlah peratus sebanyak 13.8% adalah responden yang mengatakan pihak masjid tidak menyediakan penterjemah, diikuti pula seramai 32 orang dengan jumlah peratus sebanyak 13.3% mengatakan pihak masjid tidak menerangkan secara jelas latar belakang penceramah.

Selain itu, terdapat item yang mempunyai jumlah responden dan peratus yang sama, iaitu merujuk kepada seramai 10 orang dengan jumlah peratus sebanyak 4.2% mengatakan isi ceramah agama menimbulkan kekeliruan dalam memahami fiqh Islam dan penceramah dilihat ekstrim ketika menyampaikan ceramah agama, diikuti seramai sembilan orang dengan jumlah peratus sebanyak 3.8% mengatakan isi ceramah menimbulkan kekeliruan dalam memahami akidah Islam, manakala item yang paling sedikit menunjuk kepada penceramah menimbulkan isu sensitiviti tentang masyarakat di Malaysia dengan jumlah responden seramai dua orang dan jumlah peratus sebanyak 0.8%.

Hasil Analisis Penyertaan Responden dalam Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara adalah kerana minat. Berdasarkan kepada kekerapan responden menunjukkan kehadiran responden di MAF USJ 9 adalah bergantung kepada keluangan masa responden dalam mengikuti ceramah agama, tempat kerja responden yang berhampiran dengan MAF USJ 9 dan faktor penceramah yang disukai. Selain itu, pihak pengurusan masjid yang aktif dan professional juga menjadi faktor kepelbagai ceramah agama dapat diadakan di MAF USJ 9 serta di samping kerjasama dari pelbagai pihak untuk

menjayakan aktiviti ceramah agama yang melibatkan penceramah dari luar negara telah menarik ramai masyarakat ke MAF USJ 9.

Antara sebab-sebab responden menyertai ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara adalah kerana kupasan isi ceramah yang menarik. Menurut Abdul Aziz Mohd Zin, isi pembicaraan adalah satu perkara penting untuk menentukan satu pendekatan dakwah yang baik. Apabila isi pembicaraan ceramah yang disampaikan sesuai dan tepat kepada sasaran, ia akan menjadi ceramah tersebut diterima oleh sasarannya.¹² Sebab seterusnya adalah kerana tertarik dengan gaya penyampaian penceramah. Menurut teori Gestalt¹³, seseorang itu dipersepsikan sebagai suatu keseluruhan. Jika keperibadian seorang penceramah sudah dipandang tinggi oleh masyarakat, maka pesanan ceramah tersebut dianggap sebagai sebahagian daripada struktur keperibadiannya.

Seseorang penceramah akan dipandang positif apabila terdapat beberapa kriteria. Antaranya ialah, memiliki pengetahuan yang jelas tentang al-Quran dan al-Sunnah, memiliki konsistensi antara ilmu dan amal, santun dan berlapang dada, bersifat pemberani, berkemampuan berkomunikasi, tidak kikir ilmu dan personaliti baik.¹⁴ Terdapat juga sebab-sebab lain yang menjadi faktor responden mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

¹² Ab. Aziz Mohd. Zin, "Dakwah al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Suatu Kajian Khusus Terhadap Dakwah di Kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan", (Tesis Kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1993), 66-67.

¹³ Kata Gestalt berasal dari Bahasa Jerman yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris menjadi *form* atau *configuration* (bentuk). Menurut teori Gestalt yang diperkenalkan pertama kali oleh Max Wertheimer (1912), bahawa dalam pengamatan atau persepsi suatu stimulasi ditangkap secara keseluruhan bukan penjumlahan rangsangann-rangsangan kecil. Lihat Abdullah Hassan & Ainon Mohd, *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh*, 164.

¹⁴ Abdullah Hassan & Ainon Mohd, *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh*, Batu Caves, Selangor: PTS Publicatios, 2006, 164.

Berdasarkan kepada responden yang mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara, walaupun kebanyakan responden banyak mengatakan tiada masalah yang timbul ketika ceramah disampaikan, namun begitu pihak masjid perlu peka untuk menyediakan penterjemah yang mahir bagi memastikan setiap isi ceramah agama yang disampaikan menyamai sebagaimana yang disampaikan oleh penceramah. Ini kerana, ada dalam kalangan pendengar tidak menguasai bahasa penceramah tersebut dan memerlukan penterjemah untuk menterjemah ceramah agama yang disampaikan. Disamping itu, penerangan latar belakang penceramah oleh pihak masjid juga penting bagi memastikan kelayakan penceramah dalam menyampaikan ceramah agama dapat diketahui oleh masyarakat pendengar.

4.6.3 Penerimaan Pendengar Mengenai Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9 (Bahagian C)

Bagi aspek penerimaan pendengar terhadap ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9, beberapa keadaan telah diambil kira dalam mengukur penerimaan pendengar. Di antaranya ialah penerimaan pendengar terhadap peranan dan sumbangan masjid khususnya di MAF USJ 9, penerimaan terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9, penerimaan terhadap gaya tarikan penceramah luar negara di MAF USJ 9, penerimaan terhadap isi ceramah agama penceramah dari luar negara di MAF USJ 9, penerimaan terhadap kefahaman isi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 dan akhir sekali penerimaan terhadap pengaruh isi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara kepada pendengar di MAF USJ 9.

4.6.3.1 Penerimaan Terhadap Peranan dan Sumbangan MAF USJ 9

Peranan masjid sebagai sebuah institusi keagamaan dilihat mampu memberi kesan baik kepada masyarakat dalam mendekatkan masyarakat kepada cara hidup Islam. Sumbangan masjid dalam meningkatkan ilmu pengetahuan Islam dalam diri masyarakat sangat penting terutamanya dalam menjadikan agama Islam sebagai pegangan dalam mentadbir kehidupan seharian. Bagi menilai peranan dan sumbangan masjid kepada masyarakat, aspek penerimaan masyarakat pendengar telah diambil kira. Jadual 4.18 di bawah menunjukkan penerimaan pendengar terhadap peranan dan sumbangan masjid terutama di MAF USJ 9.

Jadual 4.18: Peranan dan Sumbangan MAF USJ 9

Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Jum. (%)	Min
Masjid merupakan pusat ilmu masyarakat Islam.	2 .8%	0 0.0%	2 .8%	58 24.2%	178 74.2%	240 100.0%	4.71
Masjid sesuai sebagai lokasi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara.	3 1.3%	4 1.7%	16 6.7%	98 40.8%	119 49.6%	240 100.0%	4.36
Kehadiran penceramah dari luar negara merancakkan peranan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu.	4 1.7%	6 2.5%	16 6.7%	87 36.3%	127 52.9%	240 100.0%	4.36
Kehadiran penceramah dari luar negara di masjid memperkenalkan masyarakat kepada para ulama'.	2 .8%	6 2.5%	18 7.5%	95 39.6%	119 49.6%	240 100.0%	4.35
Kehadiran penceramah dari luar negara di masjid mendekatkan masyarakat kepada para ulama'.	4 1.7%	5 2.1%	27 11.3%	91 37.9%	113 47.1%	240 100.0%	4.27

Kepelbagaian ceramah agama di masjid dengan kehadiran penceramah luar negara dapat memperkembangkan budaya Islam.	2	3	19	106	110	240	4.33
	.8%	1.3%	7.9%	44.2%	45.8%	100.0%	
Kehadiran penceramah dari luar negara memperkenalkan masyarakat tempatan dengan budaya masyarakat Islam di luar negara.	4	3	41	89	103	240	4.18
	1.7%	1.3%	17.1%	37.1%	42.9%	100.0%	
Ceramah agama yang disampaikan penceramah dari luar negara perlu diteruskan di masjid.	2	5	21	102	109	240	4.32
	.8%	2.1%	8.8%	42.5%	45.4%	100.0%	

Sumber: Analisis Soal Selidik, Ogos 2017.

Nilai min bermaksud purata keseluruhan yang diperolehi bagi setiap item pada soal selidik, manakala jumlah bagi peratus adalah merujuk kepada peratus setuju dan sangat setuju. Jadual ini menunjukkan bahawa peranan dan sumbangan MAF USJ 9 dalam aktiviti ceramah agama membawa penerimaan baik dalam kalangan masyarakat. Ini jelas dilihat setiap item mencapai 100% nilai min melebihi 4.0. Manakala, peratus sangat tidak setuju dan tidak setuju adalah kurang dari 10%.

Berdasarkan jadual 4.18 di atas menunjukkan nilai min yang tertinggi adalah 4.71%, iaitu masjid merupakan pusat ilmu masyarakat Islam dengan jumlah peratus sebanyak 98.4%, manakala peratus tidak pasti sebanyak 0.8%. Ceramah agama yang disampaikan penceramah dari luar negara perlu diteruskan di masjid dengan nilai min sebanyak 4.32% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 87.9%, manakala peratus tidak pasti sebanyak 8.8%. Dapatan ini menunjukkan bahawa peranan dan sumbangan masjid diutamakan sebagai sebuah institusi yang menjadi tumpuan bagi masyarakat awam dalam memahami agama

Islam. Ini jelas menurut kajian Fakhru Adabi Abdul Kadir bahawa program ceramah agama di masjid merupakan salah satu aktiviti utama di masjid.¹⁵

Seterusnya, terdapat nilai min yang sama sebanyak 4.36% dan peratus tidak pasti sebanyak 6.7%, namun berbeza dari sudut nilai peratus setuju dan sangat setuju. Ia merujuk kepada masjid sesuai sebagai lokasi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara dengan nilai peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 90.4% dan kehadiran penceramah dari luar negara merancakkan peranan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu dengan nilai peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 89.2%. Nilai ini menjelaskan bahawa aktiviti di masjid dengan melibatkan penceramah dari luar negara menjadi faktor masyarakat tertarik mengikuti pengajian di masjid. Selain sebagai warisan Islam, ia menjadi wasilah menyampaikan ilmu kepada masyarakat dalam memahami ajaran Islam dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, nilai min yang menunjukkan kepada kehadiran penceramah dari luar negara di masjid memperkenalkan masyarakat kepada para ulama' dengan nilai min sebanyak 4.35% dan nilai tidak pasti adalah 7.5%, manakala nilai peratus setuju dan sangat setuju merujuk kepada 89.2%. Namun begitu, kehadiran penceramah dari luar negara di masjid mendekatkan masyarakat kepada para ulama kurang sedikit nilai peratus yang diperolehi yang merujuk kepada nilai peratus min sebanyak 4.27% dan nilai setuju dan sangat setuju sebanyak 85%. Walaubagaimanapun, kedua-dua nilai ini telah menggambarkan bahawa kehadiran penceramah dari luar negara mampu mewujudkan jaringan komunikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat dan para ulama di masjid. Dan ia perlu diteruskan bagi memastikan kelangsungan perkembangan ilmu dalam masyarakat sentiasa di pelbagaikan.

¹⁵ Fakhru Adabi Abdul Kadir, "Keberkesanan Kelas Agama di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor," *Jurnal Usuluddin* 25 (2007): 73-88.

Seterusnya, kepelbagaian ceramah agama di masjid dengan kehadiran penceramah luar negara dapat memperkembangkan budaya Islam memperoleh nilai min sebanyak 4.33% dengan peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 90%, manakala nilai tidak pasti sebanyak 7.9%. Ini menunjukkan budaya Islam berkembang melalui peranan yang dimainkan oleh institusi masjid. Budaya ini mencerminkan bahawa Islam menitik beratkan perkembangan ilmu dalam kalangan masyarakat Islam terutamanya apabila bermula melalui institusi masjid.

Nilai min yang terendah pula adalah sebanyak 4.18%, iaitu kehadiran penceramah dari luar negara memperkenalkan masyarakat tempatan dengan budaya masyarakat Islam di luar negara dengan jumlah peratus adalah sebanyak 80%, manakala peratusan tidak pasti sebanyak 17.1%. Dapatan ini menunjukkan bahawa, walaupun kehadiran penceramah dari luar negara adalah untuk menyampaikan ilmu, namun sedikit sebanyak menonjolkan budaya masyarakat Islam luar dalam masyarakat Islam tempatan.

4.6.3.2 Penerimaan Terhadap Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Jadual 4.19: Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Jum. (%)	Min (%)
Penceramah mempunyai latar belakang pendidikan agama yang tinggi.	3 1.3%	1 .4%	32 13.3%	106 44.2%	98 40.8%	240 100.0%	4.23
Penceramah berpengetahuan, berkeyakinan diri dan bersemangat dalam menyampaikan ceramah agama.	0 0.0%	2 .8%	13 5.4%	121 50.4%	104 43.3%	240 100.0%	4.36
Penceramah mempunyai kepakaran dalam bidang agama yang disampaikan.	2 .8%	0 0.0%	25 10.4%	104 43.3%	109 45.4%	240 100.0%	4.33
Ilmu yang disampaikan jelas dalam memahami agama Islam dengan lebih baik.	2 .8%	2 .8%	17 7.1%	120 50.0%	99 41.3%	240 100.0%	4.30

Penceramah seorang yang fasih dalam menyampaikan ceramah agama.	1	3	17	125	94	240	4.28
	.4%	1.3%	7.1%	52.1%	39.2%	100.0%	
Kehadiran penceramah dari luar negara mempelbagaikan perbincangan ilmu kepada masyarakat Islam setempat.	2	2	28	118	90	240	4.22
	.8%	.8%	11.7%	49.2%	37.5%	100.0	
Kehadiran penceramah dari luar negara menarik minat masyarakat ke MAF USJ 9.	2	5	35	104	94	240	4.18
	.8%	2.1%	14.6%	43.3%	39.2%	100.0%	

Sumber: Analisis Soal Selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.19 menjelaskan bilangan kekerapan dan peratus penerimaan terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9. Jadual ini menunjukkan setiap item mencapai 100% nilai min melebihi 4.0% dan seterusnya menunjukkan peratusan bagi setiap peratus sangat tidak setuju dan tidak setuju adalah kurang dari 10%. Hasil analisis memberi kesimpulan bahawa penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 yang dijemput adalah merupakan seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan agama Islam yang tinggi dan mahir dalam ilmu yang disampaikan.

Ini dapat dilihat berdasarkan nilai min tertinggi menunjukkan kepada penceramah berpengetahuan, berkeyakinan diri dan bersemangat dalam menyampaikan ceramah agama dengan nilai min sebanyak 4.36% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 93.7%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 5.4%. Manakala, nilai min yang terendah pula merujuk kepada kehadiran penceramah dari luar negara menarik minat masyarakat ke MAF USJ 9 dengan nilai min sebanyak 4.18% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 82.5%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 14.6%.

Seterusnya, penceramah mempunyai kepakaran dalam bidang agama yang disampaikan dengan nilai min sebanyak 4.33% dan jumlah peratus sebanyak 88.7%,

manakala bagi jumlah peratus tidak pasti sebanyak 10.4%. Dari aspek ilmu yang disampaikan jelas dalam memahami agama Islam dengan lebih baik mendapat nilai min sebanyak 4.30% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 91.3%, manakala bagi peratus tidak pasti sebanyak 7.1%.

Penceramah seorang yang fasih dalam menyampaikan ceramah agama memperoleh nilai min sebanyak 4.28% dan jumlah peratus sebanyak 91.3%, manakala peratus tidak pasti sebanyak 7.1%. Penceramah mempunyai latar belakang pendidikan agama yang tinggi memperoleh nilai min sebanyak 4.23 dan jumlah peratus sebanyak 85%, manakala peratus tidak pasti sebanyak 13.3%. seterusnya, kehadiran penceramah dari luar negara mempelbagaikan perbincangan ilmu kepada masyarakat Islam setempat dengan nilai min sebanyak 4.22 dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 86.7%, manakala peratusan tidak pasti sebanyak 11.7%.

Dapatan menunjukkan latar belakang pendidikan tinggi seseorang penceramah berperanan penting dalam mempengaruhi masyarakat professional di bandar untuk mengikuti ceramah agama. Ini jelas menurut Yusuf Qaradawi, penceramah yang cemerlang adalah dari kalangan mereka yang mempunyai pengetahuan yang jelas berkaitan dengan pengetahuan Islam secara keseluruhan, pengetahuan berhubung sejarah dan ketamadunan manusia, pengetahuan berhubung dengan kesusasteraan dan bahasa, pengetahuan berhubung dengan kemanusiaan, pengetahuan yang berhubung dengan sains dan teknologi dan pengetahuan semasa dalam semua perkara, khususnya mengenai umat Islam menjadi pendekatan penting menarik masyarakat memahami agama Islam.¹⁶

¹⁶ Yusuf Qaradawi, *Thaqafah al-Da'yah* (Bayrut: Mu'assasat al-Risalah, 1978), 8.

4.6.3.3 Penerimaan Terhadap Daya Tarikan Penceramah dari Luar Negara di MAF

USJ 9

Jadual 4.20: Daya Tarikan Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Jum. (%)	Min (%)
Penceramah menggunakan nada suara yang lembut dan rendah.	1 .4%	21 8.8%	37 15.4%	128 53.3%	53 22.1%	240 (100.0)	3.88%
Penceramah menerangkan isi ceramah agama dengan nyata dan jelas.	0 0.0%	3 1.3%	23 9.6%	131 54.6%	83 34.6%	240 (100.0)	4.32%
Penceramah mempunyai pengetahuan luas mengenai ilmu Islam.	0 0.0%	2 .8%	19 7.9%	118 49.2%	101 42.1%	240 (100.0)	4.33%
Penceramah tegas dalam menyampaikan isi ceramah agama.	0 0.0%	6 2.5%	26 10.8%	121 50.4%	87 36.3%	240 (100.0)	4.20%
Pesanan ceramah agama yang disampaikan menarik dan mudah difahami.	0 0.0%	7 2.9%	31 12.9%	119 49.6%	83 34.6%	240 (100.0)	4.16%
Penceramah mempunyai penampilan yang bersemangat dalam menyampaikan ceramah agama.	0 0.0%	1 .4%	18 7.5%	137 57.1%	84 35.0%	240 (100.0)	4.27%
Penceramah dikenali oleh masyarakat di Malaysia.	0 0.0%	8 3.3%	56 23.3%	111 46.3%	65 27.1%	240 (100.0)	3.97%
Kehadiran penceramah dapat menggambarkan budaya negara mereka.	1 .4%	13 5.4%	50 20.8%	107 44.6%	69 28.8%	240 (100.0)	3.97%

Sumber: Analisis Soal Selidik, Ogos 2017.

Jadual 4.20 menjelaskan bilangan kekerapan dan peratus penerimaan pendengar terhadap daya tarikan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9. Terdapat 5 item yang

mempunyai nilai min melebihi 4.0% dan 3 item adalah kurang dari 4.0%. Berdasarkan nilai min tertinggi menunjukkan, mereka tertarik adalah kerana mempunyai pengetahuan luas dalam ilmu Islam, ini dilihat melalui nilai min yang diperolehi sebanyak 4.33% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 91.3%, manakala jumlah peratus tidak pasti adalah sebanyak 7.1%.

Seterusnya, penceramah menerangkan isi ceramah agama dengan nyata dan jelas dengan jumlah min sebanyak 4.32% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 89.2%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 9.6%. Dapatan menunjukkan penceramah berpengetahuan menjadi faktor utama masyarakat tertarik mengikuti ceramah yang disampaikan. Menurut Rahmat Ismail salah satu keberkesanan penyampaian adalah melalui pengetahuan yang baik terhadap topik yang dibincangkan.¹⁷

Penceramah mempunyai penampilan yang bersemangat dalam menyampaikan ceramah agama dengan jumlah min sebanyak 4.27% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 92.1%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 7.5%. Penceramah tegas dalam menyampaikan isi ceramah agama mendapat jumlah min sebanyak 4.20% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 86.7%, manakala jumlah tidak pasti sebanyak 10.8%. Nilai min yang diperolehi ini menunjukkan bersemangat dan tegas dalam menyampaikan ceramah agama menjadi salah satu faktor penerimaan terhadap ceramah agama yang disampaikan. Menurut Abudin Nata, ceramah agama akan berhasil apabila disampaikan secara bersemangat.¹⁸ Seterusnya, pesanan ceramah agama yang disampaikan menarik dan mudah difahami dengan jumlah min sebanyak 4.16% dan jumlah peratus setuju

¹⁷ Rahmat Ismail, *Pidato Berpidato: Seni dan Teknik* 19.

¹⁸ Abuddin Nata, *Perspektif Islam Tentang Strategi Pembelajaran* (Jakarta: Kencana Prenada Media Group, 2011), 181-182.

dan sangat setuju sebanyak 84.2%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 12.9% menjadi factor penting ketertarikan masyarakat kepada golongan penceramah di MAF USJ 9.

Selain itu, terdapat jumlah min yang sama sebanyak 3.97% dan jumlah peratus yang sama sebanyak 73.4%, namun item tersebut mempunyai perbezaan pada jumlah peratus tidak pasti, iaitu item penceramah dikenali oleh masyarakat di Malaysia mempunyai jumlah peratus tidak pasti sebanyak 23.3% dan kehadiran penceramah dapat menggambarkan budaya negara mereka mendapat jumlah peratus tidak pasti sebanyak 20.8%. Seterusnya, bagi min yang paling rendah merujuk kepada item penceramah menggunakan nada suara yang lembut dan rendah dengan jumlah peratus min sebanyak 3.88% dan jumlah peratus sebanyak 75.4%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 15.4%.

Analisis yang diperolehi menunjukkan, tidak semua item mempunyai nilai min melebihi 4.0%, terdapat juga item yang mempunyai nilai min kurang dari 4.0. Namun begitu, bagi jumlah peratus sangat tidak setuju dan tidak setuju menunjukkan bahawa jumlah peratus yang diperolehi adalah kurang dari 10%. Dapatan ini menunjukkan penceramah yang dijumpai MAF USJ 9 adalah mempunyai daya tarikan yang tinggi dalam menarik masyarakat mengikuti ceramah agama yang disampaikan oleh mereka. Ini kerana aspek daya tarikan pada seseorang penceramah yang hadir berperanan penting dalam menjadi tarikan masyarakat hadir ke MAF USJ 9.

4.6.3.4 Penerimaan Terhadap Isi Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Jadual 4.21: Isi Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara MAF USJ 9

Item	STS	TS	TP	S	SS	Jum.	Min
	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)	(%)
Saya meminati tajuk ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah.	0	7	19	148	66	240	4.14%
	0.0%	2.9%	7.9%	61.7%	27.5%	100.0%	
Isi ceramah agama menarik minat saya untuk terus mendengar.	0	6	20	143	71	240	4.16%
	0.0%	2.5%	8.3%	59.6%	29.6%	100.0%	
Isi ceramah agama yang disampaikan tidak menyinggung mana-mana pihak.	0	2	33	127	78	240	4.17%
	0.0%	.8%	13.8%	52.9%	32.5%	100.0%	
Isi ceramah agama yang disampaikan memantapkan akidah dan syariah Islam saya.	0	1	19	140	80	240	4.25%
	0.0%	.4%	7.9%	58.3%	33.3%	100.0%	
Isi ceramah agama menerangkan perkara yang dituntut dalam Islam seperti solat, zakat, haji dan menutup aurat.	0	2	21	125	92	240	4.28%
	0.0%	.8%	8.8%	52.1%	38.3%	100.0%	
Isi ceramah agama memberi kesan terhadap pembentukan akhlak seorang Muslim dalam diri saya.	0	1	18	135	86	240	4.28%
	0.0%	.4%	7.5%	56.3%	35.8%	100.0%	
Penceramah banyak mengambil iktibar daripada peristiwa yang terdapat dalam sejarah Islam.	0	1	31	120	88	240	4.23%
	0.0%	.4%	12.9%	50.0%	36.7%	100.0%	
Penceramah menggunakan kisah-kisah tauladan dari sejarah Islam dalam menyampaikan ceramah agama.	0	1	24	119	96	240	4.29%
	0.0%	.4%	10.0%	49.6%	40.0%	100.0	

Sumber: Analisis Soal Selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.21 menjelaskan bilangan kekerapan dan peratus penerimaan pendengar terhadap isi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9. Dapatan menunjukkan jumlah sangat tidak setuju dan tidak setuju adalah didapati kurang dari 10%. Jumlah min tertinggi menunjukkan penceramah menggunakan kisah-kisah tauladan dari sejarah Islam ketika menyampaikan ceramah agama dengan nilai tertinggi sebanyak 4.29% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 89.6%, manakala peratusan tidak pasti sebanyak 10.0%.

Seterusnya, terdapat item yang mempunyai nilai min yang sama, iaitu sebanyak 4.28%, namun berbeza dari sudut jumlah peratus setuju dan sangat setuju dan jumlah peratusan tidak pasti, iaitu merujuk kepada isi ceramah agama memberi kesan terhadap pembentukan akhlak seorang Muslim dalam diri responden dengan jumlah peratus sebanyak 92.1%, manakala jumlah peratus tidak pasti adalah sebanyak 7.5% dan isi ceramah agama menerangkan perkara yang dituntut dalam Islam seperti solat, zakat, haji dan menutup aurat dengan jumlah peratus sebanyak 90.4%, manakala tidak pasti sebanyak 8.8%.

Seterusnya, isi ceramah agama yang disampaikan memantapkan akidah dan syariah Islam responden mendapat nilai min sebanyak 4.25% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 91.6%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 7.9%. Jumlah min sebanyak 4.23% menyatakan penceramah banyak mengambil iktibar daripada peristiwa yang terdapat dalam sejarah Islam dengan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 86.7%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 12.9%. Dari hasil dapatan menunjukkan seseorang penceramah itu harus mendalami ilmu agama, ini kerana proses menyampaikan dakwah adalah bermula dari memberi kefahaman agama yang jelas kepada masyarakat. Menurut Ibn Taymiyyah, dakwah adalah menyampaikan pesanan Islam berupa mengimani Allah, mengimani ajaran yang dibawa oleh Rasulullah, menegakkan pengakuan

dua kalimah syahadah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa, menunaikan haji, mengimani rukun Iman, menyeru agar hamba Allah beribadah kepadaNYA seolah-olah melihatNYA (ihsan).¹⁹

Seterusnya, jumlah peratus min sebanyak 4.17% menunjukkan isi ceramah agama yang disampaikan tidak menyinggung mana-mana pihak dengan jumlah pertus sebanyak 85.4%, manakala jumlah tidak pasti sebanyak 13.8%. Jumlah min sebanyak 4.16 menunjukkan isi ceramah agama menarik minat responden untuk terus mendengar ceramah tersebut dengan jumlah peratus sebanyak 89.2%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 8.3%. dan jumlah min sebanyak 4.14 adalah merujuk kepada responden yang meminati tajuk ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dengan jumlah peratus sebanyak 89.2%, manakala jumlah tidak pasti sebanyak 7.9%. Secara keseluruhan data ini menerangkan bahawa responden berpuas hati dengan isi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

Analisis menunjukkan bahawa isi ceramah agama penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 adalah sesuai dengan peringkat sasaran. Menurut Abdul Aziz Mohd Zin, isi pembicaraan adalah satu perkara penting untuk menentukan satu pendekatan dakwah yang baik. Apabila isi pembicaraan ceramah yang disampaikan sesuai dan tepat kepada sasaran, ia akan menjadi ceramah tersebut diterima oleh sasarannya.²⁰

4.6.3.5 Penerimaan Terhadap Kefahaman Ceramah Agama yang Disampaikan oleh Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

¹⁹ Asep Muhiddin, *Dakwah dalam Perspektif al-Quran* (Bandung: Pustaka Setia, 2002), 32-35.

²⁰ Ab. Aziz Mohd. Zin, "Dakwah al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Suatu Kajian Khusus Terhadap Dakwah di Kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan," (Tesis kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1993), 66-67.

Jadual 4.22: Kefahaman Mengenai Agama Islam Selepas Mendengar Ceramah Agama yang Disampaikan Penceramah dari Luar Negara di MAF

Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Jum (%)	Min (%)
Saya lebih memahami tanggungjawab sebagai seorang Muslim.	0 0.0%	6 2.5%	16 6.7%	128 53.3%	90 37.5%	240 100.0%	4.26%
Saya lebih memahami kepentingan solat.	1 .4%	6 2.5%	21 8.8%	111 46.3%	101 42.1%	240 100.0%	4.27%
Saya lebih memahami mengenai konsep berjiran.	0 0.0%	6 2.5%	27 11.3%	122 50.8%	85 35.4%	240 100.0%	4.19%
Saya lebih memahami konsep sedekah.	1 .4%	5 2.1%	17 7.1%	118 49.2%	99 41.3%	240 100.0%	4.29%
Saya lebih memahami mengenai tanggungjawab dalam kekeluargaan.	0 0.0%	4 1.7%	18 7.5%	127 52.9%	91 37.9%	240 100.0%	4.27%
Ceramah agama memberi kefahaman kepada saya untuk terus beramal dengan ajaran Islam.	1 .4%	3 1.3%	10 4.2%	112 46.7%	114 47.5%	240 100.0%	4.40%
Ceramah agama menjadikan saya berfikiran terbuka mengenai Islam.	1 .4%	3 1.3%	13 5.4%	111 46.3%	112 46.7%	240 100.0%	4.38%

Sumber: Analisis Soal Selidik, Ogos 2017.

Berdasarkan jadual 4.22 menjelaskan bilangan kekerapan dan peratus penerimaan pendengar terhadap kefahaman ceramah agama yang disampaikan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9. Berdasarkan analisis yang dijalankan menunjukkan jumlah peratus sangat tidak setuju dan tidak setuju adalah kurang dari 10% dan hasil dapatan menunjukkan kesemua nilai min pada item yang diperolehi adalah melebihi 4.0%. Ini menunjukkan bahawa kefahaman ceramah agama pendengar adalah baik ketika mendengar ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara di MAF USJ 9.

Nilai peratusan min yang tertinggi menunjukkan ceramah agama memberi kefahaman kepada responden untuk terus beramal dengan ajaran Islam dengan nilai min sebanyak 4.40% dan nilai peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 94.2%, manakala peratus tidak pasti adalah sebanyak 4.2%. Nilai min yang terendah pula ialah responden lebih memahami mengenai konsep berjiran dengan nilai min terendah adalah sebanyak 4.19% dan jumlah peratus sebanyak 86.2, manakala peratus tidak pasti sebanyak 2.5%.

Seterusnya, ceramah agama menjadikan responden berfikiran terbuka mengenai Islam nilai peratus sebanyak 4.38 dengan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 93%, manakala peratus tidak pasti sebanyak 5.4%. Responden lebih memahami konsep sedekah dengan jumlah peratus sebanyak 4.29% dengan jumlah peratus sebanyak 90.5%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 7.1%, responden lebih memahami mengenai tanggungjawab dalam kekeluargaan dengan jumlah min sebanyak 4.27%, jumlah peratus sebanyak 90.8, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 7.5%.

Responden lebih memahami kepentingan solat dengan jumlah min sebanyak 4.27 dan jumlah peratus sebanyak 88.4%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 8.8% dan responden lebih memahami tanggungjawab sebagai seorang Muslim dengan nilai min sebanyak 4.26 dan jumlah peratus sebanyak 90.8%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 6.7%. Hasil analisis menunjukkan ceramah agama penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 berjaya menambahkan kefahaman masyarakat pendengar terhadap ajaran agama Islam. Ini menunjukkan ceramah agama yang disampaikan dengan baik serta padat dengan pengetahuan agama Islam mampu menambahkan pengetahuan agama, memberi kesedaran

untuk beramal dengan amalan Islam terutamanya mendirikan solat, menarik minat untuk mendalami ilmu agama dan berjaya memperbaiki akhlak masyarakat.²¹

4.6.3.6 Penerimaan Pengaruh Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara Terhadap Kehidupan Pendengar di MAF USJ 9

Jadual 4.23: Isi Ceramah Agama Mempengaruhi kehidupan Sehari-hari Pendengar

Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Jum. (%)	Min (%)
Memotivasikan saya untuk mendekati masjid.	2.8%	9.38%	12.50%	105.438%	112.467%	240.100.0%	4.32%
Meningkatkan penghayatan Islam saya untuk menunaikan solat secara berjemaah.	1.4%	9.38%	18.75%	108.450%	104.433%	240.100.0%	4.27%
Menyedarkan saya untuk menutup aurat.	2.8%	8.33%	15.63%	100.417%	115.479%	240.100.0%	4.33%
Mengurangkan pergaulan bebas saya dengan rakan-rakan yang berlainan jantina.	1.4%	10.42%	20.83%	105.438%	104.433%	240.100.0%	4.25%
Mendorong saya berakhlak dengan lebih baik.	2.8%	8.33%	8.33%	98.408%	124.517%	240.100.0%	4.39%
Membaiki hubungan saya dengan masyarakat.	2.8%	8.33%	10.42%	108.450%	112.467%	240.100.0%	4.33%
Memberi kesan kepada saya untuk terus mengamalkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam Islam.	2.8%	7.29%	10.42%	93.388%	128.533%	240.100.0%	4.41%

Sumber: Analisis Soal Selidik, Ogos 2017.

²¹ Nik Daud bin Raja Hussein, at. al, "Masjid Salehin Sebagai Wasilah Dakwah Kepada Pelatih-Pelatih Pasukan Polis di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur", *Journal of Social Sciences and Humanities* vol. 9, no. 1 (2014), 95.

Berdasarkan jadual 4.23 menjelaskan bilangan kekerapan dan peratus penerimaan pendengar terhadap pengaruh ceramah agama penceramah dari luar negara terhadap kehidupan pendengar di MAF USJ 9. Melalui analisis yang telah dijalankan menunjukkan jumlah peratus sangat tidak setuju dan tidak setuju adalah kurang dari 10% dan hasil dapatan menunjukkan kesemua nilai min pada item yang diperolehi adalah melebihi 4.0%. Ini menunjukkan bahawa nilai min yang diperolehi melebihi 4.0 dan jumlah peratus sangat tidak setuju dan tidak setuju kurang dari 5%.

Hasil dapatan menunjukkan nilai min tertinggi adalah merujuk kepada ceramah agama memberi kesan kepada responden untuk mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan dengan nilai min sebanyak 4.41% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 92.1%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 4.2%. Seterusnya, nilai min sebanyak 4.39% merujuk kepada ceramah agama mempengaruhi pembentukan akhlak mulia dengan peratusan sebanyak 92.5%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 3.3%. Nilai ini menunjukkan aspek agama sebagai tujuan utama menyampaikan ceramah agama sering mendapat tempat untuk diadakan di masjid.

Seterusnya ceramah agama mempengaruhi kehidupan pendengar dengan memperbaiki hubungan responden dengan masyarakat mendapat nilai min sebanyak 4.33% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 91.7%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 4.2%. Nilai ini menunjukkan pengaruh ceramah agama dalam memberi kesedaran kepada masyarakat penting sebagai satu aspek komunikasi dalam memberi panduan kepada tingkahlaku manusia, mencorakkan kehidupan dan mempengaruhi norma-norma hidup manusia.²²

²² Azaruddin bin Awang dan Khadijah Mohd Khambali, "Pengaruh Media dalam Dialog Kehidupan: Perspektif Pengalaman Saudara Baru", *Jurnal Komunikasi, Malaysia Journal of Communication*, Jil 31 (2) 2015, 48.

Ceramah agama mempengaruhi responden untuk menutup aurat dengan nilai min sebanyak 4.33% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 89.6%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 6.3%. Ini jelas menunjukkan bahawa aspek penerangan penjagaan aurat penting dalam ceramah agama yang disampaikan. Sebagaimana al-Qurtubi menyatakan pakaian dimaksudkan disini sebagaimana yang dinyatakan Ibnu ‘Abbas dan ‘Urwah iaitu amal saleh dan rasa takut kepada Allah S.W.T iaitu merujuk kepada pakaian takwa.²³

Memotivasikan responden untuk mendekati masjid mendapat nilai min sebanyak 4.32% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 90.5%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 5.0%. Ceramah agama mempengaruhi penghayatan Islam responden menunaikan solat secara berjamaah dengan nilai min sebanyak 4.27% dan jumlah peratus setuju dan sangat setuju sebanyak 88.3%, manakala jumlah peratus tidak pasti sebanyak 7.5%. Selain itu, nilai min yang terendah merujuk kepada ceramah agama memberi pengaruh terhadap pergaulan bebas responden dengan rakan-rakan yang berlainan jantina dengan jumlah min sebanyak 4.25 dan jumlah peratus sebanyak 87.1%, manakala jumlah tidak pasti sebanyak 8.3%.

Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara telah mempengaruhi responden untuk mengamalkan cara hidup Islam dalam kehidupan. Ini kerana aspek informasi iaitu “*reward*” berfungsi sebagai dorongan, rangsangan (stimulis) atau motivasi agar mad’u tergerak untuk melaksanakannya telah diterapkan dalam ceramah yang disampaikan. selain itu, *nadzira* atau peringatan²⁴

²³ Shafiza Shafie dan Fadlan Mohd Othman, “Garis Panduan bagi Pendakwah Wanita di Televisyen dalam Aspek Penampilan Berdasarkan al-Quran”, *Islamiyyat* 37 (1) 2015, 62, <http://journalarticle.ukm.my/9380/1/11482-31170-1-SM.pdf>

²⁴ Al-Miftah, *Kamus Moden*, entri “نَذِيرٌ”, 1822.

sebagai “khabar buruk” adalah merupakan informasi tentang ancaman atau balasan bagi perilaku yang bertentangan dengan ajaran Islam yang merupakan sebagai peringatan di atas pelanggaran kepada larangan Allah SWT. Informasi yang berupa “*punishment*” merupakan sebagai pesan agar tidak melakukan keburukan atau melanggar ajaran Islam.²⁵ Aspek-aspek ini penting bagi memastikan setiap isi ceramah agama yang disampaikan dapat memberi pengaruh baik kepada pendengar untuk mengamalnya.

4.7 Ujian Korelasi

Penyelidikan inferensi dilakukan untuk menyatakan ciri-ciri subjek kajian melalui penghuraian perhubungan antara variabel-variabel, iaitu perhubungan antara variabel bersandar dan variabel bebas. Perhubungan antara variabel-variabel dinamakan sebagai korelasi, manakala kekuatan sesuatu korelasi diwakili oleh pekali korelasi dalam ujian korelasi.²⁶ Dalam kajian ini ujian korelasi Spearman Rho digunakan bagi mengenal pasti perhubungan antara dua variabel yang menggunakan skala ordinal sebagai skala pengukuran.²⁷ Jadual dibawah menunjukkan skala kekuatan korelasi antara variabel-variabel.²⁸

Jadual 4.24: Skala Kekuatan Nilai Pekali Korelasi

Saiz Pekali Korelasi (r)	Kekuatan Korelasi
.91 hingga 1.00 atau -.91 hingga -1.00	Sangat kuat
.71 hingga .90 atau -.71 hingga -.90	Kuat
.51 hingga .70 atau -.51 hingga -.70	Sederhana
.31 hingga .50 atau -.31 hingga -.50	Lemah
.01 hingga .30 atau -.01 hingga -.50	Sangat lemah
.00	Tiada korelasi

²⁵ Asep Syamsul M. Rosli, *Komunikasi Dakwah, Pendekatan Praktis*, www.romeltea.com

²⁶ Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan*, 224-225.

²⁷ *Ibid*, h. 244.

²⁸ *Ibid*, h. 246.

Sumber: Hasil Analisis SPSS Versi 20.

Jadual 4.25: Hubungan Antara Peranan dan Sumbangan MAF USJ 9 dengan Kehadiran dan Tarikan Penceramah dari Luar Negara

			Peranan dan Sumbangan MAF USJ 9	Kehadiran Penceramah Luar Negara Di MAF USJ 9	Daya Tarikan Penceramah
Spearman's rho	Peranan Dan Sumbangan MAF USJ 9	Correlation Coefficient	1.000	.713**	.658**
		Sig. (2-tailed)	.	.000	.000
		N	240	240	240
	Kehadiran Penceramah Luar Negara Di MAF USJ 9	Correlation Coefficient	.713**	1.000	.753**
		Sig. (2-tailed)	.000	.	.000
		N	240	240	240
	Daya Tarikan Penceramah	Correlation Coefficient	.658**	.753**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.000	.
		N	240	240	240

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Keputusan analisis korelasi Spearman menunjukkan bahawa perhubungan antara peranan dan sumbangan MAF USJ 9 dengan kehadiran penceramah dari luar negara adalah signifikan ($r = .71, p < 0.01$). Nilai $r = .713$ menunjukkan terdapat perhubungan yang kuat diantara peranan dan sumbangan MAF USJ 9 dengan kehadiran penceramah dari luar negara. Hal ini dapat dilihat kehadiran penceramah dari luar negara merupakan salah satu faktor dapat mempelbagaikan pendekatan ceramah agama kepada masyarakat setempat. Di samping itu, masjid juga umpama tempat menimba ilmu.²⁹ Keluasan ilmu yang dimiliki oleh penceramah yang dijemput dari pelbagai negara tersebut yang diiktiraf dari sudut kepakaran ilmu yang dimiliki dapat meluaskan ilmu untuk dibincangkan di masjid.

²⁹ Ali Mohammad, "Sumbangan Tamadun Islam Dalam Kehidupan Masyarakat Di Alam Melayu Hingga Abad Ke- 17M," *Jurnal al-Tamaddun*, vol. 3 (Disember-Januari 2008), 60-74.

Keputusan analisis korelasi Spearman juga menunjukkan perhubungan antara peranan dan sumbangan MAF USJ 9 dengan tarikan penceramah dari luar negara adalah $r = .66$, $p < 0.01$. Ini menunjukkan bahawa nilai $r = .658$ yang ditunjukkan adalah sederhana. Kajian ini melihatkan bahawa, MAF USJ 9 dengan kehadiran penceramah dari luar negara tidak menunjukkan ia sebagai satu daya tarikan utama orang ramai ke MAF USJ 9 kerana kehadiran penceramah tempatan juga mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat setempat. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa sesetengah penceramah yang hadir mempunyai pengikutnya yang tersendiri.

Seterusnya analisis korelasi Spearman terhadap hubungan antara kehadiran penceramah dari luar negara dengan daya tarikan penceramah menunjukkan hubungan yang signifikan ($r = .75$, $p < 0.01$). Nilai $r = .753$ menunjukkan terdapat perhubungan yang kuat antara kehadiran penceramah dari luar negara MAF USJ 9 dengan daya tarikan penceramah. Ini menunjukkan bahawa kupasan isi ceramah agama yang menarik, tertarik dengan gaya penyampaian penceramah, ingin mengenali penceramah dengan lebih dekat dan populariti penceramah menjadi salah satu tarikan masyarakat tempatan menghadiri ceramah agamanya di MAF USJ 9.

Jadual 4.26: Hubungan Antara Isi Ceramah Agama Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9 dengan Kefahaman Ceramah Agama dan Pengaruh Ceramah Agama

			Isi Ceramah Agama Penceramah Dari Luar Negara Di MAF USJ 9	Kefahaman Ceramah Agama	Pengaruh Ceramah Agama
Spearman's rho	Isi Ceramah Agama Penceramah Dari Luar Negara Di MAF USJ 9	Correlation Coefficient	1.000	.797**	.719**
		Sig. (2-tailed)	.	.000	.000
		N	240	240	240
	Kefahaman Ceramah Agama	Correlation Coefficient	.797**	1.000	.813**
		Sig. (2-tailed)	.000	.	.000
		N	240	240	240
	Pengaruh Ceramah Agama	Correlation Coefficient	.719**	.813**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.000	.
		N	240	240	240

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Sumber: Hasil Analisis SPSS Versi 20.

Keputusan analisis korelasi Spearman menunjukkan bahawa hubungan antara isi ceramah agama penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 dengan kefahaman ceramah agama adalah mendapat hubungan yang signifikan ($r = .80$, $p < 0.01$). Nilai $r = .797$ menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara isi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara dengan kefahaman ceramah agama. Analisis menunjukkan bahawa kekemasan isi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara dengan baik dapat memberi kefahaman yang jelas terhadap isi ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah.

Keputusan analisis korelasi Spearman juga menunjukkan bahawa hubungan antara isi ceramah agama penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 dengan pengaruh ceramah agama

adalah mendapat hubungan yang signifikan ($r = .72$). Nilai $r = .719$ menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara kedua-dua variabel tersebut. Ini menunjukkan bahawa isi ceramah yang difahami dengan baik akan mempengaruhi amalan responden dalam kehidupan seharian. Keputusan ini juga disokong dengan hasil dapatan yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara kefahaman ceramah agama dengan pengaruh ceramah agama dalam kehidupan dengan nilai signifikan ($r = .813$). Nilai ini juga menunjukkan hubungan yang kuat antara variabel tersebut.

4.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya data ini menunjukkan MAF USJ 9 dengan kehadiran penceramah dari luar negara dapat meningkatkan peranan MAF USJ 9 sebagai pusat ibadah dan perkembangan ilmu serta kebudayaan Islam. Ceramah agama yang dianjurkan melibatkan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 dapat menarik ramai masyarakat untuk turut serta memahami agama Islam. Kehadiran penceramah dari luar negara merupakan salah satu usaha baik dari pihak masjid bertujuan untuk mengimarahkan fungsi masjid dalam masyarakat Islam sebagai pusat perkembangan ilmu. Usaha untuk menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran ilmu perlu diteruskan agar masyarakat tidak memandang masjid hanya sebagai tempat menunaikan solat.

Walau bagaimanapun, bagi menjamin setiap ilmu yang disampaikan dapat diterima baik oleh masyarakat, pemantauan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) perlu diambil kira bagi memastikan setiap apa yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara menepati keadaan masyarakat Islam di Malaysia. Di samping itu, aktiviti ceramah agama yang dianjurkan dengan menjemput penceramah dari luar negara dilihat satu usaha yang baik dari pihak penganjur dalam mempelbagaikan perbincangan ilmu di masjid.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini mengandungi rumusan dan cadangan berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 dengan mengambil kira aspek-aspek penerimaan pendengar. Kesimpulan dari kajian ini memberikan gambaran keseluruhan tentang aktiviti ceramah agama yang melibatkan penceramah dari luar negara. Selain itu, kajian ini penting bagi mendatangkan cadangan kepada pihak-pihak yang berkaitan dalam membuat penambahbaikan kepada aktiviti ceramah agama yang telah dijalankan dan aktiviti yang dirancang pada masa akan datang yang melibatkan penceramah dari luar negara agar ianya sejajar dengan keperluan masyarakat untuk memahami agama Islam.

5.2 Rumusan

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dilakukan, pengkaji telah mrumuskan dengan membahagikannya kepada dua bahagin:

5.2.1 Masjid al-Falah (MAF) USJ 9

Hasil kajian mendapati bahawa kecemerlangan MAF USJ 9 dalam mengatur aktiviti keagamaan telah menarik ramai masyarakat untuk hadir mengikuti ceramah agama yang dianjurkan. Ceramah agama dengan melibatkan penceramah dari luar negara memerlukan usaha pelbagai pihak dalam memastikan aktiviti yang dijalankan memberi inpak yang baik kepada masyarakat pendengar.

MAF USJ 9 dengan ahli jawatan kuasa telah merancang dengan teliti bagi memasti setiap aktiviti yang dijalankan dapat diterima baik serta dapat mengangkat martabat MAF USJ 9 sebagai sebuah masjid yang bergiat aktif dalam menyumbangkan program-program keilmuan bagi masyarakat setempat. Kajian juga mendapati kepekaan dalam memastikan masjid dipenuhi dengan aktiviti keagamaan telah membentuk keprihatinan masyarakat dalam menyumbangkan kewangan kepada sesebuah masjid. Sumber kewangan yang mencukupi membantu proses perjalanan aktiviti keagamaan di MAF USJ 9 dapat dijalankan dengan sebaik mungkin. Dalam memartabatkan institusi masjid sebagai pusat utama bagi masyarakat Islam, sumbangan dari pelbagai pihak amat diperlukan.

Kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti ceramah agama yang melibatkan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat Islam tempatan. Peranan yang dimainkan oleh pihak MAF USJ 9 dalam membawa variasi ceramah agama dengan menjemput penceramah dari luar negara telah menggalakkan masyarakat mengikuti aktiviti ceramah agama yang dianjurkan oleh pihak masjid. MAF USJ 9 melalui peranan dan sumbangannya telah menjadikan aktiviti ceramah agama sebagai aktiviti penting dalam memberi kefahaman Islam dalam kalangan masyarakat Islam.

5.2.2 Penceramah dari Luar Negara di MAF USJ 9

Kehadiran penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 merupakan satu usaha dakwah dalam membawa kelainan dari sudut pendekatan ilmu yang disampaikan. Berdasarkan kepada latar belakang diri, personaliti dan karekter yang berbeza dengan masyarakat tempatan, membawa faktor masyarakat ingin mengenali golongan penceramah ini dengan lebih dekat. Hasil kajian menunjukkan bahawa dengan jumlah peratusan bersetuju sebanyak 52.1% menunjukkan penceramah dari luar negara di MAF USJ 9 yang hadir adalah seorang yang fasih dalam

menyampaikan ceramah agama. Di samping itu, penceramah berpengetahuan, berkeyakinan diri dan bersemangat dalam menyampaikan ceramah agama serta ilmu yang disampaikan jelas dalam memahami agama Islam dengan baik. Kajian merumuskan bahawa jumlah peratus bersetuju adalah tertinggi sebanyak 57.1% menunjukkan penceramah mempunyai penampilan yang bersemangat dalam menyampaikan ceramah agama.

Berdasarkan dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa responden meminati tajuk ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dengan jumlah peratus bersetuju sebanyak 61.7% adalah yang tertinggi berbanding item-item lain. Ini menunjukkan bahawa MAF USJ 9 dalam memilih tajuk ceramah adalah sesuai dengan keadaan masyarakat Islam yang hadir. Kajian juga mendapati bahawa ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah dari luar negara telah membawa responden lebih memahami tanggungjawab sebagai seorang Muslim dengan jumlah peratus bersetuju sebanyak 53.3%. Ini menunjukkan bahawa penceramah dari luar negara dari aspek kefahaman isi ceramah sangat memberi kesan yang baik kepada pendengar untuk memahami agama Islam.

Hasil kajian merumuskan bahawa penceramah dari luar negara berjaya mempengaruhi pendengar melalui ceramah agama yang disampaikan oleh mereka. Kajian mendapati ceramah agama yang disampaikan telah mempengaruhi masyarakat yang hadir dalam mengamalkan nilai murni Islam dalam kehidupan. Berdasarkan kepada dapatan tertinggi yang diperolehi menunjukkan bahawa ceramah agama memberi kesan kepada pendengar untuk terus mengamalkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam Islam dengan jumlah sangat setuju sebanyak 53.3%. Di samping itu, ceramah agama juga mendorong pendengar untuk berakhlak dengan lebih baik dan telah menyedarkan pendengar untuk mengambil perhatian terhadap penjagaan aurat.

Kesimpulan daripada rumusan yang dibuat menunjukkan bahawa, penerimaan pendengar terhadap penceramah dari luar negara adalah dilihat melalui peranan dan sumbangan masjid dalam usaha menyumbangkan ilmu, penceramah dari luar negara yang berkemahiran dalam menyampaikan ilmu pengetahuan agama Islam, daya tarikan penceramah luar negara yang mempunyai pengetahuan luas mengenai agama Islam, isi ceramah yang menekankan syariat Islam dan pembentukan akhlak seorang Islam, kefahaman dalam beramal dengan ajaran Islam serta ceramah agama menekan nilai-nilai murni yang terdapat dalam ajaran Islam. Oleh itu, usaha ini perlu dipertingkatkan ke arah pengurusan aktiviti ceramah agama yang lebih baik terutama yang melibatkan penceramah dari luar negara agar MAF USJ 9 agar terus bergiat aktif dalam menyalur ilmu kepada masyarakat setempat khususnya dan masyarakat negeri Selangor umumnya.

5.3 Cadangan

Beberapa cadangan telah dikemukakan dalam kajian ini antaranya, pengkaji mencadangkan pihak masjid perlu menyediakan penterjemah yang berkaliber dan mahir dalam menterjemah serta mantap dalam menguasai bahasa yang digunakan oleh penceramah. Ini kerana, seseorang penterjemah memainkan peranan penting selepas penceramah dalam memberi kefahaman terhadap isi ceramah agama yang disampaikan kepada pendengar.

Taklimat sangat penting kepada penceramah yang dijemput. Taklimat tersebut bertujuan bagi memastikan penceramah yang dijemput memahami topik yang dibincangkan untuk disesuaikan dengan keadaan masyarakat di sekitar masjid. Selain itu, memahami waqi' sesebuah tempat sangat penting bagi seseorang penceramah agar setiap isi yang disampaikan benar-benar menepati keadaan masyarakat setempat. Ia supaya masyarakat boleh menerima setiap ilmu yang disampaikan dengan baik.

Kebiasaannya penceramah luar negara yang dijemput hadir untuk menyampaikan ceramah agama pada kebiasaannya mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas. Pengkaji mencadangkan penceramah dari luar negara dengan topik yang lebih mencabar dan berkisarkan dengan isu-isu semasa. Ia perlu perlu dipertimbangkan supaya dapat menarik minat lebih ramai golongan pendengar untuk mengikuti ceramah tersebut.

Kehadiran penceramah dari luar negara adalah satu variasi yang diadakan di sesebuah masjid. Oleh itu, pihak masjid perlu mear-warkan lebih awal kepada masyarakat dari segi tajuk dan penceramah, agar dapat persediaan kepada masyarakat untuk hadir. Peruntukan masa untuk sesi soal jawab perlu dipertimbangkan bertujuan untuk memberikan masa kepada pendengar untuk menanyakan soalan kepada penceramah. Selain itu, kajian ini mencadangkan kepada pihak MAF USJ 9 menyediakan rakaman beserta sarikata bagi memudahkan masyarakat tempatan memahami ceramah agama yang disampaikan.

Cadangan juga dapat dikemukakan kepada badan yang berkuasa seperti JAKIM atau bahagian imigresen agar tidak melewatkan untuk memberi kelulusan pas lawatan Ikhtisan selepas proses pemeriksaan berjalan. Ini kerana kelewatan kelulusan pas lawatan Ikhtisan yang dikeluarkan akan mengganggu proses pengiklanan penceramah tersebut yang menyampaikan ceramah di sesebuah masjid.

Hasil kajian ini amat bermanfaat kepada penganjur ceramah agama samada daripada institusi masjid atau badan-badan NGO yang menganjurkan ceramah agama melibatkan penceramah dari luar negara. Ia merupakan sebagai penduan pengambilan penceramah dari luar negara ke sesebuah masjid. Saranan untuk pengkaji akan datang, pengkaji mencadangkan kajian terhadap institusi masjid perlu diperbanyakkan. Hal ini penting bagi memastikan setiap aktiviti yang dianjurkan dapat dinilai dan ditambah baik untuk meningkatkan lagi prestasi masjid sebagai institusi utama umat Islam. Dakwah sebagai

mercu utama warisan Islam dalam memartabatkan agama Islam sebagai cara hidup tetap menjadi fokus utama institusi masjid selain sebagai pusat ibadah.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

- ‘Alī Mahfuz, *Fann al-Khiṭābah wa I‘dad al-Khātib* (Dār al-I‘tiṣām, 1984).
- “Hampir 30,000 Dengar Ceramah Dr Zakir Di Terengganu,” *Malaysiakini*, 11 April 2016, dicapai pada 18 September 2016.
- A.Muis, *Komunikasi Islam* (Bandung: PT Remaja Rosdakarya, 2001).
- Ab. Aziz Mohd Zin *et al.*, *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006).
- Ab. Aziz Mohd. Zain *et al.*, “Isu-Isu Tamadun Islam,” dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006).
- Ab. Aziz Mohd. Zain, *et al.*, *Tamadun Islam Dan Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006).
- Ab. Aziz Mohd. Zin, “Dakwah al-Quran Kepada Orang Bukan Islam: Suatu Kajian Khusus Terhadap Dakwah di Kalangan Masyarakat Cina di Wilayah Persekutuan,” (Tesis kedoktoran, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1993).
- Ab. Aziz Mohd. Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997).
- Abd Hakim Mohad *et al.*, “Dakwah Islam di Sabah, Malaysia: Satu Eksplorasi Awal,” *Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, 1(2) (August 2016), 151-165.
- Abdul Halim Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1987).
- Abdul Mua’ti@Zamri Ahmad, *Panduan Pengucapan Awam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2015)
- Abdul Munir Ismail, *Dakwah Satu Tuntutan dalam Islam* (Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014).
- Abdul Rashid Abdul Rahman, “Masjid Bandaraya Masjid Masjid Hadhari Kedua Negara,” Utusan Online, 2008, dicapai 27 April 2017.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd, *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh* (Selangor: PTS Publications dan Distributors SDN. BHD, 2006).
- Abdullah Ishak, *Islam di Nusantara Khususnya di Tanah Melayu* (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, 1992).
- Abdullah Ishak, *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995).

- Abu Sufian Ab. Ghani, “Pembinaan Peradaban Ummah: Pemikiran dan Pendekatan Hasan al-Banna” (Disertasi Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000).
- Abuddin Nata, *Perspektif Islam Tentang Strategi Pembelajaran* (Jakarta: Kencana Prenada Media Group, 2011).
- Achmad Mubarak, *Psikologi Dakwah*, ed. Zakiah Daradjat (Jakarta: Penerbitan Pustaka Firdaus, 2008).
- Adli Hj. Yacob & Khuzaihan Zakaria, *Kamus Bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Crescent News, 2008).
- Aedi Asri, “Kenali 3 Pendakwah Asing Popular dalam Kalangan Umat Islam Bandar”, dicapai 14 Oktober 2017, www.freemalaysiatoday.com.
- Ahmad Fisol Hashim “Keberkesanan Program Agama Radio Malaysia Kedah (RMK): Kajian Di Daerah Kota Star, Kedah,” (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008).
- Ahmad Mahmud Abu Zaid, *Pendakwah Masa Kini: Sikap dan Pendekatan* (Kuala Lumpur: Perniagaan RITA, 1996).
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Che Yusoff Che Mamat, “Pendekatan Dakwah Kepada Masyarakat India Muslim: Kajian ke Atas Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia, PERMIM, *Journal Usuluddin* 17 (2003), 137-152.
- Ahmad Tarmizi Abdur Rahman *et al.*, “Persepsi Belia Tentang Metode dan Pendekatan Dakwah yang Digunakan oleh Pendakwah di Wilayah Persekutuan Labuan,” *Jurnal Usuluddin* (2008), 106-121.
- Ahmad Termizi Ab. Lateh, “Keberkesanan Program Agama Terhadap Penagih Dadah: Kajian di Pusat Serenti Karang dan Inabah 10, Kedah,” (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).
- Ahmad Zaki Abd. Latiff *et al.*, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia TITAS* (Oxford Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2009).
- Aidh Abdullah Al-Qarni, *Koleksi Khutbah (Edisi Lengkap)* (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2009).
- Aladin Hj. Mamat, “Penghayatan Islam di Kalangan India Muslim di Masjid India,” (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003).
- Ali Garishah, *Juru Da'wah Bukan Teroris* (Solo, Indonesia: Pustaka Mantiq, t.t).

- Ali Mohammad, "Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu Hingga Abad ke-17M," *Jurnal al-Tamaddun*, vol. 3 (2008), 60-74.
- Alias Azhar & Solahuddin Ismail, "Pembangunan Masyarakat Berilmu Melalui Institusi Masjid: Ke Arah Pembinaan Modul Program Tafaqquh Bersifat Semasa", *Prosiding Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi Ke-3*, vol. 1 (Sintok: Sains Sosial dan Kemanusiaan, UUM, 2013).
- Amini Amir Abdullah, *Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam Program Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (IPTM)* (Selangor: Universiti Putra Malaysia, t.t.).
- Aristotle, *The Basic Work of Aristotle* (New York, N.Y: Rendom House, 1941).
- Armawati Arbi, M. Si, *Psikologi Komunikasi dan Tabligh* (Jakarta: Amza, 2012).
- Asep Muhiddin, *Dakwah dalam Perspektif al-Quran* (Bandung: Pustaka Setia, 2002).
- Asep Muhiddin, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 1995).
- Asep Syamsul M. Romli, *Komunikasi Dakwah, Pendekatan Praktis*, www.romeltea.com, 2013, 15.
- Asmak Haji Ali & Cik Hashim Mat Said, "Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari" dalam *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*, ed. Mohd. Ismail Mustari (Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia, 2008).
- Asming Yalawae & Ahmad Farid Ibrahim, "Akhlak Warisan Rasulullah SAW Membawa Kemuliaan Umat," *Jurnal Usuluddin*, vol. 26 (2007), 71-83.
- Azia Arifin, "Peranan Masjid dalam Pembentukan Peribadi: Suatu Kajian di Daerah Gombak" (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008).
- Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII* (Indonesia: Kencana Prenadamedia Group. 2013).
- Azyyati Mohd Nazim *et al.*, "Peranan NGO Islam Dalam Merealisasikan Pendekatan Islam Hadhari di Malaysia" *Jurnal Hadhari* 6 (1) (2014), 1-12.
- Badlishah Mohd Nasir, "Pendidikan dalam Gerakan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan," *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (1) (2010), 1-12.
- Che Haslina Abdullah, "Pembinaan Tamadun Islam Seimbang Melalui Psikologi Islam" *Journal Hadhari* 5 (1) (2003), 199-213.
- Che Yusoff Che Mamat & Syamsul Bahri Andi Galigo, *Dinamika Dakwah dalam Masyarakat* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997).

- Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan, Analisis Data Skala Likert, ed. ke-3* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2008).
- Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd., 2012).
- Chua Yan Piaw, *Ensiklopedia Islam Indonesia* (Jakarta: Penerbit Djambatan, 1992).
- e-Ikhtisan, Sistem Sokongan Pas Lawatan Ikhtisan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), <http://e-ikhtisas.islam.gov.my/visa/>. Dicapai pada 14 Julai 2016
- Eko Endarmoko, *Tesaurus Bahasa Indonesia* (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2007).
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, "Pengajian Takmir Masjid di Terengganu: Sambutan Masyarakat Islam," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, vol. 1 (2008), 1-15.
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir, "Kelas Agama di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat: Kajian Tentang Persepsi Masyarakat dan Keberkesanannya" (Tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir, "Persepsi Pendengar Kelas Agama Terhadap Pengajian Agama di Masjid-Masjid Daerah Hulu Langat," *Jurnal Usuluddin* (2009), 186-205.
- Fatimah Salleh, "Pendidikan Islam di Kalangan Wanita di Shah Alam: Kajian di Masjid-Masjid" (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003).
- Fuad Mohd Fakhruddin, *Suara Islam: Dai, Allah Dan Imam* (Jakarta: Darul Iman, t.t).
- Ghazali Darussalam, *Dakwah Islam dan Ideologi Barat* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 1998).
- H. Muhammad Th, *Kedudukan Ilmu dalam Islam* (Surabaya: al-Ikhlash, 1984).
- H.M. Arifin, M. Ed, *Psikologi Dakwah Satu Pengantar Stadi* (Jakarta: Bumi Aksara, 1994).
- Haikal Raman, "Ustaz Nauman Pukau 4000 Tetamu," *Kosmo*, 14 Julai 2015.
- Hailan Salamun & Rofishah Rashid, "Tahap Kepemimpinan Pengerusi Masjid di Terengganu" *Journal of Business and Social Development*, vol. 4, no. 1 (March 2016), 65-77.
- Hailan Salamun, "Kepimpinan Rabbani di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama" (Tesis kedoktoran, Institusi Pengajian Kepengetahuan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

- Hairunnizam Wahid, “Masjid dan Pembentukan Model Sosial: Apakah Faktor Penentu Aktivisme Masjid?” (Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Pengajian Ekonomi, t.t.), <http://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/Paper%20peranan%20masjid.pdf> 1-9
- Haris Maalea, “Peranan Dana Masjid dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Pattani, Selatan Thailand” (Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).
- Hasan Bahrom, “Menjana Sumber Kewangan Masjid Pemangkin Pembangunan Ekonomi Ummah,” dalam *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid* (Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia, 2008).
- Hashim Hj. Musa, *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga* (Universiti Malaya, 2001).
- Hashim Musa *et al.*, “Konsep, Latar Belakang dan Pandangan Semesta Masyarakat Melayu,” dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006).
- Hashim Musa, *et al.*, “Islam Dan Tamadun Melayu: Peranannya dalam Pembinaan Tamadun Malaysia” (Koleksi Persidangan. Seminar Islam Hadhari dan Pembangunan Ummah Peringkat Kebangsaan, Kuala Lumpur, 2006).
- Hassan Langgulung, “Masalah-masalah Pelajar Sekolah Menengah,” *Jurnal Pendidikan* 5 (1977).
- Huri Yasin Husain, *Fikih Masjid*, terj. Khalifurrahman Fath & Fathur Rahman Nizar Az-Zainaby (Jakarta Timur: Pusat al-Kautsar, 2007).
- Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Buah Ilmu* (Jakarta: Pustaka Azzam, 1999).
- Idris Zakaria, “Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu”, *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 91-108.
- Jumali Hj. Selamat *et al.*, *Komunikasi Berkesan Aplikasi Untuk Remaja* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012).
- Kamarudin Haji Husin, *Pengajaran dan Pembelajaran Lisan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).
- Kamarul Azmi Jasmi, “Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin,” (Disertasi Sarjana, Program Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002).
- Kamus Bahasa Indonesia Online*, entri “Penerimaan”, www.KamusBahasaIndonesia.org
- Kamus Dewan*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002).
- Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013).

- Kamus Komunikasi Massa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).
- Khairul Bariah Md Khair, “Falsafah dan konsep pendidikan menurut Imam Al-Ghazali,” (Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999).
- Kulwindr Kaur Sidhu, *Pengucapan Awam dan Kemahiran Persembahan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006).
- Lim Chong Him, *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif* (Selangor: McGraw-Hill Education, 2007).
- M. Basyiruddin Usman, *Metodologi Pembelajaran Islam* (Jakarta: Ciputat Pers, 2002).
- Mahazan Abdul Mutalib *et. al.*, *Masjid dan Pembangunan Komuniti Bandar dan Luar Bandar* (Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, 2016).
- Mahmud Karam Sulayman, *al-Takhtit al-I'lāmī fī daw' al-Islām* (Qāhirah: Dār al-Wafā', 1988)._{Jaya (MPSJ),}” *Portal Rasmi MPSJ*, www.mpsj.gov.my, dicapai pada 14 Julai 2016.
- Mani` Ibn Hammad, *al-Mawsū'ah al-Muyassarah fī al-Adyan wa al-Madhāhib al-Mu'āsarah* (Riyād: al-Nadwah al- 'Ālamiyyah li al-Shabab al-Islāmī, 19 2).
- Marian Abd. Majid dan Marlon Pontino Guleng, “Masjid dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik di Malaysia,” *Jurnal Hadhari*, ejournals.ukm.my/jhadhari 8 (1) (2016), 31-48.
- Marlia Zakaria, “Elak Penularan Fahaman Berbeza,” *Sinar Harian*, 9 Mac 2016.
- Marohaini Yusoff, *Pengumpulan dan Analisis Data: Penyelidikan Kualitatif Pengamalan Kerja Lapangan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001).
- Mesyuarat Agong Tahunan 2015/2016, Masjid al-Falah (MAF) USJ 9.
- Mesyuarat Agung Tahunan 2014/2015, Masjid al-Falah (MAF) USJ 9.
- Mohamad Zain Dolah, “Retorik Pengucapan Khutbah Jumaat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur” (Tesis kedoktoran, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).
- Mohd Alwee Yusoff & Mohamad Azrien Mohamed Adnan, “Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmu dan Peradaban: Satu Kajian dari Sudut Keistimewaannya,” *Jurnal Usuluddin*, vol. 27 (2008), 157-167.
- Mohd Azrin Johari & Faisal Ahmad Shah, “kajian Terhadap Kefahaman Hadith Kalangan Ahli Jemaah Masjid dan Surau di Shah Alam, Selangor” *The Online Journal of Islamic Education*, vol. 3, Issue 21 (Juli, 2015), 1-11.

- Mohd Khairi Zainuddin, *et al.*, *Al-Miftah, Mu' jam 'Asri* (Shah Alam, Selangor: al-Azhar Media Enterprise, 2007).
- Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004).
- Mohd. Fadzilah Kamsah, “Membudayakan Kecemerlangan dalam Penyampaian Khutbah: Satu Kajian Kes di Negeri Pahang Darul Makmur”, *Jurnal Komunikasi, Malaysia Journal of Comunication* (1991), 37-46.
- Muhammad Fadly Ismail, “Pengajian al-Quran dalam Kalangan Golongan Kelas Menengah: Tumpuan Kajian di Masjid-Masjid Terpilih di Kuantan” (Disertasi Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).
- Mustafa Kamal Ayub, *Membina Generasi Pelajar Berilmu: Penggerak Tamadun* (Kuala Lumpur: Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), 1989).
- Nasrudin Sidi, “Pendekatan Dakwah Ismail Lutfi Japakiya: Kajian Tentang Tarikan Dakwahnya di Selatan Thailand” (Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010).
- Nik Aziz Nik Pa, *Islam Hadhari Kekuatan Masjid dalam Menjana Masyarakat Gemilang* (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007).
- Nik Daud Raja Husein *et al.*, “Masjid Salehin Sebagai Wasilah Dakwah Kepada Pelatih-Pelatih Pasukan Polis di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur,” *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 9, No. 1 (2014), 85-97.
- Nor Azlina Abd. Wahab *et al.*, “Pemeriksaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari,” *e-Academia Journal UiTMT* Vol.7 Issue 2 (2016), 219-229.
- Norhidayyu Zainal, “Taman Syurga: Habib Ali Zaenal Semakin Dikenali,” *Sinar Online*, 8 Mei 2015, Dicapai pada 18 September 2016.
- Nur Azuki Yusuff, “Institusi Berorientasikan Islam di Bawah Permodelan Kelantan Berhad: Analisis Penerimaan Masyarakat Majmuk Kota Bharu, Kelantan” (Tesis Kedoktoran, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).
- Omar Zakaria@Omar Samae, “Penggunaan Kitab dalam Komunikasi Dakwah: Kajian Kes Terhadap Pengajian Agama di Masjid dan Surau di Selangor dan Negeri Sembilan” (Tesis kedoktoran, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).

Portal Rasmi Majlis Perbandaran Subang Jaya, <https://ocps.mpsj.gov.my>

Protal Rasmi Jabatan Agama Islam Selangor, <http://www.jais.gov.my/artikel/paid>. Dicapai pada 14 Julai 2016.

Protal Rasmi Kementerian Dalam Negeri, <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/maklumat-korporat/fungsi-kementerian>. Dicapai pada 14 Julai 2016

Rahimi Md. Saad, "Pendekatan dan Pengisian Pengajaran dalam Menjadikan Masjid Pusat Kecemerlangan Ilmu" dalam *Islam Hadhari Kekuatan Masjid dalam Menjana Masyarakat Gemilang*, ed. Abd. Hamid Othman (Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari, 2007).

Rahmat Ismail, *Pidato Berpidato: Seni Dan Teknik* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors SDN. BHD, n.d.).

Raja Azhar Raja Ismail, "Sejarah Perkembangan dan Peranan Masjid di Perlis: Kajian di Masjid negeri Arau, Perlis" (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004).

Rebecca B. Rubin & Sally A. Henzl, "Cognitive Complexity, Communication Competence, and Verbal Ability" (Communication Quarterly), 1984, dalam *Kecemerlangan dalam Pengucapan Awam*, ed. Supyan Hussin & Azhar Jaludin (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2006).

Sarkiah Shaari, "Masjid Negara: Suatu Kajian Tentang Usaha-Usahanya dalam Pendidikan Kanak-Kanak" (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005).

Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis* (Selangor: Universiti Putra Malaysia, 2002).

Suhailah Hj. Abd. Muin, "Meperkasakan Kaedah Komunikasi Berkesan Bagi Membina Peradaban Ummah: Menurut Perspektif Islam," (Prosiding Konvensyen Serantau Pengajian Islam (Melaka: Anjuran Akademi Pengajian Islam Dengan Kerjasama RNDICC KUIM, 2014).

Suparman Syukur, *Epistemologi Islam Skolastik: Pengaruhnya Pada Pemikiran Islam Mordern* (Walisongo Semarang: Pustaka Pelajar, 2007).

Supyan Hussin, Azhar Jaludin, *Kecemerlangan dalam Pengucapan Awam* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor SDN. BHD, 2006).

Syamsul Bahri Andi Galigo, *Anjakan Paradigma Dakwah dalam Menghadapi Pelampau Agama* (Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006).

Syed Abdurahman Syed Hussein, "Uslub al-Hikmah, al-Maui`zah al-Hasanah dan Mujadalah bi al-Husna Mengikut Pandangan Ulama," *Jurnal Usuluddin*, 4 (1996), 49-70.

- Syed Abdurrahman Syed Hussein, "Pendekatan Targhib dan Tarhib dalam Penyampaian Dakwah," *Jurnal Usuluddin*, vol. 21 (2005), 85-116.
- Wan Hassan Wan Embong, "Keberkesanan Pengajaran Pendidikan Akidah Tingkatan 4: Kajian ke Atas Guru-Guru Cemerlang Pendidikan Islam di Daerah Johor Bahru" (Tesis kedoktoran. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Univesiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014).
- Wan Mohd. Nor Wan Daud, *Konsep ilmu dalam Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.).
- Wan Mohd. Wan Daud, *Penjelasan Budaya Ilmu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 25.
- Wan Yusnee Wan Abdullah, "Dakwah di Universiti Selangor: Kajian Masalah Pelaksanaan dan Penerimaan Pelajar" (Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2013).
- Wilbur Schramm; William E. Porter, *Lelaki, Wanita, Mesej dan Media: Memahami Komunikasi Manusia*, ter. Azizah Eusop, Khatijah Ismail & Shamsiah Md. Said (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).
- Yusmini Md. Yusoff, Mohd Anwarulhaq Sulaiman, "Kajian Tentang Maklum Balas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-Masjid Negeri di Semenanjung Malaysia," *Jurnal Usuluddin*, 20 (2004), 201-222.
- Yusof Qardhawi, *Keutamaan Ilmu dan Kemuliaan Para Ulama'*, terj. M. Junaid al-Hashimi (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 1996).
- Zakaria Stapa *et al.*, "Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim," *Jurnal Hadharah Special Education* (2012), 129-141.
- Zakaria Stapa *et al.*, "Pendidikan Menurut al-Quran dan Sunnah Serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah," *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012), 7-12.
- Zawiah Hj. Mat, "Peranan Agama Islam dan Kesannya ke Atas Perkembangan Peradaban Umat Islam Khususnya di Alam Melayu" (Disertasi Sarjana, Program Pengajian Peradaban, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002).
- Zaydān, *Uṣūl al-Da'wah* (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā', 1992).
- Zulkiflee Ali, "Perkembangan Institusi Masjid di Negeri Pahang: Suatu Kajian di Daerah Kuantan" (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).
- Zulkiflee Bakar *et al.*, "Pendakwah Luar Bawa Ajaran Songsang?" *Utusan Malaysia*, 26 Mei 2015.

Zulkifli Aini, “Komunikasi Dakwah Antara Budaya dalam Masyarakat Majmuk di Sabah,” (Seminar Anatarabangsa Dakwah dan Etnik: Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-disiplin, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor, 2014).

Zulkiple Abd. Ghani, *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2001), 2.

Zulkiple Abd. Ghani, *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat* (Kuala Lumpur: Utusan Publications), 2001.

Temu bual

Mohammad Nor Salami Masri (Pengurus Masjid as-Salam, Puchong Perdana) dalam temu bual dengan pengkaji, 19 April 2017.

Mohd Zuwairi Mohd Yusof (Imam 1, Masjid al-Falah USJ 9) dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Mei 2016.

Responden A (Muallaf/Ahli Jemaah, MAF USJ 9), dalam temu bual dengan pengkaji pada 28 Mac 2016.

Siti Faridah Zainuddin (Pengurus Tadbir Masjid Tun Abdul Aziz, Petaling Jaya) dalam temu bual dengan pengkaji, 17 April 2017.